



MENJANA
PERTUMBUHAN

LAPORAN TAHUNAN 2018



MENJANA PERTUMBUHAN

Perjalanan kami adalah sesuatu yang membezakan kami - untuk menjadi sebuah firma ekuiti persendirian bertaraf dunia dengan cita-cita untuk mewujudkan generasi syarikat peneraju terkemuka di Malaysia. Sejarah kami dalam pertumbuhan organik dan pengambilalihan strategik telah menyaksikan inspirasi perubahan dan transformasi kepada syarikat portfolio kami. Dengan menyampaikan mandat kami, Ekuinas berusaha untuk memastikan ekonomi tempatan didorong oleh syarikat berpotensi tinggi dan akan menjana negara dalam jangka masa panjang.

Kesedaran dan ketajaman perniagaan serta pemahaman mendalam pasaran tempatan membolehkan kami mengenal pasti, mengurus dan mengemudi pelbagai portfolio pelaburan yang kami punyai. Asas DNA kami ialah keinginan mencapai kejayaan yang lebih tinggi dan mencartakan peristiwa penting baharu untuk firma dan syarikat-syarikat portfolio kami. Ini mencerminkan cita-cita kami, yang disokong oleh prestasi kami dan juga mengukuhkan kedudukan kami untuk dekad yang akan datang.

VISI

Menjadi syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian bertaraf dunia

MISI

Melahirkan generasi syarikat peneraju Malaysia di samping menggalakkan penjanaan kekayaan serta penglibatan Bumiputera secara saksama dan mampan berlandaskan prinsip mesra pasaran, merit dan telus

NILAI-NILAI SYARIKAT

DIDORONG SECARA KOMERSIAL

Kami mengamalkan disiplin komersial yang tinggi untuk mewujudkan nilai

PRESTASI TINGGI

Kami sentiasa berusaha untuk menjangkau sasaran

BERDASARKAN MERIT

Kami mengiktiraf dan memberi ganjaran hanya berdasarkan prestasi

BERSEMANGAT

Kami bersemangat dalam menjalankan tugas kami untuk mencapai lebih daripada yang diharapkan

FOKUS

Kami sentiasa fokus dalam usaha untuk mencapai objektif kami

RENDAH DIRI

Kami berpegang teguh kepada asal usul kami



Imbas kod QR ini untuk melayari
laman web rasmi Ekuinas

KANDUNGAN

MENGENAI KAMI

2

RINGKASAN TAHUNAN

- 4 Sepintas Lalu 2018
- 6 Maklumat Penting Kewangan 2018
- 10 Sorotan Kewangan selama Lima Tahun
- 12 Perutusan Bersama Pengerusi dan
Ketua Pegawai Eksekutif
- 19 Memajukan Revolusi Digital dalam Sektor
Pembuatan di Malaysia oleh A.T. Kearney

KEPIMPINAN

- 28 Struktur Korporat
- 29 Maklumat Korporat
- 30 Struktur Organisasi
- 31 Lembaga Pengarah
- 35 Pengurusan Kanan

PRESTASI

- 38 Laporan Prestasi Pelaburan

TADBIR URUS KORPORAT

- 76 Penyata Tadbir Urus Korporat
- 86 Penyata Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman
- 92 Laporan Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Risiko
- 97 Dasar Pendedahan

HAL EHWAL PIHAK BERKEPENTINGAN

- 100 ILTIZAM bersama Ekuinas
- 101 ILTIZAM untuk Keusahawanan
- 102 ILTIZAM untuk Pendidikan
- 105 ILTIZAM untuk Komuniti

LAPORAN PORTFOLIO

108

GLOSARI

121

MENGENAI KAMI

Ekuiti Nasional Berhad, atau Ekuinas, adalah sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian yang ditubuhkan oleh kerajaan Malaysia pada 1 September 2009 untuk menggalakkan penjana kekayaan serta penglibatan Bumiputera secara saksama dan mampan berlandaskan prinsip mesra pasaran, merit dan telus, menerusi penubuhan syarikat-syarikat peneraju generasi baharu di Malaysia.

BAGAIMANA EKUINAS BEROPERASI?

Berdasarkan model ekuiti persendirian (PE):

i pelaburan dalam syarikat berpotensi tinggi	ii mengembangkan syarikat secara agresif	iii menjual kembali ekuiti setelah syarikat menjadi lebih maju atau peneraju pasaran
OBJEKTIF UTAMA	KAEDAH PENTING	KUMPULAN UTAMA
<u>Objektif Kewangan</u> Menggalakkan penginstitutionan ekuiti Bumiputera Sasaran pulangan: Min 12% IRR setahun	<u>Pelaburan Langsung</u> Pelaburan secara langsung Pelaburan <i>buy-out</i> dan <i>'controlling stake'</i>	<u>Usahawan</u> Membantu usahawan dengan modal risiko Meningkatkan keupayaan dengan penyeliaan profesional
<u>Objektif Sosial</u> Menggalakkan penglibatan Bumiputera: • Pemilikan ekuiti • Pengurusan • Peluang pekerjaan • Mewujudkan nilai di seluruh rantaian bekalan	<u>Program Penyumberan Luar</u> Modal diperuntukkan kepada Pengurus Dana Penyumberan Luar (OFM) untuk tujuan pelaburan OFM perlu menarik modal luaran Fokus kepada pelaburan modal pertumbuhan	<u>Pengurusan Profesional</u> Peluang kepada pengurus berkaliber untuk mendapatkan skim insentif ekuiti berdasarkan prestasi

DIDORONG SECARA KOMERSIAL

Kami mengamalkan disiplin
komersial yang tinggi untuk
mewujudkan nilai

Ekuinas melabur dalam Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd, sebuah syarikat barangan sukan pelbagai jenama, pada tahun 2016.

MENGENAI KAMI

Ekuiti Nasional Berhad, atau Ekuinas, adalah sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian yang ditubuhkan oleh kerajaan Malaysia pada 1 September 2009 untuk menggalakkan penjana kekayaan serta penglibatan Bumiputera secara saksama dan mampan berlandaskan prinsip mesra pasaran, merit dan telus, menerusi penubuhan syarikat-syarikat peneraju generasi baru di Malaysia.

DIDORONG SECARA KOMERSIAL BAGAIMANA EKUINAS BEROPERASI?

Berdasarkan model ekuiti persendirian (PE):

i pelaburan dalam syarikat berpotensi tinggi	ii mengembangkan syarikat secara agresif	iii menjual kembali ekuiti setelah syarikat menjadi lebih maju dan peneraju pasaran
OBJEKTIF UTAMA	KAEDAH PENTING	KUMPULAN UTAMA
<u>Objektif Kewangan</u> Menggalakkan penginstitutionan ekuiti Bumiputera Sasaran pulangan: Min 12% setahun	<u>Pelaburan Langsung</u> Pelaburan secara langsung Pelaburan <i>buy-out</i> dan <i>'controlling stake'</i>	<u>Usahawan</u> Membantu usahawan dengan modal risiko Meningkatkan keupayaan dengan penyeliaan profesional
<u>Objektif Sosial</u> Menggalakkan penglibatan Bumiputera: • Pemilikan ekuiti • Pengurusan • Peluang pekerjaan • Mewujudkan nilai di seluruh rantai bekalan	<u>Program Penyumberan Luar</u> Modal diperuntukkan kepada Pengurus Dana penyumberan Luar (OFM) untuk tujuan pelaburan OFM perlu menarik modal luaran Fokus kepada pelaburan modal pertumbuhan	<u>Pengurusan Profesional</u> Peluang kepada pengurus berkaliber untuk mendapatkan Skim Insentif Ekuiti berdasarkan prestasi



Ekuinas melabur dalam Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd, sebuah syarikat barangan sukan pelbagai jenama, pada tahun 2016.

SEPINTAS LALU 2018

PRESTASI PELABURAN

Ekuinas Direct (Tranche II) Fund	Ekuinas Direct (Tranche III) Fund	Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund
Pulangan Portfolio Kasar RM490.1 JUTA	Pulangan Portfolio Kasar RM53.5 JUTA	Pulangan Portfolio Kasar RM93.5 JUTA
IRR Kasar 14.0% SETAHUN	IRR Kasar 4.5% SETAHUN	IRR Kasar 5.7% SETAHUN
IRR Bersih 9.8% SETAHUN	IRR Bersih N/M*	IRR Bersih 4.8% SETAHUN
	* Tidak dibentangkan kerana dana tersebut masih berada di peringkat awal pelaburan	

JUMLAH KUMULATIF PORTFOLIO PELABURAN

Bilangan pelaburan Langsung dan Program Penyumberan Luar	Pelaburan Langsung	Program Penyumberan Luar	Jumlah Pelaburan Komited oleh Ekuinas	Jumlah Kemasukan Modal ke dalam Ekonomi Negara, bersama-sama dengan Rakan Pelabur Swasta
63	40	23	RM3.9 BILION	RM4.6 BILION

SEPINTAS LALU 2018

PRESTASI OBJEKTIF SOSIAL

GABUNGAN PELABURAN LANGSUNG DAN
PROGRAM PENYUMBERAN LUARPeningkatan dalam
Ekuiti BumiputeraRM**5.0**
BILION

1.5 kali ganda modal dilabur

Peningkatan
dalam Jumlah Nilai
Pemegang SahamRM**6.6**
BILION

2.0 kali ganda modal dilabur

Peningkatan Pengurusan
Bumiputera Sejak
Kemasukan Ekuinas
di dalam Syarikat**24.9%**Peningkatan Kakitangan
Bumiputera Sejak
Kemasukan Ekuinas
di dalam Syarikat**17.3%**SYARIKAT
PENGURUSAN DANAJumlah Dana di bawah
Pengurusan (FuM)RM**3.1**
BILIONPerbelanjaan Operasi
(OPEX)RM**43.8**
JUTANisbah OPEX
kepada FuM**1.4%**Keuntungan Selepas
Cukai dan ZakatRM**7.3**
JUTA

MAKLUMAT PENTING KEWANGAN 2018

1. PERGERAKAN DANA DARIPADA/KEPADA YAYASAN EKUITI NASIONAL (YEN)

	2018 RM juta	2017 RM juta
Dana diterima daripada YEN pada tahun ini	50.0	-
Dana kumulatif diterima daripada YEN	3,950.0	3,900.0
Modal dikembalikan kepada YEN pada tahun ini	-	-
Modal kumulatif dikembalikan kepada YEN	200.0	200.0

2. PERTUBUHAN DANA

	Tahun ditubuhkan	Saiz Dana RM juta	Tumpuan Pelaburan	Tempoh	Status Kedudukan
Ekuinas Direct (Tranche I) Fund	2010	1,000.0	Buy-out dan Modal Pertumbuhan	5 + 2 + 1 tahun	Direalisasikan
Ekuinas Direct (Tranche II) Fund	2012	1,000.0	Buy-out dan Modal Pertumbuhan	5 + 2 + 1.5 tahun	Telah Dilaburkan
Ekuinas Direct (Tranche III) Fund	2014	1,500.0	Buy-out dan Modal Pertumbuhan	5 + 2 tahun	Sedang Dilaburkan
Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund	2011	400.0	Modal Pertumbuhan	6 + 1 + 1 tahun	Telah Dilaburkan
Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund	2013	240.0	Modal Pertumbuhan	7 + 1 tahun	Telah Dilaburkan

3. JUMLAH DANA DI BAWAH PENGURUSAN

	2018 RM juta	2017 RM juta
Pelaburan Langsung	2,500.0	3,500.0
Penyumbangan Luar	640.0	640.0
	3,140.0	4,140.0
Jumlah dana sedia ada untuk pelaburan, termasuk modal persendirian	3,402.0	4,402.0

MAKLUMAT PENTING KEWANGAN 2018

4. RINGKASAN PRESTASI DANA

a. Ringkasan Aktiviti Pelaburan Berkumpul

	Bilangan Pelaburan	Pelaburan Komited RM juta	Jumlah Modal Dilabur di dalam Ekonomi Malaysia RM juta
2018			
Ekuinas Direct (Tranche I) Fund - <i>Terealisasi</i>	11	1,258.2	1,380.3
Ekuinas Direct (Tranche II) Fund	14	1,043.9	1,043.9
Ekuinas Direct (Tranche III) Fund	15	1,306.0	1,306.0
Jumlah - Pelaburan Langsung	40	3,608.1	3,730.2
Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund	15	264.0	708.4
Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund	8	75.6	140.6
Jumlah - Penyumberan Luar	23	339.6	849.0
Jumlah - Pelaburan Langsung dan Penyumberan Luar	63	3,947.7	4,579.2
2017			
Ekuinas Direct (Tranche I) Fund - <i>Terealisasi</i>	11	1,258.2	1,380.3
Ekuinas Direct (Tranche II) Fund	14	1,043.9	1,043.9
Ekuinas Direct (Tranche III) Fund	10	994.5	994.5
Jumlah - Pelaburan Langsung	35	3,296.6	3,418.7
Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund	15	264.0	708.4
Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund	8	75.6	140.6
Jumlah - Penyumberan Luar	23	339.6	849.0
Jumlah - Pelaburan Langsung dan Penyumberan Luar	58	3,636.2	4,267.7

MAKLUMAT PENTING KEWANGAN 2018

4. RINGKASAN PRESTASI DANA

b. Ringkasan Aktiviti Pelupusan Berkumpul

	Jumlah Bilangan Pelupusan	Jumlah Terealisasi RM juta
2018		
Ekuinas Direct (Tranche I) Fund - <i>Terealisasi</i>	11	1,624.4
Ekuinas Direct (Tranche II) Fund	6	492.3
Ekuinas Direct (Tranche III) Fund	4	586.7
Jumlah	21	2,703.4
2017		
Ekuinas Direct (Tranche I) Fund - <i>Terealisasi</i>	11	1,624.4
Ekuinas Direct (Tranche II) Fund	5	377.4
Ekuinas Direct (Tranche III) Fund	2	355.2
Jumlah	18	2,357.0

c. Ringkasan Prestasi Kewangan Berkumpul

	Pulangan Kasar Portfolio RM juta	Kadar Pulangan Dalam Kasar (IRR)	IRR Bersih
Dana Pelaburan Langsung			
2018			
Ekuinas Direct (Tranche II) Fund	490.1	14.0% setahun	9.8% setahun
Ekuinas Direct (Tranche III) Fund	53.5	4.5% setahun	N/M [^]
2017			
Ekuinas Direct (Tranche I) Fund - <i>Terealisasi</i>	476.7	10.1% setahun	6.5% setahun
Ekuinas Direct (Tranche II) Fund	391.7	14.6% setahun	10.2% setahun
Ekuinas Direct (Tranche III) Fund	53.9	10.7% setahun	N/M [^]
Dana Penyumberan Luar			
2018			
Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund	93.5	5.7% setahun	4.8% setahun
Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund*	-	N/M	N/M
2017			
Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund	111.7	7.5% setahun	6.6% setahun
Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund*	-	N/M	N/M

[^] Tidak dibentangkan kerana dana sedang dilaburkan

* Prestasi kewangan Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund tidak dibentangkan kerana dana tersebut masih berada di peringkat awal pelaburan

MAKLUMAT PENTING KEWANGAN 2018

4. RINGKASAN PRESTASI DANA

d. Prestasi Objektif Sosial - Gabungan Pelaburan Langsung dan Penyumberan Luar


	Ekuiti Bumiputera Dicipta		Jumlah Ekuiti Dicipta	
	Nilai RM juta	Gandaan Modal Dilaburkan	Nilai RM juta	Gandaan Modal Dilaburkan
2018	4,976.8	1.5x	6,647.3	2.0x
2017	4,369.1	1.5x	6,265.1	2.2x

5. EKUITI NASIONAL BERHAD (SYARIKAT PENGURUSAN DANA)


	2018 RM juta	2017 RM juta
Jumlah Dana di bawah Pengurusan (FuM)	3,140.0	4,140.0
Perbelanjaan Operasi (OPEX)	43.8	43.9
Nisbah OPEX kepada FuM	1.4%	1.1%
Keuntungan selepas Cukai dan Zakat (PAT)	7.3	18.1

SOROTAN KEWANGAN SELAMA LIMA TAHUN


JUMLAH DANA DITERIMA




JUMLAH BILANGAN DAN NILAI PELABURAN KOMITED



JUMLAH KEMASUKAN MODAL KE DALAM EKONOMI NEGARA




PELABURAN LANGSUNG - JUMLAH BILANGAN PELUPUSAN DAN NILAI DIREALISASI




SOROTAN KEWANGAN SELAMA LIMA TAHUN


PRESTASI DANA - EKUINAS DIRECT (TRANCHE II) FUND



JUMLAH NILAI EKUITI BUMIPUTERA DAN PEMEGANG SAHAM LAIN YANG TERCIPTA



JUMLAH DANA DI BAWAH PENGURUSAN (FuM) DAN NISBAH FuM KEPADA OPEX



PERUTUSAN BERSAMA PENGGERUSI & KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



**RAJA TAN SRI DATO' SERI
ARSHAD RAJA TUN UDA**
Pengerusi

**SYED YASIR ARAFAT
SYED ABD KADIR**
Ketua Pegawai Eksekutif

PIHAK-PIHAK BERKEPENTINGAN YANG DIHORMATI,

Tahun 2018 merupakan tahun yang penting tetapi mencabar bagi negara ini. Apa yang berlaku di peringkat global dan domestik telah memberi tekanan kepada ekonomi tempatan, ketika ekonomi global berkembang pada kadar sederhana di tengah permintaan yang lemah dan aliran perdagangan yang perlahan.

Peningkatan risiko berbanding pertumbuhan global ini condong ke arah penurunan disebabkan oleh ketidaktentuan dasar perdagangan dan sentimen pasaran kewangan yang lemah. Ketegangan perdagangan yang meningkat dan lain-lain kebimbangan termasuk pertumbuhan yang lebih perlahan daripada jangkaan di pasaran ekonomi sedang muncul dan kerajaan Amerika Syarikat (AS) yang menutup operasi telah menyebabkan ketidakstabilan dalam pasaran kewangan.

PERUTUSAN BERSAMA PENERUSI & KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Dalam negara, perubahan dalam Kerajaan amat dialukan oleh rakyat. Bagaimanapun, rasionalisasi fiskal, pengenalan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST), dan juga semakan dasar pasca pilihanraya oleh Kerajaan telah mengakibatkan sektor korporat, pengguna dan pelabur mengambil langkah berhati-hati dan terhenti sementara daripada berbelanja dan melabur. Memandangkan kami telah menjangka kekangan yang berlaku pada 2018 ini, kami telah mengambil langkah proaktif untuk meningkatkan daya tahan syarikat portfolio kami dengan menambah baik kecekapan kos dan memperketatkan operasi dalaman syarikat-syarikat berkenaan.

Pembangunan Ekuinas selama sembilan tahun telah memainkan peranan penting kepada kami untuk membina asas bagi menghadapi cabaran dan mencipta nilai dalam apa jua bentuk kitaran ekonomi. Sebagai firma ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan dengan objektif komersial dan sosial, ia amat penting bagi kami untuk membuat unjuran dan bersiap sedia dengan realiti yang berubah-ubah, tren pasaran baharu dan juga cabaran dalaman dan luaran.

Walaupun faktor ekonomi makro, geopolitik dan kewangan yang tidak menentu di seluruh dunia, industri ekuiti persendirian global terus berkembang. Ini mencerminkan aset kelas ini semakin penting dalam portfolio pelaburan moden. Tahun 2018 merupakan tahun kelima berturut-turut di mana penjana dana dalam industri ekuiti persendirian telah melepasi paras AS\$400.0 bilion.

Urus niaga ekuiti persendirian di Asia Pasifik telah menarik minat yang baik daripada firma ekuiti persendirian global dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Kini, rantau ini mewakili 26.0% daripada pasaran ekuiti persendirian global, meningkat 9.0% berbanding 10 tahun lalu, dan tahap rizab tunai untuk meneroka urus niaga yang baik. Ini telah mendorong kepada persekitaran persaingan yang semakin meningkat untuk firma ekuiti persendirian tempatan seperti Ekuinas.

Lanskap perniagaan yang pantas berubah memerlukan kami untuk meluaskan keupayaan pelaburan, mempelbagaikan portfolio, memahami dan menerokai perniagaan tidak tradisional seperti yang ada dalam industri digital. Pendekatan yang proaktif merupakan salah satu daripada kaedah utama untuk melaksanakan misi kami untuk mencipta nilai menerusi pelaburan, membangunkan syarikat berpotensi tinggi untuk menjadi peneraju pasaran dan memudahkan lebih banyak penyertaan Bumiputera ke dalam ekonomi.

Dengan peruntukan sebanyak RM50.0 juta pada 2018, kini dana terkumpul yang telah diterima oleh Ekuinas adalah sebanyak RM3.95 bilion.

Kami akan terus memastikan pulangan pelaburan yang terbaik untuk setiap ringgit yang diperuntukkan kepada kami dan menjalankan tugas berlandaskan standard integriti, profesionalisme dan pengawasan yang tertinggi. Nilai-nilai teras ini telah menyokong kami selama ini dan kami akan terus memberi panduan kepada prinsipal dan operasi kami dalam usaha mencapai aspirasi untuk menjadi firma ekuiti persendirian peneraju di rantau ini.

TINJAUAN KEWANGAN 2018

Pada 2018, Ekuinas terus menyokong ekonomi tempatan dengan pelaburan berjumlah RM3.9 bilion (TK2017: RM3.6 bilion). Pada akhir tahun, jumlah portfolio pelaburan terkumpul kami terdiri daripada 41 syarikat, dan daripada jumlah ini, 23 syarikat merupakan pelaburan langsung, manakala 18 lagi dibuat menerusi Program Penyerahan Luar.

Seperti biasa, kami mengukur dan melapor impak yang telah kami lakukan ke atas ekonomi Malaysia yang lebih luas. Dalam tempoh kewangan yang ditinjau, Ekuinas dan rakan kongsi sektor swasta kami telah menjana sejumlah RM4.6 bilion (TK2017: RM4.3 bilion).

Kami turut merealisasikan perolehan berjumlah RM344.4 juta daripada aktiviti pelaburan pada 2018. Jumlah ini membawa kepada janaan terealisasi termasuk pendapatan daripada dividen dan faedah kepada RM2.7 bilion (TK2017: RM2.3 bilion).

PERUTUSAN BERSAMA Pengerusi & KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Kos pengurusan aset dalam operasi kami yang berasaskan kepada prestasi semuanya menggunakan pasaran global sebagai penanda aras dan dioptimumkan. Kami percaya ia amat penting bagi Ekuinas untuk menjadi contoh tauladan kerana kami sentiasa berusaha untuk mencapai kecekapan kos. Kami mencatatkan nisbah perbelanjaan operasi sebanyak 1.4% berbanding jumlah dana di bawah pengurusan sebanyak RM3.1 bilion (TK2017: 1.1% of RM4.1 bilion).

PRESTASI DANA KAMI

Kami sentiasa menekankan pentingnya mengambil pendekatan jangka panjang untuk menilai kesan perniagaan yang dihasilkan oleh Ekuinas. Ini adalah kerana jangka masa keberhasilan aktiviti penciptaan nilai kami bergantung kepada kedudukan pasaran.

Sebagai pengurus dana awam, pendekatan jangka panjang menyediakan fleksibiliti untuk menjamin peluang pelaburan nilai berpotensi tinggi pada harga yang betul, dan melupus dengan pulangan yang menarik dan menyerahkan pula kepada pembeli yang boleh menyokong pembangunan syarikat untuk fasa selanjutnya. Pendekatan ini boleh memastikan kami dapat memaksimumkan potensi dana yang telah diamanahkan kepada kami.

Pada 2018, Dana Ekuinas Direct (Tranche II) Fund telah mencatatkan pulangan portfolio kasar sebanyak RM490.1 juta dan Pulangan Kadar Dalamann (IRR) kasar sebanyak 14.0% setahun. Jumlah ini telah melepasi sasaran dalamann kami sebanyak 12.0% (TK2017: RM391.7 juta dan 14.6% setahun). Dana ini telah dilaburkan sepenuhnya dan kini dalam proses pelupusan.

Dana Ekuinas Direct (Tranche III) Fund telah menjana pulangan portfolio kasar sebanyak RM53.5 juta yang mewakili IRR kasar 4.5% setahun (TK2017: RM53.9 juta dan 10.7% setahun). Dana di bawah Program Penyumbangan Luar, Dana Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund telah menjana pulangan portfolio kasar sebanyak RM93.5 juta yang mewakili IRR kasar sebanyak 5.7% pada 2018 (TK2017: RM111.7 juta dan 7.5% setahun).

Prestasi dana kami pada 2018 secara keseluruhannya amat menggalakkan, di sebalik kedudukan pasaran yang sukar, yang turut memberi kesan kepada kelas aset lain termasuk ekuiti tempatan yang jatuh mendadak apabila penanda aras Indeks FBM KLCI jatuh 5.9% pada tahun 2018.

Seperti yang disebut sebelum ini, Ekuinas bersedia untuk bergerak pantas dan memberi tindak balas kepada kedinamikan pasaran dan cabaran baharu dengan memperluaskan keupayaan kami. Ini memerlukan kami untuk melebarkan skop di luar portfolio pelaburan semasa dan mencari peluang berpotensi tinggi dalam industri baharu dan tren makro yang sedang muncul.

Untuk menyokong strategi dan pelan perniagaan, kami telah melancarkan Dana Ekuinas Direct (Tranche IV) Fund pada awal Januari 2019, dengan peruntukan sebanyak RM1.0 bilion dengan pilihan untuk meningkatkan jumlah ini kepada RM1.5 bilion jika pelaburan sesuai ditemui. Dana ini menunjukkan keupayaan yang telah kami bangunkan dan mencerminkan komitmen untuk menjadi pemangkin kepada ekonomi di negara ini.

AKTIVITI PENCIPTAAN NILAI

Jelas sekali, prestasi kewangan setiap syarikat bergantung kepada kedudukan pasaran dan persekitaran luaran. Beberapa syarikat portfolio kami terjejas disebabkan oleh kekangan kitaran, sentimen yang lemah dan ekonomi perlahan sepanjang tahun. Walaubagaimanapun syarikat-syarikat lain berjaya meningkat pendapatan mereka dan menambah baik prestasi kewangan apabila aktiviti penciptaan nilai kami mula membuahkan hasil.

Aktiviti penciptaan nilai merupakan teras terhadap penubuhan kami. Ia dilaksanakan bersama kumpulan pengurusan di setiap syarikat portfolio. Kami telah bekerjasama untuk mengenalpasti isu semasa dan berpotensi serta membangunkan penyelesaian yang konstruktif. Dalam beberapa situasi, Ekuinas juga akan membawa pakar yang berkenaan dengan pengetahuan tempatan yang boleh mengubah dan meningkatkan perniagaan.

Meskipun berdepan dengan keadaan pasaran yang mencabar pada ketika ini, tempoh ini boleh dimanfaatkan bagi meluaskan lagi bidang yang boleh diterokai disamping menambah baik tatacara dalam syarikat portfolio kami. Adalah lebih mudah untuk mengoptimumkan operasi, mengenalpasti kecekapan kos dan menyusun semula barisan produk atau perniagaan dalam pasaran yang perlahan.

Jumlah Pelaburan Dikomitedkan

RM3.9
BILION

Jumlah Syarikat

41

Jumlah Kemasukan Modal

RM4.6
BILION

Jumlah Terealisasi

RM2.7
BILION

Ekuinas Direct (Tranche II) Fund Pulangan Portfolio Kasar

RM490.1
JUTA
IRR Kasar 14.0% setahun

Ekuinas Direct (Tranche III) Fund Pulangan Portfolio Kasar

RM53.5
JUTA
IRR Kasar 4.5% setahun

PERUTUSAN BERSAMA Pengerusi & KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Pada 2018, kami terus memberi tumpuan untuk melaksanakan pelan penciptaan nilai yang bertujuan untuk memaksimumkan penambahbaikan operasi syarikat portfolio kami. Kami turut menyesuaikan pelan ini untuk faktor persekitaran makro dan mikro selain keperluan khusus syarikat.

Prestasi keseluruhan semua syarikat portfolio kami, seperti yang ditunjukkan dalam pendapatan sebelum faedah, cukai, penurunan dan pelunasan (EBITDA) disatukan, telah mencatat penurunan marginal. Bagaimanapun, kami tetap yakin bahawa aktiviti penciptaan nilai yang direka untuk membina perniagaan jangka panjang yang mampan akan membolehkan kami untuk mendapat manfaat apabila persekitaran pasaran dan luaran bertambah baik.

Pada 2018, beberapa syarikat portfolio yang menunjukkan peningkatan ketara dalam perolehan dan keuntungan termasuk Orkim Sdn Bhd (Orkim), PrimaBaguz Sdn Bhd (PrimaBaguz) dan Coolblog Sdn Bhd (Coolblog). Menerusi penambahbaikan operasi syarikat-syarikat ini dapat mengurangkan kesukaran yang dihadapi dalam industri masing-masing.

Orkim, peneraju dalam industri pengangkutan produk petroleum bersih, terus mencatatkan prestasi yang kukuh berikutan peningkatan dalam aktiviti hiliran dalam sektor minyak dan gas pada tahun lalu. Permintaan yang perlahan terhadap perkhidmatan kapal sokongan luar pesisir terus memberi impak kepada Icon Offshore Berhad (ICON). Bagaimanapun, kami terus menyelaraskan operasinya dan memperbaiki daya saing kadar penggunaannya. Kami yakin ICON akan pulih sebaik aktiviti penerokaan dan pengeluaran minyak dan gas mula mencatat peningkatan.

PrimaBaguz, pengeluar dan pengedar produk berasaskan daging halal premium telah mencatat pertumbuhan tinggi dan prestasi kewangan yang lebih baik pada 2018. PrimaBaguz diambil alih sejak lima tahun lalu dan pelan penciptaan nilai kami terhadap syarikat ini telah mula mencatatkan hasil, dengan kumpulan pengurusan baharu, operasi dalaman yang lebih ketat dan kos pemerolehan yang lebih rendah.

Coolblog, pengeluar pencuci mulut dan minuman francais tempatan, meningkatkan perniagaan dan prestasi kewangannya menerusi penambahbaikan operasi. Kami dengan sukacitanya menyatakan bahawa ini dicapai berlatarbelakangkan situasi perbelanjaan pengguna yang berhati-hati. Tambahan lagi, kemajuan yang dicapai oleh Coolblog ini akan memanfaatkan francais yang kebanyakannya terdiri daripada usahawan Bumiputera yang mencari peluang untuk menjana pendapatan yang mampan.

PENGAMBILALIHAN DAN PELUPUSAN

Pada 2018, kami telah melabur sejumlah RM311.5 juta untuk mengambilalih dua syarikat dan tiga pelaburan susulan (TK2017: RM310.0 juta). Jumlah ini kurang daripada sasaran kami iaitu RM400.0 juta pada tahun tersebut, namun kami percaya ia adalah kritikal untuk memilih dan hanya melabur dalam syarikat berpotensi tinggi pada harga yang betul.

Syarikat-syarikat yang telah kami ambil alih iaitu Flexi Versa Group Sdn Bhd (FVG) dan Exabytes Network Sdn Bhd (Exabytes), terlibat dalam industri yang belum pernah kami ceburi sebelum ini. Pengambilalihan ini mencerminkan kepercayaan kami untuk mengembangkan pelaburan di luar bidang industri tradisional.

Kami percaya, untuk menjadi dinamik, kami perlu sentiasa membina keupayaan dan skop untuk terus menjana pulangan yang mampan dalam kedudukan persekitaran pasaran yang berkembang pantas.

FVG merupakan pengilang kontrak utama yang memenuhi permintaan elektronik pengguna jenama global terkemuka, khususnya sebagai pengeluar siaguna dan komponen yang menumpukan kepada segmen peralatan audio dan barangan pengguna. Pengalaman syarikat, rekod prestasi dan penglibatan di hub pengeluaran utama di Asia Tenggara seperti Singapura, Vietnam, Indonesia dan Malaysia, memberikannya kelebihan daya saing dalam industri perkhidmatan pembuatan elektronik.

Penglibatan kami dalam ekonomi internet yang sedang berkembang dan memahami lebih baik aspek komersial bagi model perniagaan digital merupakan salah satu sebab di sebalik pengambilalihan Exabytes, yang juga sebuah penyedia perkhidmatan pengehosan web dan perkhidmatan awan terulung. Pasaran global bagi penyedia laman web dijangka berkembang 9.0% setahun didorong oleh peningkatan penembusan internet dan digitalisasi perniagaan di seluruh Asia Tenggara. Sehubungan itu, pengambilalihan Exabytes menyediakan peluang kepada Ekuinas untuk terlibat dalam ekonomi internet yang pesat berkembang.

**KAMI PERCAYA,
UNTUK MENJADI
DINAMIK, KAMI
PERLU SENTIASA
MEMBINA
KEUPAYAAN DAN
SKOP UNTUK
TERUS MENJANA
PULANGAN YANG
MAMPAN**

PERUTUSAN BERSAMA Pengerusi & Ketua Pegawai Eksekutif

EKUINAS DISENARAI PENDEK DALAM KALANGAN FIRMA EKUITI PERSENDIRIAN SERANTAU DAN DIIKTIRAF SEBAGAI SALAH SATU DARIPADA TIGA FIRMA TERBAIK DI BAWAH KATEGORI SYARIKAT EKUITI PERSENDIRIAN TERBAIK DI ASIA TENGGARA DALAM ANUGERAH PRIVATE EQUITY INTERNATIONAL (PEI) AWARDS 2018

Pelaburan dalam Exabytes turut meletakkan Ekuinas pada radar syarikat-syarikat teknologi yang memerlukan pembiayaan. Ini merupakan langkah yang penting dalam menangani persepsi lazim bahawa syarikat-syarikat teknologi hanya mendapat pembiayaan daripada negara lain.

Berkenaan pelupusan pula, proses penjualan adalah berasaskan merit bagi memastikan keupayaan, sumber dan pengurusan pemilik yang dipilih adalah selari dengan syarikat-syarikat portfolio kami. Ini supaya pertumbuhan trajektori syarikat berkenaan boleh disokong. Kami yakin syarikat-syarikat yang telah kami lupuskan memiliki asas yang kukuh dan berdaya tahan serta bersedia untuk berkembang pesat pada masa hadapan bersama rakan kongsi yang baharu.

Tranglo, syarikat gerbang pengiriman wang mudah alih merentas sempadan telah dilupuskan dengan sejumlah RM114.9 juta. Jumlah ini telah mencatat IRR sebanyak 26.9% bersamaan 2.0 kali daripada modal dilaburkan. Kami gembira melihat kemajuan Tranglo di bawah kepimpinan kami kerana pindahan masa siaran dan rangkaian pindahan wang telah berkembang menerusi usaha kami bersama pihak pengurusannya. Ini telah menyebabkan Tranglo berjaya mengembangkan jumlah pindahan wangnya sebanyak 15 kali ganda sejak pengambilalihan syarikat berkenaan.

Sementara itu, pelupusan MediExpress Group dan PMCare Sdn Bhd telah menjana IRR minimum sebanyak 38.8% bersamaan 2.6 kali daripada modal yang dilaburkan. Sepanjang tempoh pelaburan, kami telah bekerjasama erat dengan kumpulan pengurusan masing-masing untuk menambah baik peningkatan proses dan sistem dalaman, mengukuhkan pasukan pengurusan dan operasi, selain meningkatkan perkongsian pasaran bagi kedua-dua syarikat berkenaan.

MELAKSANAKAN OBJEKTIF SOSIAL

Sejak ditubuhkan pada 2010, Ekuinas telah komited untuk meningkatkan penglibatan Bumiputera dalam ekonomi negara seperti usaha kami dalam menjadikan syarikat portfolio kami sebagai pemacu pasaran masa hadapan. Kami terus berusaha, sebagaimana lazim yang kami lakukan, untuk mewujudkan perubahan dalam masyarakat dan menjana pulangan yang tinggi untuk pihak-pihak yang berkepentingan.

Sementara objektif komersial dan sosial Ekuinas bergerak seiringan, amat penting bagi kami untuk terus menumpukan kepada pembinaan asas kewangan yang kukuh dan menambah baik prestasi kewangan pelaburan kami kerana ini membolehkan kami untuk mengekalkan impak yang positif terhadap masyarakat.

Begitu juga, pentingnya semua transaksi berkaitan pengambilalihan dan pelupusan syarikat portfolio kami berlangsung dalam pasaran yang bebas dan terbuka. Ini kerana kami percaya bahawa persaingan dan transaksi yang berdasarkan kepada analisis manfaat kos dan merit, akan menggalakkan integriti dan kepercayaan. Ini adalah elemen yang penting untuk memastikan daya maju komersial kami untuk jangka panjang.

Pulangan yang dijana menerusi pelupusan aset kami disalurkan untuk impak yang positif bagi masyarakat Bumiputera. Ini boleh dilihat dalam agihan keuntungan sebanyak RM200.0 juta kepada Yayasan Pelaburan Bumiputera pada 2014. Kami berharap dapat mencapai kejayaan yang sama dan terus melakukan yang sama dengan keuntungan kami untuk memberi manfaat kepada komuniti Bumiputera yang lebih meluas.

Usaha kami untuk mewujudkan peluang kejayaan di seluruh syarikat portfolio kami dan berurusan dengan penjual atau pembeli terbaik dalam pasaran, telah membina reputasi Ekuinas sebagai sebuah firma yang boleh dipercayai dalam industri ekuiti persendirian.

Fakta ini dikukuhkan lagi apabila Ekuinas disenarai pendek dalam kalangan firma ekuiti persendirian serantau dan diiktiraf sebagai salah satu daripada tiga firma terbaik di bawah kategori Syarikat Ekuiti Persendirian Terbaik di Asia Tenggara bagi Anugerah Private Equity International (PEI) Awards 2018.

PERUTUSAN BERSAMA PENERUSI & KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Dengan mendapat tempat dalam kalangan firma ekuiti persendirian terbesar dunia, ia mencerminkan pengiktirafan global terhadap amalan profesional dan etika tatalaku kami. Kami berasa bangga atas nama negara kerana kejayaan dari segi komersial sentiasa menjadi keutamaan dalam memastikan keupayaan kami dalam memenuhi matlamat sosial.

Untuk terus melaksanakan matlamat sosial, kami sentiasa berusaha meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera dalam syarikat portfolio. Kami juga mengukur bilangan kakitangan Bumiputera yang berkerja dalam syarikat-syarikat ini, termasuk dalam kumpulan pengurusan bagi memastikan kami sentiasa menyumbang ke arah peningkatan bilangan bakat tenaga mahir Bumiputera di seluruh industri.

Pada 2018, dana langsung dan penyumbangan luar Ekuinas telah meningkatkan pemilikan Bumiputera kepada RM5.0 bilion, bersamaan 1.5 kali daripada modal yang dilabur (TK2017: RM4.4 bilion dan 1.5 kali). Sementara itu, bilangan pengurus Bumiputera dalam kesemua syarikat portfolio kami meningkat sebanyak 24.9% manakala bilangan kakitangan Bumiputera pula bertambah sebanyak 17.3% sejak penglibatan Ekuinas (TK2017: 25.0% dan 25.1%).

Ekuinas turut menyumbang ke arah pembangunan profesional Bumiputera dengan menyediakan peluang kepada kakitangan kami untuk mendapatkan ilmu dalam pelbagai kemahiran khusus yang diperlukan untuk menjadi pakar dalam ekuiti persendirian.

Selain itu, setiap tahun kami juga mengambil langkah untuk memberi impak positif dan langsung kepada masyarakat Bumiputera dengan mewujudkan nilai lestari untuk kesejahteraan mereka. Ini dilakukan menerusi ILTIZAM yang bermatlamat untuk membantu usahawan, profesional muda dan masyarakat Bumiputera merealisasikan potensi mereka sepenuhnya menerusi tiga tunggak: keusahawanan, pendidikan dan komuniti.

SETIAP TAHUN KAMI JUGA MENGAMBIL LANGKAH UNTUK MEMBERI IMPAK POSITIF DAN LANGSUNG KEPADA MASYARAKAT BUMIPUTERA DENGAN MEWUJUDKAN NILAI LESTARI UNTUK KESEJAHTERAAN MEREKA INI DILAKUKAN MENERUSI ILTIZAM

Pada 2018, Ekuinas telah melabur sebanyak RM7.7 juta dalam inisiatif ILTIZAM. Kami berusaha untuk menjana impak sebaik mungkin daripada setiap ringgit yang diperuntukkan bagi aktiviti ILTIZAM, sambil memastikan setiap transaksi boleh diambil kira dan dihalakan kepada penerima manfaat yang layak dan memenuhi kriteria kami.

Kami memberi keutamaan bagi menghasilkan impak positif kepada masyarakat yang lebih luas dan aktiviti ILTIZAM telah dijadikan petunjuk prestasi utama (KPI) Ekuinas pada 2018. KPI ini menggalakkan kakitangan Ekuinas untuk terlibat dalam satu atau dua program ILTIZAM di luar skop kerja mereka. Sila rujuk bahagian Hal Ehwal Pihak Berkepentingan di muka surat 100 - 106 untuk semakan inisiatif ILTIZAM pada 2018.

TINJAUAN DAN PELAN 2019

Ekonomi global masih berdepan dengan beberapa cabaran dan ketidakpastian, selain ketidakpastian dalam pasaran kewangan yang lembab. Kami masih melihat tekanan daripada peristiwa luaran seperti tekanan perdagangan antara Amerika Syarikat dan China, tekanan geopolitik dan rundingan Brexit yang berpanjangan. Kami menjangkakan pertumbuhan ekonomi domestik yang lebih

perlahan dan kami berharap untuk kecerahan, hala tuju dan rangsangan yang lebih jelas untuk menjadi pemangkin industri dan meningkatkan sentimen.

Walaupun terdapat banyak cabaran sedang menanti, kami percaya ekonomi negara masih berdaya tahan dengan potensi yang besar. Kami juga menyedari bahawa tempoh ketidakpastian ini menyediakan potensi yang banyak. Sebagai pelabur, kami yakin banyak pelaburan berpotensi besar dan berkualiti boleh ditemui dengan adanya strategi yang betul.

Dalam bulan-bulan yang akan datang, kami akan berusaha memanfaatkan pengalaman dan kepakaran mendalam kami tentang pasaran tempatan untuk mengemudi persekitaran yang mencabar. Kami berharap dapat meneruskan momentum pengambilalihan syarikat apabila peluang yang sesuai ditawarkan dan melupakan syarikat portfolio dengan pulangan yang menarik kepada pembeli yang betul.

Pada masa yang sama, kami dan syarikat portfolio telah bersiap sedia untuk berdepan dengan sebarang kejutan dalam ekonomi. Pelan penciptaan nilai kami bermatlamat membina daya tahan syarikat, meletakkan mereka pada kedudukan untuk menambah baik pendapatan dan beroperasi dalam apa jua keadaan pasaran.

PERUTUSAN BERSAMA Pengerusi & KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Antara komponen kritikal dalam aktiviti penciptaan nilai kami termasuk membuat persediaan bagi syarikat-syarikat portfolio untuk berdepan dengan sebarang kemungkinan gangguan pasaran. Pada masa yang sama, kami mahu meningkatkan keupayaan digital mereka selaras dengan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR).

Kami berharap dapat menggunakan sepenuhnya potensi teknologi digital untuk memberi manfaat kepada Ekuinas dan semua syarikat portfolio kami. Rujuk muka surat 19 - 26 mengenai Memajukan Revolusi Digital di Malaysia oleh A.T. Kearney untuk maklumat lebih lanjut mengenai 4IR dan bagaimana ia boleh membantu negara dan pengilang tempatan untuk mencarta hala tuju masa depan.

Ekuinas menyambut ulang tahun ke 10 pada 2019. Kami percaya kumpulan profesional kakitangan kami dan nilai teras profesionalisme, integriti dan tadbir urus yang baik akan terus memberikan kami kelebihan untuk mengekalkan rekod pencapaian kewangan sepanjang satu dekad, pulangan pelaburan dan impak sosial penuh bermakna kepada komuniti yang lebih meluas.

SEKALUNG PENGHARGAAN

Pertama sekali, kami ingin mengucapkan penghargaan tidak terhingga kepada Kerajaan Malaysia dan Yang Berhormat Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Hal Ehwal Ekonomi yang memantau Ekuinas. Terima kasih juga kami ucapkan atas keyakinan yang terus diberikan kepada Ekuinas untuk melaksanakan mandat ini.

Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Pengarah atas nasihat, input dan bimbingan yang diberikan sepanjang tempoh membangunkan Ekuinas. Kami juga ingin mengucapkan penghargaan kepada kakitangan Ekuinas dan syarikat portfolio kami atas semangat dan komitmen yang telah mereka berikan. Anda semua telah bersatu untuk memastikan kecemerlangan dalam operasi dan memberikan yang terbaik ketika berdepan dengan persekitaran yang mencabar.

Ekuinas kekal teguh ke atas komitmen kami untuk mewujudkan nilai jangka masa panjang buat Kerajaan, pihak-pihak berkepentingan dan syarikat portfolio. Kami berharap dapat memperluaskan rekod pencapaian kami untuk mewujudkan pemimpin pasaran dan meningkatkan penciptaan kekayaan kepada golongan Bumiputera, selain memastikan penyertaan mereka yang mampan dalam ekonomi.

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda
Pengerusi

Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir
Ketua Pegawai Eksekutif

MEMAJUKAN REVOLUSI DIGITAL DALAM SEKTOR PEMBUATAN DI MALAYSIA OLEH A.T. KEARNEY

REVOLUSI INDUSTRI KEEMPAT (4IR) MERUPAKAN SATU DARIPADA PERKEMBANGAN PALING PENTING YANG MERUBAH LANSKAP SEKTOR PEMBUATAN GLOBAL. REVOLUSI 4IR INI MENYEDIAKAN MALAYSIA DENGAN PELUANG UTAMA UNTUK MENINGKATKAN KEDUDUKAN SEBAGAI PENERAJU DENGAN MENINGKATKAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI DIGITAL DALAM SEKTOR PEMBUATAN. SEBAGAI PELABUR STRATEGIK, EKUINAS BERADA PADA KEDUDUKAN YANG BAIK UNTUK MEMBANTU NEGARA INI DAN SEKTOR PEMBUATANNYA UNTUK MENCARTA HALA TUJU MASA HADAPANNYA.

SEKTOR PEMBUATAN KINI MEMAJUKAN PERTUMBUHAN MALAYSIA DAN AKAN DIPENGARUHI OLEH REVOLUSI INDUSTRI KEEMPAT

Sektor pembuatan merupakan pemacu utama pertumbuhan ekonomi di negara ini, yang meliputi 23% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan berkembang 4.7% pada 2018. Menjelang 2028, sektor ini dijangka menyumbang lebih daripada RM700 bilion, didorong oleh pertumbuhan domestik dan serantau yang kukuh, serta peralihan berterusan ke dalam rantai nilai global. Secara struktural, beberapa sektor di Malaysia terdiri daripada sebilangan besar perusahaan kecil dan sederhana (PKS) iaitu merangkumi 97% firma pembuatan di Malaysia.

Syarikat-syarikat di negara ini menyedari betapa pentingnya penggunaan digital dan telah mencapai kemajuan yang baik dalam gunapakai kemudahan ini untuk menarik penglibatan pelanggan, terutamanya untuk tujuan jualan dan pemasaran. Malah, kajian pendigitalan SME Corp terhadap 2,000 PKS Malaysia pada 2018 mendapati lebih daripada 70% daripada SME telah menggunakan media sosial untuk tujuan pemasaran dan 44% terlibat dalam e-perdagangan. Keseluruhannya, hampir 90% daripada syarikat pengilang mempunyai sambungan Internet.

Walaupun kesedaran semakin meningkat, penggunaan bahan dan sistem digital dalam operasi, khususnya dalam kalangan pengilang tempatan masih rendah. Kaji selidik pada 2018 oleh Cisco yang melibatkan 230 pengilang di seluruh ASEAN, mendapati hanya 15 - 25% telah menggunakan teknologi digital utama seperti sekuriti siber, awan, automasi, big data and analytics, artificial intelligence (AI) dan Internet of Things (IoT). Situasi ini lebih mencabar dalam kalangan PKS. Kaji selidik SME Corp menunjukkan bahawa penggunaan digital dalam operasi sektor ini adalah kurang daripada 15%.


Kaji selidik global menganggarkan bahawa 85% daripada aset pengeluaran masih belum dihubungkan kepada Internet dan 70% daripada data pengeluaran yang diperolehi, tidak digunakan. Ini menyediakan peluang yang besar untuk memanfaatkan teknologi digital, data besar dan analisis untuk mencapai perubahan produktiviti ke satu tahap, pengurusan rantai bekalan, keanjalan pengeluaran dan penyesuaian produk mengikut pelanggan. Bagaimanapun, transformasi digital di seluruh rantai nilai pengeluaran menjadi satu cabaran yang perlu ditempuh oleh mana-mana syarikat.

Sudah sampai masanya pengeluar Malaysia untuk bertindak atau mereka terpaksa berdepan dengan risiko ketinggalan di belakang. Revolusi Industri Keempat (4IR) membentuk semula lanskap sektor pembuatan global dan menjadi ancaman besar kepada pengeluar Malaysia yang sangat bergantung kepada kos buruh yang rendah untuk kelebihan daya saing.

Ciri utama 4IR adalah pada 'kepintaran' dan sambungan ekosistem antara manusia dan mesin, yang bersandarkan kepada lima teknologi sedang muncul yang digunakan ketika ini di seluruh rantai nilai pengeluaran bagi membantu syarikat-syarikat untuk memperoleh nilai strategik (lihat Rajah 1).

MEMAJUKAN REVOLUSI DIGITAL DALAM SEKTOR PEMBUATAN DI MALAYSIA

Rajah 1: Lima teknologi termaju yang sedang mengubah sektor pembuatan



MEMAJUKAN REVOLUSI DIGITAL DALAM SEKTOR PEMBUATAN DI MALAYSIA



Internet of Things (IoT)

Merupakan teknologi yang paling pantas berkembang dan dijangka mencapai kematangan menjelang 2030. IoT mempunyai nilai yang tinggi bagi syarikat yang memiliki banyak aset edaran dan mudah alih yang mahu meningkatkan kesinambungan aset, mengendalikan analisis jarak jauh dan meningkatkan kepintaran perniagaan mereka.



Artificial Intelligence (AI)

Berkemungkinan besar menjadi satu daripada impak teknologi paling berkesan dengan pelbagai penyelesaian di pelbagai peringkat kematangan, termasuk pembelajaran mesin, membuat keputusan dan penglihatan komputer. AI mempunyai banyak aplikasi di seluruh industri dan akan membolehkan tahap baharu bagi automasi, proses pengurusan dan penyelenggaraan.



Pencetakan 3D

Teknologi yang matang dengan pantas beserta pelbagai inisiatif kerajaan yang dikendalikan di seluruh dunia menerusi pusat penyelidikan dan projek awam-swasta. Pencetakan 3D ini mengganggu proses pengilangan tradisional dan membolehkan personalisasi produk. Bagaimanapun, impaknya masih terhad kepada pengeluaran prototaip dan untuk bilangan pengeluaran gabungan tinggi-rendah, kecuali harga kemampuan memilikinya diperbaiki lagi.



Advanced Robotics

Advanced Robotics mempunyai penyelesaian yang luas untuk pelbagai peringkat kematangan. Pembuatan dan pengangkutan merupakan industri utama yang akan melalui peringkat revolusi, memperkenalkan automasi dan fleksibiliti pengeluaran tahap tertinggi, mengurangkan pergantungan jangka masa panjang terhadap buruh dengan ketara, dan meninggalkan trend yang sudah ketinggalan.



Wearables / AR / VR


Ia merupakan teknologi yang sedang berkembang dan matang yang membolehkan integrasi antara manusia dan mesin, ke tahap yang paling besar. Rangkaian aplikasinya telah berkembang dan turut meliputi peningkatan kesedaran tentang keselamatan dan mencegah kecederaan, latihan menerusi imbuhan realiti dan pemantauan bila-bila masa menerusi proses jarak jauh.

Dengan keupayaannya yang terbukti untuk menghasilkan perubahan dalam prestasi di seluruh rantai nilai sektor pembuatan, 4IR akan mentakrifkan semula lanskap daya saing. Hasilnya akan memberi manfaat dari segi kepantasan, kualiti, kos dan kelestarian akan mengembalikan tahun-tahun kemerosotan sektor pembuatan tradisional berkuasa seperti Eropah dan Amerika Syarikat, yang mana kos buruhnya tinggi. Ia juga menyamaratakan semula asas peranan antara negara maju dan sedang membangun. Pada masa yang sama, pengilang Malaysia yang menyerap revolusi digital berpeluang untuk melonjak ke peringkat pembuatan global. Oleh itu, amat penting bagi mereka untuk mempercepatkan penggunaan teknologi digital dan 4IR.

Malahan, Malaysia yang sudah terkenal dan memiliki operasi pengilangan bersepadu peringkat global, menunjukkan kesediaan yang kuat untuk menggunakan 4IR. Kajian Forum Ekonomi Dunia 2018 dan A.T. Kearney untuk menilai tahap kesediaan negara tentang faktor pembuatan termaju, mendapati di Asia Tenggara, Malaysia dan Singapura merupakan dua negara yang berada pada kedudukan yang baik pada masa depan (rujuk Rajah 2).

MEMAJUKAN REVOLUSI DIGITAL DALAM SEKTOR PEMBUATAN DI MALAYSIA

Rajah 2: Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk menerajui Revolusi Industri Keempat



Dasar Industri Malaysia 4.0, dilancarkan pada 2018 dan dikenali sebagai Industry4Wrd, membentangkan inisiatif rangka kerja komprehensif, khusus untuk pembuatan yang menumpukan kepada pembangunan tenaga kerja, meningkatkan struktur dan perkongsian data digital selain menubuhkan lebih banyak platform kerjasama, dan menyediakan sokongan kewangan untuk mempercepatkan gunapakai digital dan terus memajukan sektor pembuatan.

Peluang untuk Malaysia amat besar. Penggunaan teknologi digital dan 4IR meningkatkan nilai tambah sektor pembuatan (MVA) negara sebanyak 35 - 40% menjelang 2028, angka ini mewakili lebih daripada RM1 to RM1.5 trilion dalam nilai KDNK terkumpul sepanjang 10 tahun akan datang.

MEMAJUKAN REVOLUSI DIGITAL DALAM SEKTOR PEMBUATAN DI MALAYSIA

SYARIKAT BERDEPAN PELBAGAI CABARAN DALAM MENGGUNAPAKAI TEKNOLOGI DIGITAL DAN 4IR

Walaupun banyak nilai yang dipertaruhkan, pengilang tempatan masih di peringkat awal dalam penerokaan digital mereka dan berdepan halangan dalam melaksanakan teknologi 4IR.

Cabaran terbesar adalah pelaksanaan, cara memilih dan memberi keutamaan kepada kes-kes yang betul, menjalankan ujian, membangunkan kes perniagaan yang boleh diterima pakai, dan meningkatkan ujian. Tanpa mengira saiz dan kematangan syarikat, cabaran ini akan menjurus kepada tiga soalan penting seperti yang berikut:

1. Apakah peluang bagi 4IR untuk memaksimumkan nilai syarikat dalam jangka pendek?

- **Ketidakpastian yang besar mengenai penyelesaian dan keutamaan.** Walaupun ada banyak kes dan penyelesaian yang digunakan, namun masih tidak pasti di mana untuk bermula dan bagaimana untuk memberi keutamaan kepada kes berkenaan.
- **Kos yang tinggi dan kes perniagaan tidak jelas.** Tetap dengan kos buruh yang rendah memberikan insentif terhad dan ini menjadi alasan perlunya pelaburan besar dalam melaksanakan teknologi maju. Lebih-lebih lagi kebanyakan pengilang mengharapkan tempoh bayaran balik antara satu hingga dua tahun kerana mereka sering merujuk kepada sesuatu kes yang digunakan, bukannya portfolio.

2. Bagaimana penyelesaian boleh dilaksanakan dengan cara yang lestari dan berstruktur?

- **Kurang penjelasan mengenai skala ujian.** Wujud ketidakpastian berkenaan skala ujian yang melibatkan mesin, kilang dan geografi. Keadaan ini kadang kala akan menjurus kepada 'kelompokan ujian' dan kurang penjelasan mengenai bagaimana ujian boleh memacu transformasi digital yang lebih luas.
- **Pembekal yang kompleks dan terbahagi serta penyelesaian ekosistem.** Pengilang kerap kali tidak pasti bagaimana mengemudi lanskap pembekal 4IR yang kompleks, terutamanya jika berlaku kekurangan penyelesaian lengkap dan perlunya untuk saling mengendali sistem yang sedia ada dan memastikan ia fleksibel supaya tidak terkunci dalam sistem proprietari.
- **Kesukaran mendapatkan pakar yang diperlukan dan meningkatkan keupayaan.** Akses kepada tenaga mahir dan pakar kekal menjadi cabaran utama kepada pengilang. Tenaga mahir dalaman atau tempatan dengan tiada pemahaman 4IR yang relevan dan pakar global sukar diperolehi dan dilihat sebagai terlalu mahal.
- **Sambungan dan infrastruktur data yang tidak mencukupi.** Sering terdapat kekurangan kesinambungan dan data yang tidak sesuai, selain daripada kekurangan infrastruktur pengurusan untuk menyokong teknologi 4IR.

3. Bagaimanakah jangkaan gangguan operasi diuruskan bagi memastikan kesinambungan perniagaan?

- **Kebimbangan tentang gangguan perniagaan dan kesinambungan.** Pengilang berdepan dengan risiko gangguan operasi dan perlu mempertimbangkan penyelesaian yang tidak berbahaya dan boleh dilaksanakan ketika kilang sedang beroperasi.
- **Risiko sekuriti siber semasa ujian dan meningkatkan skala.** Pengilang prihatin dengan persekitaran ujian 'sandboxing' untuk mengelakkan gangguan dan kawalan terhadap ancaman sekuriti siber yang timbul daripada kesinambungan yang meluas dan titik akhir yang banyak.

Sudah jelas daripada perbincangan dan kerjasama kami dengan pengilang utama bahawa persoalannya kini bukan 'kenapa' tetapi 'bagaimana' untuk menggunakan 4IR, dan berapa pantas. Sebagaimana pengilang utama di Malaysia menyatakan: "Terdapat pelbagai teknologi untuk 4IR, tetapi apakah penyelesaian yang sesuai untuk kami sebagai pengeluar? Bagaimanakah kami menyusunatur penyelesaian mengikut keutamaannya?"

PENDEKATAN JANGKA PENDEK DAN PANJANG UNTUK MEMENUHI CABARAN PELAKSANAAN 4IR


Untuk negara ini mencapai kemajuan yang kukuh dan pantas dalam penerokaan 4IR dan mencapai potensi sepenuhnya, pelaksanaan perlu dibuat di peringkat syarikat dan kerajaan. Tanggungjawab syarikat untuk memajukan operasi dan mengekalkan daya saing terletak pada syarikat itu sendiri, manakala kerajaan pula perlu memastikan penyediaan ekosistem yang menyokong untuk menggalakkan gunapakai digital lebih awal dan menangani masalah bakat tenaga mahir dan tenaga kerja dalam jangka panjang.

Syarikat yang berhasrat melaksanakan penerokaan 4IR lazimnya perlu berhadapan dengan cabaran sebelum mencari penyelesaian dalam lanskap teknologi yang begitu dinamik. Untuk merentasi ketidakpastian yang membelenggu penyelesaian baharu, asas rakan yang berpecah, dan keupayaan yang terhad, pengilang negara ini perlu merangka pendekatan percubaan serta jangka pendek dan panjang dengan menggabungkan pelaksanaan menggunakan kes jangka masa pendek dengan jangka masa panjang untuk memajukan sektor pembuatan (lihat Rajah 3).

Perkara ini memerlukan tumpuan dalam menyelesaikan sesuatu masalah yang sedang dihadapi tanpa hilang tumpuan terhadap visi yang lebih luas untuk dicapai yang akan menjadi panduan dalam transformasi digital. Ini juga bagi mengelakkan progres lembab yang berpanjangan iaitu satu risiko yang berpunca daripada tumpuan jangka masa pendek dan terlalu menumpukan terhadap penggunaan kes perniagaan secara terasing.

MEMAJUKAN REVOLUSI DIGITAL DALAM SEKTOR PEMBUATAN DI MALAYSIA

Rajah 3: Pengilang Malaysia perlu pendekatan percubaan dan berulang jangka pendek dan panjang bagi pelaksanaan 4IR



Pengilang boleh menggunakan enam pendekatan berikut untuk merangka penerokaan 4IR mereka:

- 1. Fokus kepada masalah utama.** Menggunakan teknologi maju untuk menyelesaikan masalah utama bagi meningkatkan kepantasan, kualiti, kos atau kelestarian. Masalah yang disebutkan ini sangat khusus mengikut corak dan penetapan dalam industri berkenaan.
- 2. Mengenalpasti guna kes yang betul.** Memahami bagaimana sesuatu masalah itu perlu diselesaikan dan apakah bentuk gunaan kes 4IR yang boleh membentuk kepada bahagian penyelesaian, dan bukan yang sebalik (seperti, apa yang boleh kita gunakan dengan IoT?). Pada masa yang sama, wujudkan satu pandangan mengenai sasaran yang akan dicapai dan pulangan atas pelaburan (ROI) yang diperlukan untuk setiap pelaburan yang akan dibuat.
- 3. Mengendalikan ujian pantas bersama.** Memanfaatkan ujian berasaskan pembekal untuk menguji penyelesaian, dan lihat bagaimana kesesuaian mereka dengan persekitaran operasi dan keberkesanan mereka dalam menyelesaikan masalah.
- 4. Bina rakan kongsi ekosistem yang selari dengan visi jangka panjang.** Wujudkan rakan kongsi awal berdasarkan strategi perkongsian sesuai yang selari dengan hasrat organisasi, sasaran infrastruktur dan tahap kematangan. Bagi setiap pengilang, ini bermakna melibatkan sekurang-kurangnya beberapa rakan kongsi yang akan membawa satu set vendor lain dengan penyelesaian fleksibel dan boleh dikongsi.
- 5. Menubuhkan infrastruktur berskala.** Memahami bentuk infrastruktur yang diperlukan untuk menyusun keberkesanan dan kelestarian ujian di seluruh rangkaian secara berkala, khususnya berkenaan sambungan yang boleh dipercayai di seluruh kilang, memasang sekuriti siber yang lengkap, menubuhkan platform IoT sejagat, dan mengintegrasikannya dengan sumber dan perancangan pengilangan yang sedia ada.

MEMAJUKAN REVOLUSI DIGITAL DALAM SEKTOR PEMBUATAN DI MALAYSIA

6. **Mengekalkan momentum transformasi.** Memastikan pembolehcara organisasi disediakan untuk mendorong dan mengekalkan momentum transformasi. Kejayaan 4IR memerlukan pelaburan untuk membangunkan visi yang jelas dan budaya digital, serta membolehkan kemajuan menerusi struktur organisasi dan proses yang jelas untuk memacu perubahan lestari.

Di peringkat nasional, kerajaan perlu memainkan peranan penting bagi menyokong gunapakai digital dan 4IR dalam jangka masa panjang dan pendek. Tiga bidang tumpuan berpotensi adalah seperti berikut:

1. **Teruskan membina kesedaran.** Sebanyak 80% daripada PKS di negara ini yang menyedari kepentingan 4IR dan lebih 50% telah menggunakan digital untuk penglibatan pelanggan. Ini adalah hasil daripada cetusan e-commerce di Malaysia dan program-program kerajaan seperti MSC dan Zon Bebas Perdagangan Digital. Usaha yang berterusan akan membantu pemahaman yang lebih baik mengenai potensi digital dalam operasi rantai nilai dan pembuatan – dan nilai risiko daripada tindakan.
2. **Menyediakan sokongan dengan tumpuan kepada ‘bagaimana’.** Cabaran utama bukannya terletak kepada usaha meyakinkan pengilang bahawa mereka mesti melaksanakan 4IR, tetapi menunjukkan kepada mereka bagaimana dan berapa cepat untuk melaksanakannya. Walaupun negara ini memiliki hampir 50,000 firma pembuatan, hanya 2,500 daripadanya merupakan firma bersaiz sederhana (75-200 pekerja) dan 1,400 firma bersaiz besar (>200 pekerja). Oleh kerana pengilang ini akan menjadi peneraju dalam gunapakai 4IR, tumpuan kepada firma berkenaan menerusi program berstruktur seharusnya menjadi keutamaan dan akan membuat apa jua program sokongan yang boleh diuruskan.
3. **Memacu perubahan jangka panjang dalam sistem pendidikan dan latihan pekerja.** Membangunkan kelompok pakar 4IR tempatan yang kukuh, penting untuk mengekalkan dan meningkatkan daya saing Malaysia. Ini memerlukan perubahan kepada kedua-dua pendidikan menengah dan tinggi, yang perlu dimulakan sekarang, dan akan menjadikan peranan 4IR dalam pengilangan sebagai prospek kerjaya masa hadapan. Di samping itu, peningkatan kemahiran dan pengambilan semula tenaga kerja akan menjadi penting bagi memastikan 4IR sentiasa memberikan kesan yang positif ke atas keseluruhan sektor pekerjaan.

Inspirasi boleh diperoleh daripada negara lain. Sebagai contoh, program Go-ON di United Kingdom yang bertujuan untuk membina keupayaan digital dalam kalangan PKS. Dalam tahun pertama sahaja, program ini telah mencapai 300,000 PKS dan daripada jumlah ini, 5,500 diletak di bawah tindakan selanjutnya. Program Inovasi Berpusat dari Jerman untuk PKS (ZIM) pula menggalakkan teknologi R&D dorongan pasaran dalam kalangan PKS menerusi belanjawan tahunan lebih daripada €500 juta beserta dengan geran mengikut tahap inovasi R&D dan hasil kebolehpasaran.

EKUINAS KOMITED UNTUK MEMAJUKAN SEKTOR PEMBUATAN DAN PENGGUNAAN DIGITAL DI MALAYSIA

Sektor pembuatan merupakan bidang tumpuan bagi Ekuinas. Ia telah mula melabur dalam pelbagai syarikat dan sedang mengimbas pasaran untuk mencari lebih banyak peluang. Tumpuan adalah ke atas beberapa sektor keutamaan berdasarkan kepada keperluan pemahaman terhadap keupayaan yang khusus dan proses yang terlibat dengannya.

Ekuinas, dan juga firma ekuiti persendirian lain (PE), mempunyai peranan dalam memajukan sektor pembuatan di negara ini dan menyokong agenda *Industry4Wrd* nasional. Langkah ini dikuatkan lagi dengan keperluan visi jangka masa panjang dan kes perniagaan yang memacu transformasi digital dalam operasi pembuatan. Sebagai peneraju PE, Ekuinas boleh menyediakan modal untuk pelaburan baharu serta sebagai panduan tentang bagaimana untuk menstruktur transformasi perniagaan dan digital untuk tempoh jangka masa panjang.

Langkah pertama dalam penerokaan ini adalah memastikan sektor yang betul telah dikenalpasti untuk mempercepatkan pelaksanaan 4IR. Pada masa sama, semua sektor perlu memiliki hala tuju 4IR yang mantap, peluang jangka masa pendek perlu memberi tumpuan kepada usaha mengukuhkan daya saing negara ini dalam sektor terasnya iaitu elektronik, automotif, makanan & minuman serta petrokimia. Satu daripada peranan utama Ekuinas adalah untuk mencari syarikat-syarikat yang baik untuk dilabur dan memacu daya saingnya.

Ekuinas juga boleh menggunakan pendekatan yang mantap untuk membangunkan kes perniagaan yang pada masa yang sama menggerakkan eksperimen dan memacu strategi jangka masa panjang. Ketika menggunakan teknologi baharu dalam pembuatan, syarikat-syarikat seringkali hanya melihat kepada penambahbaikan berkaitan produktiviti buruh. Walaupun perkara ini boleh memberi manfaat, mereka cenderung kehilangan peluang yang lebih besar dari segi kualiti, kecekapan modal dan manfaat pendapatan yang boleh diraih dan dipercepatkan menerusi teknologi.

MEMAJUKAN REVOLUSI DIGITAL DALAM SEKTOR PEMBUATAN DI MALAYSIA

KAJIAN KES: EKUINAS MEMANFAATKAN AUTOMASI DORONGAN DATA DALAM SYARIKAT PELABURANNYA

Al-Ikhsan Sports Sdn. Bhd. merupakan peneraju barangan runcit sukan di negara ini yang mana rantai bekalan yang optimum adalah daya saing yang kritikal untuk memastikan rakan kongsi perniagaan runcitnya mendapat bekalan barangan dalam masa yang ditetapkan dan tepat. Walaupun Al-Ikhsan telah memiliki sistem stok simpanan barangan yang cekap, tahap perkhidmatan bagaimanapun tidak menyokong keperluan rakan kongsi runcitnya. Ekuinas bekerjasama dengan Al-Ikhsan untuk mengenalpasti algoritma optimum untuk menambah baik pergerakan barangan dari segi bilangan, lokasi dan mengimbangkan antara bekalan dan permintaan. Penyelesaian ini turut direka untuk meminimumkan interaksi antara manusia, dengan memanfaatkan sistem yang telah sedia digunakan dalam syarikat berkenaan. Sebelum pelaksanaannya, penyelesaian ini telah diuji menerusi ujian ke atas 20% daripada jumlah inventori. Impak daripada ujian ini amat ketara dengan lebih perolehan sebanyak RM8 juta dalam tempoh tujuh bulan pelaksanaannya, selain 20% peningkatan dalam ketepatan, dan kecekapan pemprosesan dalam seminggu meningkat daripada tiga pekerja untuk tiga jam kepada hanya seorang pekerja. Pasukan kerjasama itu kini sedang berusaha untuk memperluaskan skop pendekatan ini untuk melibatkan keseluruhan inventori.

Menerusi syarikat-syarikat portfolionya, Ekuinas juga akan dapat memacu idea meliputi sektor dan penggunaan teknologi 4IR yang lebih luas, secara berstruktur. Terdapat pelbagai bidang di mana pendekatan tersusun bagi pelaksanaan 4IR akan memberi manfaat, khususnya dalam mewujudkan hub inovasi untuk idea 4IR, penubuhan perkongsian rangkaian syarikat, atau kumpulan sokongan yang terdiri daripada pakar-pakar untuk mencetus dan menyelesaikan isu pelaksanaan, mendorong penggunaan kemudahan yang dikongsi seperti pusat Pencetakan 3D, memulakan usahasama antara industri swasta-awam dan membawa usahasama teknologi antarabangsa ke Malaysia.

Dengan memanfaatkan pengalamannya dalam menyokong usaha pendigitalan di seluruh portfolionya, Ekuinas berada pada kedudukan yang baik untuk membantu syarikat-syarikat yang memerlukan transformasi tetapi tidak tahu bagaimana untuk memulakannya. Untuk mereka yang baru menceburi bidang ini, wujud peluang yang sebenar untuk menjadi peneraju di Malaysia, juga di peringkat serantau. Ekuinas komited untuk bekerjasama dengan peneraju-peneraju yang bercita-cita dalam era digital baharu ini.

Pengarang:

Nikolai Dobberstein, Partner, Kuala Lumpur, nikolai.dobberstein@atkearney.com

Badri Veeraghanta, Partner, Singapura, badri.veeraghanta@atkearney.com

Kaushik Sriram, Principal, Singapura, kaushik.sriram@atkearney.com

Artikel ini menggambarkan kerja yang dilakukan untuk Kertas Putih berjudul "Accelerating 4IR in ASEAN: An Action Plan for Manufacturers", yang diterbitkan oleh A.T. Kearney dan Cisco.



PRESTASI TINGGI

Kami sentiasa berusaha
untuk menjangkau
sasaran

Icon Offshore Berhad, salah satu penyedia kapal sokongan luar pesisir terbesar di Malaysia, adalah hasil penggabungan antara Tanjung Kapal Services Sdn Bhd dan OMNI Petromaritime Sdn Bhd pada tahun 2012.

MEMAJUKAN REVOLUSI DIGITAL DALAM SEKTOR PEMBUATAN DI MALAYSIA

KAJIAN KES: EKUINAS MEMANFAATKAN AUTOMASI DORONGAN DATA DALAM SYARIKAT PELABURANNYA

Al-Ikhsan Sports Sdn. Bhd. merupakan peneraju barangan runcit sukan di negara ini yang mana rantai bekalan yang optimum adalah daya saing yang kritikal untuk memastikan rakan kongsi perniagaan runcitnya mendapat bekalan barangan dalam masa yang ditetapkan dan tepat. Walaupun Al-Ikhsan telah memiliki sistem stok simpanan barangan yang cekap, tahap perkhidmatan bagaimanapun tidak menyokong keperluan rakan kongsi runcitnya. Ekuinas bekerjasama dengan Al-Ikhsan untuk mengoptimumkan lagi fitnes optimum untuk menambah baik pergerakan barangan dari segi bilangan, lokasi dan mengimbangkannya antara bekalan dan perniagaan. Penyelesaian ini turut direka untuk meminimumkan interaksi antara manusia, dengan memanfaatkan sistem yang telah sedia digunakan dalam syarikat berkenaan. Sebelum pelaksanaannya, penyelesaian ini telah diuji menerusi ujian ke atas 20% daripada jumlah inventori. Impak daripada ujian ini amat ketara dengan lebih perolehan sebanyak RM8 juta dalam tempoh tujuh bulan pelaksanaannya, lebih 20% peningkatan dalam ketepatan, dan kecekapan pemprosesan dalam seminggu meningkat daripada tiga pekerja untuk tiga jam kepada hanya seorang pekerja. Kerjasama itu kini sedang berusaha untuk memperluaskan skop pendekatan ini untuk melibatkan keseluruhan inventori.

Menerusi syarikat-syarikat portfolionya, Ekuinas juga akan dapat memacu idea meliputi sektor dan penggunaan teknologi 4IR yang lebih luas, secara berstruktur. Terdapat pelbagai bidang di mana pendekatan tersusun bagi pelaksanaan 4IR akan memberi manfaat, khususnya dalam mewujudkan hub inovasi untuk idea 4IR, penubuhan perkongsian rangkaian syarikat, atau kumpulan sokongan yang terdiri daripada pakar-pakar untuk mencetus dan menyelesaikan isu pelaksanaan, mendorong penggunaan kemudahan yang dikongsi seperti pusat Pencetakan 3D, memulakan usahasama antara industri swasta-awam dan membawa usahasama teknologi antarabangsa ke Malaysia.

Dengan memanfaatkan pengalamannya dalam menyokong usaha pendigitalan di seluruh portfolionya, Ekuinas berada pada kedudukan yang baik untuk membantu syarikat-syarikat yang memerlukan bantuan untuk memulakan atau meningkatkan usaha digital mereka untuk memulakannya. Untuk mereka yang baru menceburi bidang ini, wujud peluang yang sebenar untuk menjadi peneraju di Malaysia, juga di peringkat serantau. Ekuinas komited untuk bekerjasama dengan peneraju-peneraju yang bercita-cita dalam era digitalisasi ini.

Pengarang:

Nikolai Dobberstein, Partner, Kuala Lumpur, nikolai.dobberstein@atkearney.com

Badri Veeraghanta, Partner, Singapura, badri.veeraghanta@atkearney.com

Kaushik Sriram, Principal, Singapura, kaushik.sriram@atkearney.com


Artikel ini menggambarkan kerja yang dilakukan untuk Kertas Putih berjudul “Accelerating 4IR in ASEAN: An Action Plan for Manufacturers”, yang diterbitkan oleh A.T. Kearney dan Cisco.

Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada A.T. Kearny kerana menyumbangkan artikel mereka berjudul “Memajukan Revolusi Digital dalam Sektor Pembuatan di Malaysia” untuk memberi para pembaca kami pandangan tentang 4IR dan maknanya buat pengilang Malaysia.



Icon Offshore Berhad, salah satu penyedia kapal sokongan luar pesisir terbesar di Malaysia, adalah hasil penggabungan antara Tanjung Kapal Services Sdn Bhd dan OMNI Petromaritime Sdn Bhd pada tahun 2012.

STRUKTUR KORPORAT



MAKLUMAT KORPORAT

LEMBAGA PENGARAH

**RAJA TAN SRI DATO' SERI ARSHAD
RAJA TUN UDA**
(Pengerusi)

**TAN SRI DATO' SERI MOHAMED
JAWHAR HASSAN**

**TAN SRI MOHAMED
AZMAN YAHYA**

**TAN SRI DR. RAHAMAT
BIVI YUSOFF**

DATUK ALI ABDUL KADIR

**DATO' NIK AZMAN
NIK ABDUL MAJID**
(meletak jawatan pada 21 Oktober 2018)

**SYED YASIR ARAFAT
SYED ABD KADIR**
(Ketua Pegawai Eksekutif)

JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN RISIKO

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad
Raja Tun Uda (Pengerusi)

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan
Tan Sri Dr. Rahamat Bivi Yusoff

JAWATANKUASA PELANTIKAN & GANJARAN

Tan Sri Dato' Seri Mohamed
Jawhar Hassan (Pengerusi)

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad
Raja Tun Uda

Tan Sri Mohamed Azman Yahya

JAWATANKUASA PELABURAN

Tan Sri Mohamed Azman Yahya (Pengerusi)

Datuk Ali Abdul Kadir

Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir

Mazhairul Jamaludin

Nik Johaan Nik Hashim

Idham Ismail

Lim Fu Yen

JAWATANKUASA CSR

Tan Sri Dr. Rahamat Bivi Yusoff
(Pengerusi)

Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir
(Gantian dengan Mazhairul Jamaludin)

Nik Johaan Nik Hashim

SETIAUSAHA SYARIKAT

Norsham Abdul Ghani (LS 01203)
Saiful Nizam Yasin (LS 008955)

JURUAUDIT

PricewaterhouseCoopers PLT
Chartered Accountants

BANK UTAMA

Malayan Banking Berhad
CIMB Bank Berhad
Affin Bank Berhad

ALAMAT BERDAFTAR

Prokhas Sdn Bhd
Tingkat 7, Bangunan Setia 1
15 Lorong Dungun
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur

ALAMAT PEJABAT

Ekuiti Nasional Berhad (868265 U)
Level 16, Surian Tower
No. 1, Jalan PJU 7/3
Mutiarra Damansara
47810 Petaling Jaya, Selangor

JAWATANKUASA PENGURUSAN

Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir
Ketua Pegawai Eksekutif

Mazhairul Jamaludin
Pengarah Kanan, Pelaburan/Penyumberan Luar

Nik Johaan Nik Hashim
*Pengarah Kanan, Pelaburan/Hal Ehwal
Pihak Berkepentingan*


Roselinda Hashim
*Pengarah Kanan, Perundangan &
Hal Ehwal Korporat*

Idham Ismail
Pengarah Kanan, Pelaburan

Lim Fu Yen
Pengarah Kanan, Pelaburan

Heng Khim Hui
*Pengarah Kanan, Pengurusan dan Pemantauan
Portfolio*

STRUKTUR ORGANISASI



LEMBAGA PENGARAH

RAJA TAN SRI DATO' SERI ARSHAD RAJA TUN UDA

Pengerusi
Bebas Bukan Eksekutif

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda adalah Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif, Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Audit dan ahli Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran.

Pada masa ini, Raja Arshad turut memegang jawatan-jawatan berikut; Pengerusi Maxis Berhad dan Icon Offshore Berhad. Beliau juga merupakan Pengerusi Yayasan Raja Muda Selangor dan Pengerusi Yayasan Amir, selain menjadi Lembaga Pemegang Amanah bagi Yayasan DayaDiri. Raja Arshad juga adalah Canselor Universiti Selangor.

Raja Arshad adalah mantan Pengerusi Eksekutif dan Rakan Kongsi Kanan di PricewaterhouseCoopers (PwC) Malaysia.

Beliau juga adalah mantan Pengerusi, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia dan Pengerusi Danamodal Nasional Berhad. Jawatan dan peranan terdahulu beliau di peringkat antarabangsa termasuk menganggotai Lembaga PwC Global IFRS dan Standards Advisory Council di International Accounting Standards Board.

Raja Arshad merupakan seorang Fellow di Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW), dan juga ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA) serta Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) di mana beliau merupakan anggota Majlis MICPA selama 24 tahun dan pernah menyandang jawatan Presiden selama tiga tahun di dalam tempoh tersebut.

SYED YASIR ARAFAT SYED ABD KADIR

Ketua Pegawai Eksekutif

Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir adalah Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) di Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Beliau mengetuai Jawatankuasa Pengurusan dan juga seorang ahli Jawatankuasa Pelaburan.

Beliau merupakan Pengurus Negara (Perbankan Borong ING) yang menyelia operasi kedua-dua syarikat ING Corporate Advisory (Malaysia) Sdn Bhd dan ING Bank (Labuan) di Malaysia. Beliau pernah berkhidmat selama sembilan tahun di ING Corporate Advisory (Malaysia) Sdn Bhd bermula sebagai VP Corporate Finance di mana beliau mengendalikan operasi penggabungan dan pengambilalihan (M&A), penubuhan dana ekuiti dan dana berkaitan ekuiti, penubuhan dana pinjaman serta menjadi penasihat kewangan kepada beberapa syarikat peneraju Malaysia yang terlibat dalam bidang perbankan, perladangan, automotif, telekomunikasi dan hartanah.

Sebelum itu, Syed Yasir Arafat pernah berkhidmat di United Overseas Bank (Malaysia) Berhad, Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, Commerce International Merchant Bankers Berhad dan Aseambankers Malaysia Berhad.

Syed Yasir Arafat memiliki ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Perakaunan dan Pengurusan Kewangan dari University of Essex, United Kingdom.

LEMBAGA PENGARAH

TAN SRI DATO' SERI MOHAMED JAWHAR HASSAN

Pengarah
Bebas Bukan Eksekutif

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran dan seorang ahli Jawatankuasa Audit dan Risiko.

Tan Sri Dato' Seri Jawhar juga merupakan ahli Suruhanjaya di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Beliau juga seorang Expert and Eminent Person bagi Forum Serantau ASEAN untuk Malaysia dan merupakan seorang Distinguished Fellow bagi beberapa Institusi di Malaysia.

Beliau juga adalah mantan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia. Beliau telah berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia dalam pelbagai kapasiti sebelum dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah ISIS Malaysia pada tahun 1990.

Tan Sri Dato' Seri Jawhar merupakan ahli Kumpulan Kerja Majlis Ekonomi dan ahli Panel Penasihat, Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM). Beliau juga adalah mantan Pengerusi Bersama bagi Majlis Keselamatan di Asia Pasifik (CSCAP).

TAN SRI MOHAMED AZMAN YAHYA

Pengarah
Bebas Bukan Eksekutif

Tan Sri Mohamed Azman Yahya ialah salah seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Beliau juga adalah Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan dan ahli Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran.

Beliau merupakan Pengerusi Eksekutif Symphony Life Berhad. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pengarah Ranhill Holdings Berhad, Sime Darby Berhad dan AIA Group Limited. Beliau juga adalah Pengerusi Bukan Eksekutif di Sepang International Circuit Sdn Bhd dan Pengerusi Motorsports Association of Malaysia.

Sebelum menceburi bidang perniagaan, Tan Sri Azman pernah dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk menubuhkan dan mengetuai Danaharta Nasional Berhad, syarikat pengurusan asset negara dan dilantik sebagai Pengerusi syarikat sehingga tahun 2003. Beliau juga pernah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Penstrukturan

Semula Hutang Korporat (CDRC) yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk membantu menyelesaikan dan menstrukturkan semula hutang bagi syarikat-syarikat berdaya maju sehingga pembubarannya pada tahun 2002.

Kerjaya beliau sebelum ini merangkumi pengalaman bekerja di bidang audit bersama KPMG di London, bidang kewangan bersama Kumpulan Island & Peninsular dan bidang perbankan pelaburan bersama Bumiputra Merchant Bankers dan Amanah Merchant Bank.

Tan Sri Azman memiliki Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) kelas satu dalam bidang Ekonomi dari London School of Economics and Political Science, dan merupakan ahli Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW), ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA) selain menjadi Fellow di Institut Bank-Bank Malaysia.

LEMBAGA PENGARAH

TAN SRI DR RAHAMAT BIVI YUSOFF

Pengarah
Bebas Bukan Eksekutif

Tan Sri Dr Rahamat Bivi Yusoff adalah Pengarah bukan Eksekutif di Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa CSR dan seorang ahli Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko.

Tan Sri Dr Rahamat telah berkhidmat di dalam Perkhidmatan Awam Malaysia selama lebih 30 tahun, bermula sebagai Penolong Setiausaha (Bahagian Cukai) di Kementerian Kewangan (MOF) dan seterusnya memegang pelbagai jawatan, antaranya Pegawai Projek di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Timbalan Pengarah Seksyen Ekonomi Makro di Unit Perancang Ekonomi (EPU), Pengarah di Suruhanjaya Tenaga, Pengarah di Bahagian Belanjawan dan kemudian dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha di MOF. Pada tahun 2011, beliau dilantik sebagai Ketua Pengarah EPU, kedudukan yang dipegang olehnya sehingga beliau bersara pada tahun 2017.

Tan Sri Dr Rahamat juga merupakan ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) Malaysia-Malaysia-Thailand Joint Authority (MTJA), Malaysian Nuclear Power Corporation (MNPC), IOI Corporation Berhad (IOI) dan Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB). Beliau juga merupakan ahli majlis penasihat di Institut Pembangunan Bank Asia.

Tan Sri Dr Rahamat memiliki ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Ekonomi) (Kepujian) dari Universiti Sains Malaysia, ijazah Sarjana Ekonomi dari University of Western Michigan, Amerika Syarikat dan beliau juga telah menerima ijazah Kedoktoran dari Australian National University. Beliau juga merupakan ahli Majlis Penasihat di Institut Pembangunan Bank Asia.

DATUK ALI ABDUL KADIR

Pengarah
Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Ali Abdul Kadir ialah seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan.

Datuk Ali Kadir merupakan seorang Fellow di Institute of Chartered Accountant in England and Wales (ICAEW), ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) dan Institut Akauntan Malaysia (MIA). Beliau juga merupakan Honorary Advisor ICAEW KL City Chapter dan Honorary Advisor Institute of Chartered Secretaries & Administrators (UK) dan Institut Pengarah-Pengarah Malaysia.

Pada masa ini, Datuk Ali Kadir merupakan Pengerusi JcbNext Berhad dan Enra Group Berhad. Beliau merupakan Ahli Lembaga Pengarah Glomac Berhad, Citibank Berhad, Labuan Financial Services Authority, dan syarikat-syarikat swasta serta yayasan-yayasan lain.

Datuk Ali Kadir merupakan Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dari 1 Mac 1999 sehingga 29 Februari 2004. Beliau juga pernah memegang kerusi dalam jawatankuasa lain termasuk Jawatankuasa Pelaburan Asing dan Jawatankuasa Pengawasan untuk Syarikat Pengurusan Aset Nasional (Danaharta). Pada arena antarabangsa, beliau pernah menjadi ahli Jawatankuasa Eksekutif International Organisation of Securities

Commission (IOSCO), Pengerusi Jawatankuasa IOSCO Rantau Asia Pasifik dan Pengerusi Islamic Capital Market Working Group. Beliau juga merupakan bekas Pemegang Amanah bagi Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions (AAOIFI), Force of Nature Aid Foundation, serta Penasihat kepada Sri Lanka Securities & Exchange Commission.

Sebelum ini, beliau merupakan Pengerusi Eksekutif dan Rakan Kongsi Ernst & Young dan firma yang berkaitan. Beliau juga merupakan mantan Presiden MICPA, di mana beliau mempengerusikan Jawatankuasa Eksekutif dan Jawatankuasa Amalan Insolvensi dan mempengerusikan bersama Company Law Forum. Beliau pernah dilantik sebagai Profesor Tambahan di Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Universiti Malaya (2008 hingga 2011) dan kemudian dilantik sebagai ahli Lembaga Penasihat di Fakulti yang sama. Sebelum ini, beliau juga merupakan Pengerusi Milux Corporation Berhad, Microlink Solutions Berhad, Privasia Technology Berhad dan Financial Reporting Foundation.

Datuk Ali Kadir telah dianugerahkan Panglima Jasa Negara oleh YDP Agung pada tahun 2002. Pada tahun 2012, beliau telah dianugerahkan Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat dari ICAEW KL City Chapter, dan Anugerah Presiden dari MICPA.

LEMBAGA PENGARAH

DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID

Pengarah Bukan Eksekutif

Dato' Nik Azman Nik Abdul Majid dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) pada 27 Oktober 2017, ketika beliau dilantik sebagai Ketua Pengarah Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU). Beliau terus kekal sebagai ahli Lembaga Pengarah berikutan perlantikannya sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Ekonomi pada 1 September 2018. Beliau telah berkhidmat bersama EPU dalam pelbagai bahagian seperti Makroekonomi, Ekonomi Serantau, Belanjawan dan Majlis Sekretariat Ekonomi.

Sebelum ini, beliau berkhidmat di Kementerian Kewangan, mengendalikan analisis ekonomi, pengurusan hutang dan belanjawan. Beliau pernah dipinjamkan ke Bank Dunia di Washington D.C. selama dua tahun sebagai Penolong kepada Pengarah Eksekutif. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Sulit Kanan kepada Menteri Tugas Khas. Semasa

di EPU, beliau bertanggungjawab ke atas keseluruhan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11), dalam meluluskan projek pembangunan sepanjang tempoh 2016-2020. Kesemua projek tersebut merangkumi sektor ekonomi, sosial, keselamatan dan pentadbiran am. Tambahan lagi, beliau menyelia persiapan Kajian Separuh Penggal untuk RMK11, yang dibentangkan di Parlimen pada 18 Oktober 2018.

Dato' Nik Azman berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang ekonomi dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana dalam bidang ekonomi dari Universiti Nebraska Lincoln. Beliau juga telah menghadiri kursus Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School, Universiti Harvard pada tahun 2007.

Dato' Nik Azman meletak jawatan dari Ekuinas pada 21 Oktober 2018, berikutan persaraan wajibnya daripada perkhidmatan awam.

PENGURUSAN KANAN

SYED YASIR ARAFAT SYED ABD KADIR

Ketua Pegawai Eksekutif

Profil dibentangkan di halaman 31.

MAZHAIKUL JAMALUDIN

Pengarah Kanan, Pelaburan/Penyumberan Luar

Mazhairul Jamaludin ialah Pengarah Kanan, Pelaburan/Penyumberan Luar di Ekuinas dan ahli Jawatankuasa Pelaburan serta Jawatankuasa Pengurusan. Beliau menerajui Program Penyumberan Luar Ekuinas dan merupakan Pengarah Kanan yang bertanggungjawab ke atas portfolio pendidikan Ekuinas. Beliau turut merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Lembaga Penasihat beberapa syarikat pengurus Penyumberan Luar Ekuinas.

Mazhairul sebelum ini menyandang jawatan Pengawal Kewangan dan Timbalan Presiden Kanan, Perkhidmatan Komersial, MultiChannel TV di ASTRO, sebuah kumpulan media terkemuka di Malaysia yang menyediakan perkhidmatan televisyen bersatelit DTH (Direct-to-Home), radio komersial dan program televisyen.

Sebelum ini, beliau juga pernah bertugas sebagai Timbalan Presiden Pelaporan Perakaunan dan Pengurusan Kewangan di Celcom, salah sebuah syarikat telekomunikasi mudah alih terulung negara serta pernah berkhidmat di Arthur Andersen dan Ernst & Young.

Mazhairul memiliki ijazah Sarjana Muda Kepujian di dalam bidang Perakaunan & Kewangan dari University of Lancaster, United Kingdom dan adalah seorang Fellow di Persatuan Akauntan Bertauliah Berpiagam (ACCA) dan juga ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA). Beliau pada masa ini adalah seorang ahli Jawatankuasa Akauntan Profesional dalam Perniagaan (PAIB) di bawah MIA dan menganggotai lembaga pengarah Cradle Fund Sdn Bhd dan AXA AFFIN Life Insurance Berhad.

Beliau meletakkan jawatan pada Januari 2019.

NIK JOHAAN NIK HASHIM

Pengarah Kanan, Pelaburan

Nik Johaan Nik Hashim ialah Pengarah Kanan, Pelaburan di Ekuinas dan merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan serta Jawatankuasa Pengurusan. Nik Johaan adalah salah seorang Pengarah Kanan yang menyelia pelaburan Ekuinas dalam sektor makanan dan minuman (F&B), produk makanan pengguna dan penjagaan kesihatan. Beliau juga bertanggungjawab ke atas unit Hal Ehwal Pihak Berkepentingan Ekuinas termasuk Pengurusan Pihak Berkepentingan, Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJJB) dan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).

Sebelum menyertai Ekuinas, Nik Johaan bertugas di CIMB Investment Bank dan mempunyai pengalaman perbankan lebih 18 tahun terutamanya dalam bidang perbankan pelaburan di mana beliau mengetuai dan mengendalikan urusniaga pasaran modal pinjaman, pensindikatan pinjaman, tawaran awam awal (IPO), penasihat projek dan pelaksanaan penstrukturan semula hutang. Dalam tempoh perkhidmatannya di bank tersebut, beliau juga telah bertugas selama tiga tahun di CIMB Bank sebagai Pengarah Kawasan bagi bahagian perbankan pengguna dan perbankan perniagaan. Jawatan terakhir yang disandang oleh beliau di CIMB ialah Pengarah dan Ketua, Perhubungan Perbadanan Multinasional dan Kerajaan.

Nik Johaan menamatkan pengajian di University of Leicester, United Kingdom dengan ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Ekonomi dan mempunyai ijazah Sarjana di dalam bidang Perbankan Antarabangsa & Perkhidmatan Kewangan dari University of Reading, United Kingdom.

PENGURUSAN KANAN

ROSELINDA HASHIM

Pengarah Kanan, Perundangan & Hal Ehwal Korporat

Roselinda Hashim adalah Pengarah Kanan, Perundangan & Hal Ehwal Korporat di mana beliau mengetuai jabatan perundangan dan kesetiausahaan dan jabatan komunikasi di Ekuinas.

Sebelum ini, Roselinda merupakan Pengurus Besar Kumpulan, Jabatan Perundangan & Kesetiausahaan di Media Prima Berhad selama lima tahun. Sebelum itu, beliau merupakan Rakan Kongsi di Raslan Loong yang memfokuskan kepada penggabungan dan pengambilalihan (M&A), usaha sama, pengaturan semula korporat dan aspek korporat Malaysia dan undang-undang komersil yang lain. Roselinda berkecimpung di dalam hal ehwal perundangan sejak 1996 dan memulakan kariernya di Shearn Delamore & Co.

Roselinda menamatkan pengajian di School of Oriental & African Studies (SOAS), University of London dengan ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LLB, Hons) serta ijazah Sarjana Undang-Undang (LLM). Beliau dipanggil ke Bar of England and Wales, United Kingdom pada 1994 dan bertugas sebagai Peguam Bela dan Peguam Cara kepada Malaysian Bar pada tahun 1996. Roselinda menerima lesen untuk berkhidmat sebagai Setiausaha Syarikat oleh Companies Commission of Malaysia pada tahun 2005.

IDHAM ISMAIL

Pengarah Kanan, Pelaburan

Idham Ismail menyertai Ekuinas sebagai Pengarah Kanan, Pelaburan pada Oktober 2016. Beliau merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Pengurusan.

Sebelum ini, Idham merupakan Pengarah Pelaburan di Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) selama 11 tahun. Semasa berkhidmat di sana, beliau juga memegang jawatan melibatkan operasi di syarikat portfolio Khazanah iaitu Pos Malaysia Berhad dan Themed Attractions Resorts, di kedua-dua tempat sebagai Ketua Pegawai Strategi.

Sebelum itu, Idham juga berkhidmat di Tenaga Nasional Berhad dan Commerce International Merchant Bankers Berhad di jabatan Kewangan Korporat.

Idham menamatkan pengajian dengan Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian dalam Kejuruteraan Matematik dari University of Bristol, United Kingdom dan Ijazah Sarjana dalam Kewangan dari RMIT University, Australia.

LIM FU YEN

Pengarah Kanan, Pelaburan

Lim Fu Yen adalah Pengarah Kanan, Pelaburan di Ekuinas dan ahli Jawatankuasa Pelaburan serta Jawatankuasa Pengurusan. Beliau merupakan salah seorang daripada Pengarah Kanan yang bertanggungjawab bersama dalam pelaburan penjagaan kesihatan, pembuatan, dan minyak dan gas (O&G). Sebelum ini, beliau juga terlibat dalam pelaburan sulung Ekuinas dalam sektor teknologi.

Sebelum menyertai Ekuinas, Fu Yen melabur dalam pasaran ekuiti Amerika Utara di Orbis Investment Management, di San Francisco, Amerika Syarikat. Sebelum itu, beliau merupakan perunding pengurusan di Boston Consulting Group yang menyertai projek strategi dan operasi dalam servis kewangan dan sektor minyak dan gas. Beliau telah bekerja secara meluas dalam kedua-dua rantau Asia Tenggara dan Asia Timur.

Fu Yen menamatkan pengajian di Dartmouth College dengan Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Kejuruteraan Sains dan Ekonomi, dan mempunyai Ijazah Sarjana dalam Pengurusan Perniagaan (MBA) dari Stanford University Graduate School of Business.

HENG KHIM HUI

Pengarah Kanan, Pengurusan dan Pemantauan Portfolio

Heng Khim Hui adalah Pengarah Kanan, Pengurusan dan Pemantauan portfolio. Beliau bekerjasama dengan CEO dan pengurusan kanan syarikat portfolio untuk memacu pertumbuhan dan penciptaan nilai menerusi inisiatif strategik, jualan dan pemasaran, operasi digital dan IT.

Sebelum menyertai Ekuinas, Khim Hui adalah Ketua Projek bersama the Boston Consulting Group di mana beliau bekerja dengan MNC dan GLC di Asia Tenggara mengenai topik-topik yang terdiri daripada strategi kemasukan pasaran, strategi pertumbuhan, M&A dan transformasi operasi.

Sebelum itu, beliau berkhidmat di A.T. Kearney dan Accenture. Beliau membawa bersama 12 tahun pengalaman perundingan pengurusan dalam sektor perkhidmatan kewangan, minyak dan gas dan telekomunikasi.

Khim Hui menamatkan pengajian di Imperial College di London dengan Ijazah Kepujian Sarjana Muda Kejuruteraan dan mempunyai Sarjana Sains dari Stanford University, kedua-duanya dalam Kejuruteraan Mekanikal. Beliau juga memegang Ijazah Sarjana dalam Pengurusan Perniagaan (MBA) dari INSEAD.



BERDASARKAN MERIT

Kami sentiasa berusaha
untuk menjangkau
sasaran

*Ekuinas melabur dalam Orkim Sdn Bhd, salah satu syarikat kapal tangki Produk Petroleum
Bersih di Malaysia pada 2014.*

PENGURUSAN KANAN

ROSELINDA HASHIM

Pengarah Kanan, Perundangan & Hal Ehwal Korporat

Roselinda Hashim adalah Pengarah Kanan, Perundangan & Hal Ehwal Korporat di mana beliau mengetuai jabatan perundangan dan kesetiausahaan dan jabatan komunikasi di Ekuinas.

Sebelum ini, Roselinda merupakan Pengurus Rakan Kongsi dan Perundangan & Kesetiausahaan di Media Prima Berhad selama lima tahun. Sebelum itu, beliau merupakan Rakan Kongsi di Raslan Group yang memfokuskan kepada penggabungan dan pengambilalihan (M&A), usaha sama, pengaturan semula korporat dan aspek korporat Malaysia dan undang-undang komersil yang lain. Roselinda berkecimpung di dalam hal ehwal perundangan sejak 1996 dan memulakan kariernya di Shearn Delamore & Co.

Roselinda menamatkan pengajian di School of Oriental & African Studies (SOAS), University of London dengan ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LLB, Hons) serta ijazah Sarjana Undang-Undang (LLM). Beliau dipanggil ke Bar of England and Wales, United Kingdom pada tahun 1994 dan bertugas sebagai Peguam Bela dan Peguam Cara kepada Malaysian Bar pada tahun 1996. Roselinda menerima ijazah kehormat berkhidmat sebagai Setiausaha Syarikat oleh Companies Commission of Malaysia pada tahun 2005.

IDHAM ISMAIL

Pengarah Kanan, Pelaburan

Idham Ismail menyertai Ekuinas sebagai Pengarah Kanan, Pelaburan pada Oktober 2016. Beliau merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Pengurusan.

Sebelum ini, Idham merupakan Pengarah Pelaburan di Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) selama 11 tahun. Semasa berkhidmat di sana, beliau juga memegang jawatan melibatkan operasi di syarikat portfolio Khazanah iaitu Pos Malaysia Berhad dan Themed Attractions Resorts, di kedua-dua tempat sebagai Ketua Pegawai Strategi.

Sebelum itu, Idham juga berkhidmat di Tenaga Nasional Berhad dan Commerce International Merchant Bankers Berhad di jabatan Kewangan Korporat.

Idham menamatkan pengajian dengan Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian dalam Kejuruteraan Matematik dari University of Bristol, United Kingdom dan Ijazah Sarjana dalam Kewangan dari RMIT University, Australia.

LIM FU YEN

Pengarah Kanan, Pelaburan

Lim Fu Yen adalah Pengarah Kanan, Pelaburan di Ekuinas dan ahli Jawatankuasa Pelaburan serta Jawatankuasa Pengurusan.

Beliau merupakan salah seorang daripada Pengarah Kanan yang bertanggungjawab kepada Ekuinas dalam pelaburan penjagaan kesihatan, perkhidmatan, tenaga minyak dan gas (O&G). Sebelum ini, beliau juga terlibat dalam pelaburan sulung Ekuinas dalam sektor teknologi.

Sebelum menyertai Ekuinas, Fu Yen melabur dalam pasaran ekuiti Amerika Utara di Orbis Investment Management, di San Francisco, Amerika Syarikat. Sebelum itu, beliau merupakan perunding pengurusan di Boston Consulting Group yang menyertai projek strategi dan operasi dalam servis kewangan dan sektor minyak dan gas. Beliau telah bekerja secara meluas dalam kedua-dua rantau Asia Tenggara dan Asia Timur.

HENG KHIM HUI

Senior Director, Portfolio Management and Monitoring

Heng Khim Hui adalah Pengarah Kanan, Pengurusan dan Pemantauan portfolio. Beliau bekerjasama dengan CEO dan pengurusan kanan syarikat portfolio untuk memacu pertumbuhan dan penciptaan nilai menerusi inisiatif strategik, jualan dan pemasaran, operasi digital dan IT.

Sebelum menyertai Ekuinas, Khim Hui adalah Ketua Projek bersama the Boston Consulting Group dimana beliau bekerja dengan MNC dan GLC di Asia Tenggara mengenai topik-topik yang terdiri daripada strategi kemasukan pasaran, strategi pertumbuhan, M&A dan transformasi operasi.

Sebelum itu, beliau bekerja bersama A.T. Kearney dan Accenture. Beliau membawa bersama 12 tahun pengalaman perundingan pengurusan dalam sektor perkhidmatan kewangan, minyak dan gas dan telekomunikasi.

Khim Hui menamatkan pengajian di Imperial College di London dengan Ijazah Kepujian Sarjana Muda Kejuruteraan dan mempunyai Sarjana Sains dari Stanford University, kedua-duanya dalam kejuruteraan Mekanikal. Beliau juga memegang Ijazah Sarjana dalam Pengurusan Perniagaan (MBA) dari INSEAD.



Ekuinas melabur dalam Orkim Sdn Bhd, salah satu syarikat kapal tangki Produk Petroleum Bersih di Malaysia pada 2014.

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

TESIS PELABURAN


Ekuinas bertujuan untuk mengenal pasti semua peluang untuk melabur di syarikat-syarikat bersaiz sederhana di Malaysia untuk mentransformasi dan mengembangkan mereka untuk menjadi peneraju pasaran dan pelaburan yang menguntungkan. Selepas itu Ekuinas akan melupuskan aset tersebut dan menerapkan proses penciptaan nilai yang sama di syarikat-syarikat lain yang layak. Gambaran di bawah adalah unsur utama strategi pelaburan kami.




LAPORAN PRESTASI PELABURAN

A) KESELURUHAN

1. Dana Diterima



2. Penggunaan Dana



LAPORAN PRESTASI PELABURAN

B) PELABURAN LANGSUNG

1. Tinjauan Dana

EKUINAS DIRECT (TRANCHE I) FUND	EKUINAS DIRECT (TRANCHE II) FUND	EKUINAS DIRECT (TRANCHE III) FUND	
Tahun Penubuhan 2010	Tahun Penubuhan 2012	Tahun Penubuhan 2014	
Status: Dilaburkan & Terealisasi	Status: Telah Dilaburkan	Status: Sedang Dilaburkan	
Modal Komited RM1.0 bilion	Modal Komited RM1.0 bilion	Modal Komited RM1.5 bilion	
Tempoh 5 tahun + 2 tahun + 1 tahun	Tempoh 5 tahun + 2 tahun + 1.5 tahun	Tempoh 5 tahun + 2 tahun	
JANGKA MASA PELABURAN 3 TAHUN KE 5 TAHUN			
Bentuk & Struktur Rasmi Satu Pengurus Dana dan Satu Pelabur	Tumpuan Pelaburan <i>Buy-Out</i> dan Dana Modal Pertumbuhan	Tumpuan Geografi Malaysia	Tumpuan Industri Pendidikan, Minyak & Gas, FMCG, Peruncitan & Percutian, Penjagaan Kesihatan dan Perkhidmatan

2. Aktiviti Pelaburan

a. Aktiviti Pelaburan Langsung tahun 2018

RM juta Syarikat Portfolio	Sektor	Pegangan	Pelaburan Komited	Pelaburan Komited oleh Pihak Lain	Jumlah Kemasukan Modal Ekonomi
Pelaburan baharu:					
1 Flexi Versa Group Sdn Bhd (FVG)	Pembuatan	70.0%	175.0	-	175.0
2 Exabytes Capital Group Sdn Bhd (Exabytes)	Perkhidmatan Teknologi	40.4%	98.0	-	98.0
Pelaburan Susulan:					
1 Revenue Valley Group (Malaysia)	Peruncitan - F&B	N/A	13.5	-	13.5
2 Revenue Valley Group (Singapore)	Peruncitan - F&B	N/A	6.5	-	6.5
3 UNITAR International University	Pendidikan	N/A	18.5	-	18.5
Jumlah untuk tahun semasa			311.5	-	311.5

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

b. Aktiviti Pelaburan Langsung Secara Kumulatif sehingga 31 Disember 2018




RM juta			Pelaburan	Pelaburan	Jumlah	
Syarikat Portfolio			Komited	Komited oleh Pihak Lain	Kemasukan Modal Ekonomi	
Ekuinas Direct (Tranche I) Fund						
1	Alliance Cosmetics Group (ACG)	FMCG	20.0%	39.9	119.6	159.5
2	Tanjung Offshore Berhad (TOB)	Minyak & Gas	24.0%	99.8	-	99.8
3	Konsortium Logistik Berhad (KLB)	Perkhidmatan	61.6%	241.0	-	241.0
4	APIIT Education Group (APIIT)	Pendidikan	51.0%	102.0	-	102.0
5	Burger King Group (BKM)	Peruncitan - F&B	74.1%	68.2	-	68.2
6	Lyndarahim Ventures Sdn Bhd (SF)	Peruncitan - F&B	90.0%	30.0	-	30.0
7	Revenue Valley Group (RV)	Peruncitan - F&B	85.8%	64.6	-	64.6
8	Cosmopoint Group (Cosmopoint)	Pendidikan	90.0%	246.0	-	246.0
9	UNITAR International University (UNITAR)	Pendidikan	90.0%	58.5	2.5	61.0
10	Icon Offshore Berhad (ICON)	Minyak & Gas	70.7%	308.2	-	308.2
Jumlah pelaburan di bawah - Tranche I			1,258.2	122.1	1,380.3	
Ekuinas Direct (Tranche II) Fund						
1	Burger King Group (BKM & BKS)	Peruncitan - F&B	100.0%	99.8	-	99.8
2	Icon Offshore Berhad (ICON)	Minyak & Gas	17.4%	277.7	-	277.7
3	PrimaBaguz Sdn Bhd (PrimaBaguz)	Pembuatan Makanan	100.0%	40.0	-	40.0
4	Asia Pacific Institute of Information Technology Lanka Pvt Ltd (APIIT Lanka)	Pendidikan	45.9%	20.3	-	20.3
5	Lyndarahim Ventures Sdn Bhd (SF)*	Peruncitan - F&B	-	5.0	-	5.0
6	Revenue Valley Group (RV)	Peruncitan - F&B	-	10.0	-	10.0
7	Coolblog Sdn Bhd (Coolblog)	Peruncitan - F&B	60.0%	50.8	-	50.8
8	Orkim Sdn Bhd (Orkim)*	Minyak & Gas	95.5%	416.3	-	416.3
9	Tenby Educare Sdn Bhd (Tenby)	Pendidikan	70.0%	70.0	-	70.0
10	Tranglo Sdn Bhd (Tranglo)	Perkhidmatan Teknologi	60.0%	54.0	-	54.0
Jumlah pelaburan di bawah - Tranche II			1,043.9	-	1,043.9	
Ekuinas Direct (Tranche III) Fund						
1	MediExpress (Malaysia) Sdn Bhd (Medix)	Penjagaan Kesihatan	60.0%	58.8	-	58.8
2	PMCare Sdn Bhd (PMCare)	Penjagaan Kesihatan	60.0%	21.0	-	21.0
3	ILMU Education Group (ILMU)	Pendidikan	100.0%	150.0	-	150.0
4	Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd (Al-Ikhsan)	Peruncitan	35.0%	68.6	-	68.6
5	Icon Offshore Berhad (ICON)	Minyak & Gas	-	40.0	-	40.0
6	Davex (Malaysia) Sdn Bhd (Davex)	Manufacturing	100.0%	270.0	-	270.0
7	Revenue Valley Group (RV)**	Peruncitan - F&B	85.8%	142.1	-	142.1
8	Cosmopoint Group (Cosmopoint)#	Pendidikan	90.0%	54.7	-	54.7
9	UNITAR International University (UNITAR)**	Pendidikan	90.0%	127.7	-	127.7
10	Icon Offshore Berhad (ICON)#	Minyak & Gas	32.7%	100.1	-	100.1
11	Flexi Versa Group Sdn Bhd (FVG)	Pembuatan	70.0%	175.0	-	175.0
12	Exabytes Capital Group Sdn Bhd (Exabytes)	Perkhidmatan Teknologi	40.4%	98.0	-	98.0
Jumlah pelaburan di bawah - Tranche III			1,306.0	-	1,306.0	
Jumlah kumulatif pelaburan yang dilaksanakan			3,608.1	122.1	3,730.2	

* Termasuk pelaburan susulan

Pindahan dari Ekuinas Direct (Tranche I) Fund



LAPORAN PRESTASI PELABURAN

c. Analisis Komposisi Pelaburan



LAPORAN PRESTASI PELABURAN

c. Analisis Komposisi Pelaburan (sambungan)



LAPORAN PRESTASI PELABURAN

3. Aktiviti Realisasi

a. Aktiviti Realisasi pada tahun 2018

Syarikat RM juta	Tahun Terealisasi	% Pemegangan Dana Terealisasi	Jumlah Terealisasi	IRR Kasar % Tahunan	Gandaan Nilai
Terealisasi sepenuhnya					
Tranglo	2018	100.0	114.9	26.9%	2.0
Medix & PMCare*	2018	100.0	229.5	38.8%	2.6
Jumlah hasil terealisasi			344.4		

b. Aktiviti Terealisasi Kumulatif pada 31 Disember 2018

Syarikat RM juta	Tahun Terealisasi	% Pemegangan Dana Terealisasi	Jumlah Terealisasi	IRR Kasar % Tahunan	Gandaan Nilai
Terealisasi sepenuhnya					
TOB	2012	100.0	62.0	-19.7%	0.6
KLB	2013	100.0	347.4	19.4%	1.5
BKM & BKS^	2015	100.0	79.4	-29.1%	0.5
SF^	2015	100.0	21.0	-5.4%	0.8
ACG	2016	100.0	61.8	9.0%	1.5
APIIT & Tenby^	2017	100.0	847.3	22.3%	2.0
UNITAR & Cosmopoint#	2017	100.0	172.5	-4.4%	0.7
RV#	2017	100.0	122.1	11.3%	1.8
Tranglo	2018	100.0	114.9	26.9%	2.0
Medix & PMCare*	2018	100.0	229.5	38.8%	2.6
Separa Terealisasi					
ICON^	2014	89.1	645.5	25.5%	1.7
Jumlah hasil terealisasi			2,703.4		

* Pelupusan dalam Medix & PMCare selesai pada awal 2019

^ Pelupusan pada peringkat dana merentasi pelbagai dana

Dipindahkan ke Ekuinas Direct (Tranche III) Fund

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

4. Prestasi Syarikat Portfolio

Prestasi Syarikat Portfolio - Hasil dan EBITDA bergabung

	Hasil (RM juta)			EBITDA (RM juta)*		
	2018 A	2017 B	% Pertumbuhan A - B	2018 A	2017 B	% Pertumbuhan A - B
Kumpulan Pendidikan	109.3	132.3	-17.4%	2.4	16.7	-85.5%
Kumpulan Makanan	278.5	276.7	0.7%	27.2	27.4	-0.6%
ICON	199.5	204.6	-2.5%	67.0	83.0	-19.3%
Orkim	189.8	177.9	6.7%	104.3	99.9	4.4%
Healthcare	55.2	56.5	-2.3%	22.0	20.5	7.3%
Al-Ikhsan	285.4	259.0	10.2%	24.1	23.6	2.2%
Kumpulan Pembuatan	503.6	459.9	9.5%	81.0	69.5	16.5%
Jumlah Syarikat Portfolio	1,621.3	1,566.9	3.5%	328.1	340.6	-3.7%

* EBITDA tidak termasuk sebarang butiran tidak berulang dan luar biasa

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

5. Prestasi Dana

5.1 Ekuinas Direct (Tranche II) Fund

a. Nilai Aset Bersih (NAB) pada 31 Disember 2018

	2017 RM juta	Perubahan dalam tahun RM juta	2018 RM juta
A. Modal Diperuntukkan	1,000.0	-	1,000.0
B. Modal Dipanggil	1,051.5	13.5	1,065.1
C. Modal Dilabur Semula	4.8	-	4.8
D. Jumlah Modal Disediakan (B+C)	1,056.3	13.5	1,069.9
E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)	95.0	(10.0)	85.0
F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)	1,151.3	3.5	1,154.9
Tambah Peningkatan/(Pengurangan) ke atas Nilai Aset Bersih:			
Pendapatan Dividen	12.4	4.9	17.3
Keuntungan/(Kerugian) Bersih Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	346.9	(69.2)	277.7
Keuntungan Direalisasi dari Aktiviti Pelupusan	27.6	160.6	188.2
Perbelanjaan Faedah	4.8	2.1	6.9
Jumlah Pulangan Kasar Portfolio	391.7	98.4	490.1
Perbelanjaan Organisasi	(154.6)	(40.6)	(195.2)
Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad (C+H)*	(102.6)	(449.8)	(552.4)
Peningkatan/(Pengurangan) bersih dalam Nilai Aset Bersih	134.6	(392.0)	(257.5)
G. Nilai Aset Bersih	1,285.9	(388.5)	897.4
Nilai Aset Bersih terdiri daripada:			
Pelaburan - pada kos	831.7	(151.1)	680.6
Keuntungan/(Kerugian) Bersih Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	346.9	(69.2)	277.7
Pelaburan pada Nilai Saksama	1,178.7	(220.3)	958.3
Tambah: Baki Tunai	20.2	(3.2)	17.0
Tambah: Modal Kerja	88.4	(166.3)	(77.9)
Tambah: Modal Tidak Dipanggil	(1.3)	1.3	-
Bersamaan Nilai Aset Bersih	1,285.9	(388.5)	897.4
Nilai Aset Bersih	1,285.9	(388.5)	897.4
H. Modal Diagihkan	97.8	449.8	547.6
Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)	1,383.7	61.3	1,445.0
IRR Kasar Tahunan	14.6%		14.0%
IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)	10.2%		9.8%

* Termasuk pengagihan modal dilabur semula

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

b. Prestasi Portfolio Ekuinas Direct (Tranche II) Fund pada 31 Disember 2018

Syarikat	Kepentingan %	Kos Pelaburan [#] RM juta
Pelaburan:		
ICON	9.6	201.1
PrimaBaguz	100.0	40.0
APIIT Lanka	45.9	20.3
RV	-	10.0
Coolblog	60.0	45.8
Orkim	95.5	309.8
		626.9
Pelupusan:		
BKS	100.0	47.2
BKM	20.9	52.6
ICON	7.8	76.6
SF	-	5.0
Tenby	70.0	70.0
Tranglo	60.0	52.8
		304.2
Jumlah		931.1

[#] Kos pelaburan mewakili jumlah pelaburan komited yang digunakan, jumlah bersih pembiayaan

PULANGAN KASAR PORTFOLIO

RM490.1 JUTA

Pendapatan
Dividen

RM17.3
JUTA

Pertambahan Dalam
Nilai Saksama

RM277.7
JUTA

Keuntungan
dari Pelupusan

RM188.2
JUTA

Pendapatan
Bersih Faedah

RM6.9
JUTA

JUMLAH NILAI PORTFOLIO

RM1.4 BILION

IRR %

IRR Kasar


14.0% SETAHUN

IRR Bersih


9.8% SETAHUN

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

c. Peningkatan Nilai Portfolio Terkumpul Ekuinas Direct (Tranche II) Fund



d. Perubahan Nilai Portfolio Ekuinas Direct (Tranche II) Fund pada 31 Disember 2018



LAPORAN PRESTASI PELABURAN

5.2 Ekuinas Direct (Tranche III) Fund

a. Nilai Aset Bersih (NAB) pada 31 Disember 2018

	2017 RM juta	Perubahan dalam tahun RM juta	2018 RM juta
A. Modal Diperuntukkan	1,500.0	-	1,500.0
B. Modal Dipanggil	384.9	603.8	988.7
C. Modal Dilabur Semula	-	10.8	10.8
D. Jumlah Modal Disediakan (B+C)	384.9	614.6	999.5
E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)	127.5	77.5	205.0
F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)	512.4	692.1	1,204.5
Tambah Peningkatan/(Pengurangan) ke atas Nilai Aset Bersih:			
Pendapatan Dividen	28.1	22.6	50.7
Keuntungan/(Kerugian) Bersih Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	83.8	(55.3)	28.5
Pengurangan Direalisasi dari Aktiviti Pelupusan	(57.7)	36.7	(21.0)
Perbelanjaan Faedah	(0.4)	(4.3)	(4.7)
Jumlah Pulangan Kasar Portfolio	53.9	(0.3)	53.5
Perbelanjaan Organisasi	(127.4)	(54.3)	(181.6)
Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad (C+H)*	-	(127.0)	(127.0)
Pengurangan bersih dalam Nilai Aset Bersih	(73.5)	(181.6)	(255.1)
G. Nilai Aset Bersih	438.9	510.5	949.4
Nilai Aset Bersih terdiri daripada:			
Pelaburan – pada kos	852.3	157.8	1,010.1
Keuntungan/(Kerugian) Bersih Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	83.8	(55.3)	28.5
Pelaburan pada Nilai Saksama	936.1	102.5	1,038.6
Tambah: Baki Tunai	4.5	2.8	7.3
Tambah: Modal Kerja	(501.7)	440.2	(61.5)
Tambah: Modal Tidak Dipanggil	-	(35.0)	(35.0)
Bersamaan Nilai Aset Bersih	438.9	510.5	949.4
Nilai Aset Bersih	438.9	510.5	949.4
H. Modal Diagihkan	-	116.3	116.3
Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)	438.9	626.8	1,065.7
IRR Kasar Tahunan	10.7%		4.5%
IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)	N/M[#]		N/M[#]

* Termasuk pengagihan modal untuk dilabur semula

[#] Tidak dibentangkan kerana dana sedang dilaburkan

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

b. Prestasi Portfolio Ekuinas Direct (Tranche III) Fund pada 31 Disember 2018

Syarikat	Kepentingan %	Kos Pelaburan [#] RM juta
Pelaburan:		
Medix & PMCare**	60.0	79.8
ILMU	-	16.7
Al-Ikhsan	35.0	67.3
ICON	-	20.0
Davex	100.0	76.5
RV	85.8	132.4
Cosmopoint	90.0	54.7
Unitar	90.0	109.2
ICON	32.7	100.1
FVG	70.0	52.5
		709.1
Pelupusan:		
ILMU	-	133.3
		133.3
Jumlah		842.4

[#] Kos pelaburan mewakili jumlah pelaburan komited yang digunakan, jumlah bersih pembiayaan

^{**} Pelupusan selesai pada awal tahun 2019

PULANGAN KASAR PORTFOLIO

RM53.5 JUTA

Pendapatan
Dividen

RM50.7
JUTA

Pertambahan dalam
Nilai Saksama

RM28.5
JUTA

Kerugian dari
Pelupusan

RM21.0
JUTA

Perbelanjaan
Faedah Bersih

RM4.7
JUTA

JUMLAH NILAI PORTFOLIO

RM0.9 BILION

IRR %

IRR Kasar

4.5% SETAHUN


IRR Bersih

N/M*


* Tidak dibentangkan kerana dana sedang dilaburkan

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

c. Peningkatan Nilai Portfolio Terkumpul Ekuinas Direct (Tranche III) Fund



d. Perubahan Nilai Portfolio Ekuinas Direct (Tranche III) Fund pada 31 Disember 2018



LAPORAN PRESTASI PELABURAN

6. Pengagihan


Jumlah Dikomited

RM500.0 juta

Jumlah Diagihkan setakat 31 Disember 2018

RM200.0 juta

RANGKA KERJA PENGAGIHAN



LAPORAN PRESTASI PELABURAN

SYARIKAT PORTFOLIO



COSMOPPOINT GROUP

Jenis Pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh Pemerolehan

Mac 2012

Pemilikan

90.0%



UNITAR INTERNATIONAL UNIVERSITY

Jenis Pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh Pemerolehan

Mei 2012

Pemilikan

100.0%



APIIT
ASIA PACIFIC INSTITUTE
OF INFORMATION TECHNOLOGY
LANKA

APIIT LANKA

Jenis Pelaburan

Pelaburan susulan untuk perkembangan serantau

Tarikh Pemerolehan

Disember 2013

Pemilikan

83.5%



REVENUE VALLEY SDN BHD

Jenis Pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh Pemerolehan

Januari 2012

Pemilikan

85.8%



PRIMABAGUZ SDN BHD

Jenis Pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh Pemerolehan

November 2013

Pemilikan

100.0%



COOLBLOG DESSERTS SDN BHD

Jenis Pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh Pemerolehan

Julai 2014

Pemilikan

60.0%

ICON OFFSHORE

ICON OFFSHORE BHD

Jenis Pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh Pemerolehan

November 2012, penggabungan antara TKS dan Omni

Pemilikan

42.3%

Pelupusan Separa

Jun 2014



ORKIM SDN BHD

Jenis Pelaburan

Pelaburan *buy-out* aset bukan teras syarikat berkaitan Kerajaan (GLC)

Tarikh Pemerolehan

Disember 2014

Pemilikan

95.5%



DAVEX (MALAYSIA) SDN BHD

Jenis Pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Pelupusan Separa

Disember 2017

Pemilikan

100.0%



FLEXI VERSA GROUP SDN BHD

Jenis Pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh Pemerolehan

April 2018

Pemilikan

70.0%



EXABYTES CAPITAL GROUP SDN BHD

Jenis Pelaburan

Pelaburan dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh Pemerolehan

Mac 2019

Pemilikan

40.4%



AL-IKHSAN SPORTS SDN BHD

Jenis Pelaburan

Pelaburan dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh Pemerolehan

Julai 2016

Pemilikan

35.0%

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

KUMPULAN PENDIDIKAN

Rasional Pelaburan

Industri yang besar
dengan potensi
pertumbuhan yang
kukuh.

Kumpulan pendidikan
yang mempunyai rekod
prestasi yang tinggi.

	Cosmopoint Group	UNITAR International University	APIIT Lanka
Jenis Pelaburan	Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh	Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh	Pelaburan susulan untuk perkembangan serantau
Tarikh Pemerolehan	Mac 2012	Mei 2012	Disember 2013
Pemilikan	90.0%	100.0%	83.5%



LAPORAN PRESTASI PELABURAN



APIIT LANKA

- Ditubuhkan: 1993
- Location: Colombo, Sri Lanka
- Jenis pendidikan: Pengajian tinggi
- Pengkhususan: Kursus Jurusan Komputer, Perniagaan dan Undang-undang
- Populasi Pelajar: Lebih daripada 1,000

KUMPULAN COSMOPPOINT

- Ditubuhkan: 1991
- Lokasi: Kuala Lumpur + 11 kolej di seluruh negara
- Jenis pendidikan: Pengajian tinggi
- Pengkhususan: Program kursus berkaitan industri termasuk IT, Pengurusan Perniagaan, Seni Kulinari, Penyiaran, Multimedia dan juga kursus-kursus industri lain yang boleh dipasarkan
- Populasi pelajar: Lebih daripada 5,000

UNIVERSITI ANTARABANGSA UNITAR

- Ditubuhkan: 1997
- Lokasi: Selangor + 11 pusat serantau bebas
- Jenis pendidikan: Pengajian tinggi dan kursus pensijilan profesional
- Pengkhususan: Program Pendidikan di peringkat Asasi, Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah untuk mengembangkan capaian pembelajaran yang berkualiti melalui program pembelajaran konvensional dan jarak jauh.
- Populasi Pelajar: Lebih daripada 5,000

	2018 Tidak Diaudit RM juta	2017 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil Pendapatan	109.3	132.3	-17.4
EBITDA sebelum EI	2.4	16.7	-85.5
Bilangan Pelajar	10,413	12,799	-18.6

EI: Butiran luar biasa

LAPORAN
PRESTASI PELABURAN

KUMPULAN
MAKANAN

Rasional Pelaburan

Pelaburan di dalam jenama makanan dan minuman (F&B) yang kukuh.

Pelaburan di dalam industri F&B, dipacu oleh peningkatan perbelanjaan pengguna.

Mewujudkan kehadiran serantau dengan segera melalui operasi di Malaysia, Singapura dan Thailand.

Kumpulan pengurusan yang berpengalaman dan peluang untuk membentuk dan membangun pengurus profesional muda.

	Revenue Valley Sdn Bhd	Coolblog Desserts Sdn Bhd	PrimaBaguz Sdn Bhd
Jenis Pelaburan	Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh	Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh	Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh
Tarikh Pemerolehan	Januari 2012	Julai 2014	November 2013
Pemilikan	85.8%	60.0%	100.0%



LAPORAN PRESTASI PELABURAN



REVENUE VALLEY SDN BHD



- Ditubuhkan: 2002
- Jumlah cawangan: 76
- Jenis: Makanan kasual dan restoran perkhidmatan segera (QSR)

COOLBLOG DESSERTS SDN BHD (COOLBLOG)

- Ditubuhkan: 2007
- Jumlah cawangan: Lebih daripada 250 cawangan di Malaysia dan Indonesia
- Jenis: Pencuci mulut dan minuman berkonsep kiosk dan bawa pulang

PRIMABAGUZ SDN BHD

- Ditubuhkan: 1987
- Mengilang dan mengedar produk berasaskan daging premium yang halal seperti sosej, daging sejuk, produk dan sos sedia dimakan.
- Membekalkan produk ke Restoran Perkhidmatan Segera (QSR), hotel, restoran dan katerer (HORECA) serta pemborong.

	2018 Tidak Diaudit RM juta	2017 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil Pendapatan	278.5	276.7	0.7
EBITDA sebelum EI	27.2	27.4	-0.6
Jumlah cawangan	342	353	-3.1

EI: Butiran luar biasa

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

ICON OFFSHORE BERHAD

Rasional Pelaburan

Rekod prestasi
pertumbuhan yang
kukuh.

Platform untuk membina
salah sebuah syarikat OSV
tempat terbesar.



Jenis Pelaburan	: Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh
Tarikh Pemerolehan	: November 2012, penggabungan antara Tanjung Kapal Services Sdn Bhd dan Omni Petromaritime Sdn Bhd
Pemilikan	: 42.3%
Pelupusan Separa	: Jun 2014

ICON OFFSHORE BERHAD

- Icon ialah syarikat penyedia perkhidmatan Kapal Sokongan Luar Pesisir (OSV) terbesar di Malaysia dan antara yang terbesar di Asia Tenggara dari segi jumlah kapal OSV.
- Syarikat memiliki 32 buah kapal yang beroperasi di perairan Malaysia, Brunei dan Thailand. Kapal-kapal tersebut mempunyai sejarah operasi antarabangsa di lebih daripada enam negara di rantau Asia Tenggara.

	2018 Tidak Diaudit RM juta	2017 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil Pendapatan	199.5	204.6	-2.5
EBITDA sebelum EI	67.0	83.0	-19.3
PAT sebelum EI	(33.8)	(25.4)	-33.1

EI: Butiran luar biasa

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

ORKIM SDN BHD

Jenis Pelaburan	: Pelaburan buy-out aset bukan teras syarikat berkaitan Kerajaan (GLC)
Tarikh Pemerolehan	: Disember 2014
Pemilikan	: 95.5%

Rasional Pelaburan

Rekod prestasi
yang kukuh.

Syarikat yang mantap
dan mempunyai prospek
pertumbuhan
yang menggalakkan.



ORKIM SDN BHD

- Salah sebuah syarikat kapal tangki Produk Petroleum Bersih (CPP) terkemuka di Malaysia.
- Rekod prestasi pertumbuhan yang kukuh dengan 17 buah kapal di bawah hak milik dan pengurusan.
- Mengangkut CPP dari kilang penapisan ke pelbagai terminal penyimpanan minyak di seluruh negara dan pada masa ini memiliki 40% bahagian daripada pasaran terkemuka.

	2018 Tidak Diaudit RM juta	2017 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil Pendapatan	189.8	177.9	6.7
EBITDA sebelum EI	104.3	99.9	4.4
PAT sebelum EI	50.0	45.5	8.8

EI: Butiran luar biasa

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

AL-IKHSAN SPORTS SDN BHD

Jenis Pelaburan	: Pelaburan dalam syarikat Malaysia yang kukuh
Tarikh Pemerolehan	: Julai 2016
Pemilikan	: 35.0%

Rasional Pelaburan

Pelaburan ke dalam pembekal barangan sukan pelbagai jenama terkemuka di Malaysia dengan pemilikan lebih 35% bahagian pasaran.

Peluang untuk pertumbuhan keuntungan melalui peningkatan operasi dan pertumbuhan jualan.



AL-IKHSAN SPORTS SDN BHD

- Al-Ikhsan merupakan pembekal barangan sukan pelbagai jenama terkemuka dengan pemilikan sebanyak 120 cawangan. Syarikat ini membekalkan peralatan sukan, pakaian dan kasut dari jenama terkenal seperti Adidas, Nike, Puma, Asics dan Lotto.
- Al-Ikhsan merupakan pemilik utama bagi jenama AL dan pasaran pelbagai barangan sukan di bawah tanda dagangan AL.

	2018 Tidak Diaudit RM juta	2017 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil Pendapatan	285.4	259.0	10.2
EBITDA sebelum EI	24.1	23.6	2.2

EI: Butiran luar biasa

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

DAVEX (MALAYSIA) SDN BHD

Jenis Pelaburan	: Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh
Tarikh Pemerolehan	: Disember 2017
Pemilikan	: 100.0%

Rasional Pelaburan

Pelaburan ke dalam pasaran luminair yang berkembang pesat.

Syarikat yang bertapak teguh di serantau.



DAVEX (MALAYSIA) SDN BHD

- Syarikat reka bentuk, perundingan dan pembuatan lampu tempatan ditubuhkan pada 1983. Keutamaannya adalah dalam segmen luminair dan menyediakan kelengkapan pencahayaan menyeluruh untuk pelanggan sektor komersil, perindustrian dan kediaman. Beroperasi di bawah jenama Davis Lighting.
- Membekalkan produk untuk projek terkemuka berskala besar seperti Menara Berkembar Petronas, Putrajaya, Lapangan Terbang Changi dan Program Perumahan Awam (Singapura).

	2018 Tidak Diaudit RM juta	2017 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil Pendapatan	230.0	166.8	37.9
EBITDA sebelum EI	35.0	22.2	57.9

EI: Butiran luar biasa

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

FLEXI VERSA GROUP SDN BHD

Jenis Pelaburan	: Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh
Tarikh Pemerolehan	: April 2018
Pemilikan	: 70.0%

Rasional Pelaburan

Hubungan kukuh bersama Pengilang besar Peralatan Asal (OEM).

Keupayaan pembuatan yang pelbagai dengan kehadiran di pasaran serantau.



FLEXI VERSA GROUP SDN BHD

- FVG terlibat dalam reka bentuk, pembuatan dan pemasangan kotak pembesar suara audio.
- FVG juga menumpukan kepada mengacuan suntikan, pemotongan termoplastik/komponen elektro-mekanik dan pembuatan antara muka digital grafik untuk industri E&E.

	2018 Tidak Diaudit RM juta	2017 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil Pendapatan	273.6	293.1	-6.6
EBITDA sebelum EI	46.0	47.3	-2.8

EI: Butiran luar biasa

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

EXABYTES CAPITAL GROUP SDN BHD

Jenis Pelaburan	: Pelaburan dalam syarikat Malaysia yang kukuh
Tarikh Pemerolehan	: Mac 2019
Pemilikan	: 40.4%

Rasional Pelaburan

Platform untuk menjadi peneraju pasaran Asia Tenggara dalam penghosan internet dan awan SME.

Prospek pertumbuhan industri masa depan yang mantap, didorong oleh pendigitalan korporat dan pengembangan ekonomi internet.



EXABYTES CAPITAL GROUP SDN BHD

- Exabytes ditubuhkan pada 2001 sebagai sebuah syarikat penghosan internet.
- Sebuah peneraju pasaran di Malaysia dan utama di Singapura dan Indonesia, digabungkan dengan lebih 52,000+ pelanggan aktif SME, 40,000 akaun penghosan dan 100,000+ domain di bawah pengurusan.

LAPORAN PRESTASI PELABURAN KISAH KEJAYAAN

APIIT EDUCATION GROUP



MAKLUMAT PELABURAN

- Ekuinas mula mengambil alih APIIT Education Group (Kumpulan APIIT) pada November 2010 dengan pegangan sebanyak 51% dan pegangan ini ditambah kepada 100% pada 2016.

LATAR BELAKANG

- Kumpulan APIIT merupakan satu daripada kumpulan pendidikan terbesar di Malaysia yang menyediakan peluang pendidikan untuk semua peringkat pelajar. Kumpulan ini telah diiktiraf dari segi kecemerlangan dalam pendidikannya. Ia telah mendapat Anugerah Kecemerlangan Industri Perdana Menteri iaitu sebuah anugerah berprestij, Anugerah Kecemerlangan Eksport (Perkhidmatan) dan pelbagai anugerah di peringkat tempatan, serantau dan juga antarabangsa.
- Kumpulan APIIT terdiri daripada Sekolah Asia Pasifik (Asia Pacific Schools - APS), Asia Pacific University of Technology & Innovation (APU), dan Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT).
- APU adalah salah satu daripada universiti swasta utama di Malaysia yang diberi penarafan SETARA 5 oleh Kementerian Pendidikan Tinggi pada 2017.

RASIONAL PELABURAN

- Pelaburan Ekuinas dalam Kumpulan APIIT adalah antara pelaburan pertamanya selepas ia ditubuhkan dan potensi pertumbuhan APIIT Group dilihat dalam jangka sederhana dan panjang. Petunjuk utama bagi kejayaan Kumpulan pendidikan ini merujuk kepada rekod prestasinya yang kukuh untuk menyumbang kepada pendapatan dan pertumbuhan bilangan pelajar serta reputasi yang mantap sebagai penyedia pendidikan berkualiti.
- Keupayaan Kumpulan APIIT menjana aliran tunai yang kukuh juga menjadi faktor yang menentukan keputusan Ekuinas untuk melabur dalam Kumpulan ini.

PRESTASI

Menambah Baik Pendidikan di Malaysia

Apabila Ekuinas mengenalpasti pendidikan sebagai satu daripada enam (6) sektor terasnya, Syarikat memahami bahawa ia memasuki ruang yang kompetitif. Kumpulan APIIT dikenali sebagai penyedia pendidikan yang terkenal dan berpotensi tinggi dengan rekod prestasi yang cemerlang. Ekuinas melihat perkembangan ini sebagai potensi untuk Kumpulan APIIT

menjadi peneraju industri dalam negara dan di rantau ini. Ia mengkaji cabaran dan jurang dalam APIIT, dan seterusnya menyusun pelan penciptaan nilai yang akan membawa APIIT ke fasa pertumbuhan yang seterusnya.

Langkah pertama Ekuinas adalah mengukuhkan pemantauan kewangan Kumpulan APIIT dengan menginstitusikan fungsi dan struktur pelaporan kewangan. Ia telah membentuk mesyuarat jawatankuasa eksekutif yang akan membimbing dan menguruskan proses berkenaan. Dengan mengukuhkan kedudukan kewangan, APIIT bersedia memanfaatkan kestabilannya untuk mengembangkan perniagaannya. Bilangan pelajar meningkat daripada 6,900 kepada 9,800 ketika dimiliki oleh Ekuinas dan peningkatan ini didorong oleh kempen pengambilan pelajar di dalam dan luar negara yang semakin giat untuk merangsang penampilan syarikat dan meningkatkan bilangan kemasukan pelajar.

Sebahagian dari pelan penciptaan nilai untuk mengembangkan perniagaan ini termasuk menambah keluasan kampus sedia ada untuk menampung bilangan pelajar yang meningkat dengan pantas. Ekuinas telah menyediakan bantuan yang melibatkan pengambilalihan tanah seluas 11 ekar di Technology Park Malaysia dan rundingan pajakan jangka panjang.

Pelan penciptaan nilai ini terbukti berjaya apabila perolehan mencatat peningkatan kadar pertumbuhan tahunan terkumpul (CAGR) sebanyak 9.7% dan keuntungan sebelum cukai, faedah, penurunan dan pelunasan (EBITDA) meningkat 10.6% di sepanjang tempoh pemilikan Ekuinas.

MAKLUMAT PELUPUSAN:

Pada Disember 2017, Ekuinas telah melupuskan keseluruhan ekuiti kepentingannya dalam Kumpulan APIIT kepada KV Asia Capital dan telah menjana kadar pulangan dalaman (IRR) sebanyak 22.6% bersamaan 1.6 kali berbanding modal yang dilabur.

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

KISAH KEJAYAAN

TENBY EDUCATION GROUP



MAKLUMAT PELABURAN

- Ekuinas mula mengambilalih 70% kepentingan dalam Tenby Education Group (Tenby) pada 2015 dan baki 30% lagi pada 2016.

LATAR BELAKANG

- Tenby telah ditubuhkan di Ipoh pada 1960 dan merupakan kumpulan pendidikan utama swasta di Malaysia yang menawarkan kurikulum pendidikan kebangsaan dan antarabangsa. Ia memiliki kemudahan penuh di enam (6) kampus yang terletak di Ipoh, Pulau Pinang, Miri, Setia Alam, Johor Bahru dan Semenanjung.
- Tenby memiliki rangkaian sekolah swasta terbesar di Malaysia untuk segmen kelas pertengahan.

RASIONAL PELABURAN

- Pelaburan dalam Tenby memberi peluang kepada Ekuinas untuk meningkatkan penglibatannya dalam bahagian pendidikan swasta K-12 yang mantap. Kedudukan Tenby sebagai satu daripada kumpulan pendidikan terbesar di Malaysia dari segi rangkaian sekolah swasta dan bilangan pelajar, menawarkan potensi pertumbuhan yang sangat besar. Faktor-faktor ini adalah kunci utama bagi Ekuinas untuk meningkatkan taraf sektor

pendidikan dan kumpulan pendidikan ke peringkat yang selanjutnya.

- Di Malaysia, peningkatan permintaan terhadap pendidikan antarabangsa swasta turut menyediakan peluang pertumbuhan yang besar. Ini didorong oleh peningkatan permintaan yang tinggi daripada demografi penduduk, kenaikan pendapatan isirumah di negara ini dan bertambahnya kemasukan pelajar antarabangsa. Ekuinas telah mengenalpasti faktor ini sebagai peluang untuk memajukan penyedia pendidikan tempatan seperti Tenby supaya menjadi peneraju industri dalam pendidikan swasta.

PRESTASI

Membangunkan Syarikat Generasi Masa Hadapan

Ketika Ekuinas berusaha memajukan portfolio pendidikan, ia melihat Tenby sebagai peluang untuk menjalin hubungan bagi mengembangkan sektor pendidikan di Malaysia. Rangkaian sekolah swasta Tenby yang besar dan penglibatannya yang semakin meningkat, telah mewujudkan peluang bagi Ekuinas untuk memasuki K-12 iaitu ruang pendidikan yang sangat menguntungkan dan ia menumpukan kepada golongan yang mampu semakin meningkat bilangannya di negara ini.

Sebagai sebahagian daripada strategi pelaburan, Ekuinas telah bekerjasama dengan Tenby untuk mengukuhkan perniagaan dari dalam, bermula

dengan mengukuhkan dan menstruktur semula kumpulan pengurusan kanan yang berupaya mengembangkan perniagaan dalam persekitaran persaingan yang semakin meningkat. Pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif yang baharu dan kenaikan pangkat kakitangan berkemahiran yang sedia ada, adalah penting bagi mencari keseimbangan antara pengalaman dan kefahaman mengenai Syarikat. Meningkatkan kemahiran kakitangan turut menjadi tumpuan bagi memastikan kualiti perkhidmatan dan pendidikan di bawah jenama Tenby.

Ekuinas turut mendapati bahawa dengan menambah baik struktur operasi perniagaannya, dapat menyokong hasrat pertumbuhan agresif Kumpulan. Ekuinas mengenalpasti bidang-bidang untuk penambahbaikan seperti menaik taraf sistem operasi dan pengurusan yang membolehkan Tenby mewujudkan pengurusan kewangan dan modal insan, dalam satu sistem. Ekuinas turut mengatur langkah untuk menambah baik penggunaan sistem pengurusan yang digunakan untuk mengesan prestasi pelajar dan memberi maklum balas kepada ibu bapa.

Pendekatan ini memudahkan pengumpulan dan pengawasan terhadap maklumat kewangan dan operasi Kumpulan. Ini telah menyumbang kepada keseluruhan produktiviti kakitangan dan membolehkan mereka mengurangkan masa yang digunakan untuk urusan operasi, sebaliknya menumpu lebih banyak masa kepada teras pendidikan. Langkah ini juga khususnya membolehkan Tenby mengembangkan perolehan dan pendapatannya secara agresif selain meningkatkan bilangan jumlah pelajar kepada lebih 5,000. Pendekatan pelan penciptaan nilai yang bercenderung kepada produktiviti ini telah meletakkan Tenby pada kedudukan yang baik untuk memberi tumpuan utama kepada para pelajar.


Kejayaan ini terbukti apabila Tenby mencatatkan pertumbuhan perolehan CAGR sebanyak 3.7% dan EBITDA berkembang sebanyak 4.6% sepanjang tempoh pegangan Ekuinas.

MAKLUMAT PELUPUSAN

Ekuinas telah melupuskan keseluruhan pegangannya dalam Tenby pada Januari 2018 kepada International Schools Partnership (ISP) dan telah menjana Kadar Pulangan dalaman (IRR) yang positif sebanyak 45.7% bersamaan wang sebanyak 2.5 kali berbanding modal yang dilabur, termasuk dividen yang diterima.

LAPORAN PRESTASI PELABURAN KISAH KEJAYAAN

TRANGLO



MAKLUMAT PELABURAN

- Ekuinas telah mengambil alih 60% kepentingan dalam Tranglo Sdn Bhd (Tranglo) pada Mac 2015 dengan sejumlah RM52.8 juta.

LATAR BELAKANG

- Tranglo yang ditubuhkan pada 2009, berpangkalan di Kuala Lumpur. Ia memiliki syarikat subsidiari antarabangsa di Indonesia, Timur Tengah dan Amerika Syarikat.
- Ia menyediakan platform bagi syarikat telekomunikasi mudah alih (telco) bagi memudahkan pindahan rentas sempadan kredit pra bayar dan pindahan wang secara pantas, mudah dan selamat.
- Perkhidmatan dan penyelesaian yang disediakan oleh Tranglo telah digunakan oleh bank, pengendali mudah alih dan perniagaan perkhidmatan wang untuk saluran pembayaran pelbagai seperti menerusi bank, tunai, telekomunikasi dan baucar yang merentasi 100 negara.

RASIONAL PELABURAN

- Daripada perspektif Ekuinas, Tranglo menyediakan peluang kepadanya untuk menyertai industri perkhidmatan teknologi. Kedudukan Tranglo dalam pasaran sebagai peneraju dan pemimpin global dalam bidang pemindahan kredit masa siaran, selain perniagaannya yang berkembang maju merentasi sempadan perkhidmatan pindahan wang mudah alih, mempunyai potensi yang sangat besar.
- Potensi pertumbuhan ini dikuatkuatkan lagi dengan perhubungan yang lama terjalin antara Tranglo dengan syarikat-syarikat telekomunikasi di Malaysia dan di dunia. Pada saat pelaburan Ekuinas, potensi dalam bidang perkhidmatan pindahan wang yang amat menarik menerusi pasaran pindahan wang antarabangsa yang luas, walaupun segmen industri ini secara relatifnya masih agak baru.

PRESTASI

Memacu Perkhidmatan Teknologi Serantau

Tranglo yang diasaskan di Malaysia, menubuhkan perniagaannya hanya enam (6) tahun lebih ketika Ekuinas memutuskan

bahawa perkhidmatan teknologi sebagai industri berpotensi tinggi, dan telah mengenalpasti Tranglo sebagai sasaran pelaburannya. Ekuinas melihat kepada peluang untuk mengembangkan perniagaan syarikat ini melangkaui tumpuannya dalam bidang teras iaitu pindahan masa siaran. Pelan penciptaan nilai Ekuinas mensasarkan kerjasama erat dengan kumpulan pengurusan Tranglo untuk mengembangkan perniagaan pindahan masa penggunaan dan rangkaian pindahan wang.

Strategi Ekuinas untuk mengukuhkan perniagaan adalah menggiatkan usaha mendapatkan syarikat pindahan wang antarabangsa yang mendapat jumlah transaksi yang tinggi, untuk mempelbagaikan risiko tumpuannya dan menukar keupayaan syarikat supaya turut menawarkan produk 'label putih' atau perkhidmatan yang dibeli oleh pembeli pihak ketiga untuk dijual semula mengguna jenama sendiri menerusi pengambilalihan lesen Perniagaan Perkhidmatan Wang Malaysia. Ekuinas turut memberi tumpuan kepada penambahbaikan operasi Tranglo menerusi pelbagai inisiatif seperti mengekalkan kakitangan berkemahiran dengan menyelaraskan struktur gaji dengan mengikut penanda aras pasaran. Ia turut menambah baik proses penyeimbangan inventori untuk pembekal, dan melaksanakan sistem pengurusan perbendaharaan.

Strategi Ekuinas ini telah membuahkan hasil dengan transaksi pindahan wang Tranglo berkembang 15 kali ganda sejak pengambilalihan. Kisah kejayaan Tranglo ini menjadi bukti bahawa nilai yang dibawa oleh Ekuinas mampu membawa syarikat portfolionya mencapai potensi yang sebenar.

MAKLUMAT PELUPUSAN

Pada Oktober 2018, Ekuinas telah melupuskan keseluruhan kepentingannya dalam Tranglo kepada peneraju aplikasi dompet elektronik di rantau ini, TNG FinTech Group Inc. (TNG) pada nilai RM114.9 juta. Pelupusan ini telah menjana Kadar Pulangan Dalam (IRR) sebanyak 26.9% dan bersamaan 2.0 kali berbanding modal yang dilabur.

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

KISAH KEJAYAAN

MEDIEXPRESS DAN PMCARE



penjagaan kesihatan yang mana golongan dewasa bekerja memerlukan perkhidmatan penjagaan kesihatan berkualiti tinggi, manakala bagi yang berusia pula mahukan pemantauan berterusan.

Pengalaman dan kemahiran Ekuinas dalam penambahbaikan operasi dengan memanfaatkan teknologi, memainkan peranan utama dalam membina sokongan peringkat akhir yang mantap. Ini akan mendorong kepada automasi peringkat tinggi dalam proses tuntutan, dan sekali gus mendorong kepada produktiviti yang lebih baik. Ekuinas turut menggunakan lain-lain inisiatif seperti mengukuhkan kumpulan pengurusan dan operasi, menanamkan disiplin kewangan dan menambah baik struktur pelaporan. Bersama-sama dengan pihak pengurusan, aliran pendapatan baharu telah diteroka dan ini dijangka menokok kepada keuntungan syarikat-syarikat berkenaan.

MAKLUMAT PELABURAN

- Pada Disember 2015, Ekuinas telah memeterai industri perkhidmatan penjagaan kesihatan menerusi pengambilalihan sebanyak 60% dalam dua (2) syarikat Pentadbir Tuntutan Perubatan Pihak Ketiga (TPA) iaitu MediExpress Group (MediExpress) dan PMCare Sdn Bhd (PMCare).

RASIONAL PELABURAN

- Kedua-dua syarikat berkenaan membentuk penyedia TPA terbesar di Malaysia dengan kadar perkongsian pasaran sebanyak 40%.
- Ketika Ekuinas memulakan pelaburan, syarikat-syarikat berkenaan mempunyai potensi yang kukuh untuk meningkatkan bilangan asas ahlinya bagi mengembangkan perkongsian pasaran mereka.

MAKLUMAT PELUPUSAN

Pada Mac 2019, Ekuinas telah melupuskan keseluruhan kepentingan ekuitinya sebanyak 60% dalam MediExpress dan PMCare kepada Sumitomo Corporation (SC) yang telah menjana Kadar Pulangan Dalaman (IRR) minimum sebanyak 38.8% bersamaan 2.6 kali modal yang dilaburkan.

LATAR BELAKANG

- Ditubuhkan pada 1998, MediExpress, yang terdiri daripada MediExpress (Malaysia) Sdn Bhd dan Health Connect Sdn Bhd iaitu syarikat yang menumpukan kepada pengurusan manfaat pesakit bagi pihak syarikat insurans dan perusahaan kecil & sederhana (SME), serta keperluan pentadbiran pesakit luar. Sementara itu, PMCare pula menumpukan kepada pengurusan pentadbiran rawatan pesakit dan manfaat perubatan pesakit luar. Kedua-dua syarikat berkenaan mempunyai dua juta ahli yang melibatkan lebih daripada 3,000 penyedia perubatan di Malaysia.

PRESTASI

Mewujudkan Nilai Ketara Dalam Syarikat Berpotensi Tinggi

Pelaburan Ekuinas dalam MediExpress dan PMCare menyaksikan penglibatannya dalam sektor penjagaan kesihatan. Ia merupakan peluang baginya untuk meneroka sektor yang pesat berkembang selari dengan peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan penjagaan kesihatan. Perkembangan ini sejajar dengan pertumbuhan ekonomi dan bilangan penduduk. Potensi industri TPA, yang juga sub-sektor penjagaan kesihatan, adalah bersandarkan kepada permintaan terhadap perkhidmatan

LAPORAN
PRESTASI PELABURAN

C) PROGRAM PENYUMBERAN LUAR

1. Tinjauan Dana

EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE I) FUND	EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE II) FUND
Tahun Penubuhan 2011	Tahun Penubuhan 2013
Status: Telah Dilaburkan	Status: Telah Dilaburkan
MODAL KOMITED	
Ekuinas RM400.0 JUTA	Ekuinas RM240.0 JUTA
LP Lain RM151.9 JUTA	LP Lain RM110.1 JUTA
Jumlah RM551.9 JUTA	Jumlah RM350.1 JUTA
Tempoh 6 + 1 + 1 tahun tahun tahun Jangka Masa Pelaburan 3 ke 6 tahun tahun	Tempoh 7 + 1 tahun tahun Jangka Masa Pelaburan 3 ke 7 tahun tahun
Fokus Pelaburan Malaysia Modal Pertumbuhan	
Sektor Keutamaan Minyak & Gas, Pendidikan, FMCG, Peruncitan & Percutian, Penjagaan Kesihatan, Perkhidmatan	

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

2. Profil Pengurus Dana Penyumberan Luar (OFM) yang dilantik

NAVIS CAPITAL PARTNERS	
	Nama Dana Navis Malaysia Growth Opportunities Fund 1, L.P. Saiz Dana RM301.9 JUTA
CIMB PRIVATE EQUITY	
	Nama Dana CIMB National Equity Fund Ltd. P. Saiz Dana RM125.0 JUTA
TREMENDOUS ASIA PARTNERS	
	Nama Dana TAP Harimau Fund L.P. Saiz Dana RM125.0 JUTA
TAEL PARTNERS	
	Nama Dana TAEL Tijari (OFM) L.P. Saiz Dana RM101.0 JUTA
RM CAPITAL PARTNERS (RMCP)	
	Nama Dana RMCP One Sdn Bhd Saiz Dana RM109.1 JUTA
COPE PRIVATE EQUITY	
	Nama Dana COPE Opportunities 3 Sdn Bhd Saiz Dana RM80.0 JUTA

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

3 Aktiviti Pelaburan

a. Aktiviti Pelaburan Kumulatif Program Penyumberan Luar pada 31 Disember 2018

RM juta	Dana	Sektor	Pelaburan Komited oleh OFM			Pelaburan bersama Pelabur Lain	Jumlah Kemasukan Modal Ekonomi
			Pelaburan Komited Ekuinas	LP Lain	Jumlah OFM		
Atelier Asia Sdn Bhd (Atelier)*	Navis MGO	FMCG	15.0	6.5	21.5	-	21.5
MCAT Box Office Sdn Bhd (MBO)*	Navis MGO	Peruncitan & Percutian	16.8	4.2	21.0	119.7	140.7
SEG International (SEGi)*	Navis MGO	Pendidikan	43.5	19.0	62.5	214.5	277.0
Strateq Sdn Bhd (Strateq)*	Navis MGO	Perkhidmatan	39.0	22.5	61.5	-	61.5
HG Power Transmission Sdn Bhd (HGPT)*	Navis MGO	Perkhidmatan	30.1	13.2	43.3	-	43.3
Brickfields Asia College (BAC)	Navis MGO	Pendidikan	34.8	15.2	50.0	-	50.0
Macrokiosk Sdn Bhd (Macrokiosk)	CNEF	Perkhidmatan	21.1	13.3	34.4	-	34.4
R.E.A.L Education Group (REAL)	CNEF	Pendidikan	28.1	4.9	33.0	-	33.0
Mega Fortris Innovation (Malaysia) Sdn Bhd (Mega Fortris)	TAP	Pembuatan	18.0	7.0	25.0	-	25.0
Big Sdn Bhd (Big Group)	Navis MGO	F&B dan Peruncitan	17.6	4.4	22.0	-	22.0
Jumlah Pelaburan di bawah Tranche I			264.0	110.2	374.2	334.2	708.4
STX Precision Corporation Sdn Bhd (STX)	COPE	Perkhidmatan	12.0	4.0	16.0	19.0	35.0
Consobiz Ventures Sdn Bhd (Consobiz)	RMCP	FMCG	8.3	6.7	15.0	-	15.0
Excelvite Sdn Bhd (Excelvite)	TAEL	Pembuatan	5.9	4.1	10.0	-	10.0
Romstar Sdn Bhd (Romstar)	RMCP	Pembuatan	12.0	9.8	21.8	-	21.8
Packerman Sdn Bhd (Packerman)	RMCP	Pembuatan	12.0	9.8	21.8	-	21.8
MBG Holdings Sdn Bhd (MBG)	COPE	F&B dan Peruncitan	7.5	2.5	10.0	-	10.0
My Sutera Holding Sdn Bhd (MySutera)	COPE	Pembuatan	11.3	3.7	15.0	-	15.0
Tanamera Group Sdn Bhd (Tanamera)	RMCP	FMCG	6.6	5.4	12.0	-	12.0
Jumlah Pelaburan di bawah Tranche II			75.6	46.0	121.6	19.0	140.6
Jumlah Kumulatif Pelaburan yang dilaksanakan			339.6	156.2	495.8	353.2	849.0

* Termasuk pelaburan susulan

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

4 Prestasi Dana

4.1 Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund

a. Nilai Aset Bersih (NAB) Dana pada 31 Disember 2018

	2017 RM juta	Perubahan dalam tahun RM juta	2018 RM juta
A. Modal Diperuntukkan	400.0	-	400.0
B. Modal Dipanggil	307.0	0.7	307.7
C. Modal Dilabur semula	26.0	-	26.0
D. Jumlah Modal Disediakan (B+C)	333.0	0.7	333.7
E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)	-	-	-
F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)	333.0	0.7	333.7
Tambah Peningkatan/(Pengurangan) ke atas Nilai Aset Bersih:			
Pendapatan Dividen	-	-	-
Keuntungan/(Kerugian) Bersih Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	113.5	(30.0)	83.6
Keuntungan/(Kerugian) Direalisasi daripada Pelupusan	(1.8)	11.7	9.9
Pendapatan/(Perbelanjaan) Faedah	-	-	-
Jumlah Pulangan Kasar Portfolio	111.7	(18.3)	93.5
Perbelanjaan Organisasi	(19.1)	5.5	(13.7)
Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad (C+H)*	(26.0)	(145.9)	(171.9)
Peningkatan/(Pengurangan) bersih dalam Nilai Aset Bersih	66.6	(158.7)	(92.2)
G. Nilai Aset Bersih	399.6	(158.0)	241.5
Nilai Aset Bersih terdiri daripada:			
Pelaburan - pada kos	146.5	(1.4)	145.1
Keuntungan/(Kerugian) Bersih Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	113.5	(30.0)	83.6
Pelaburan pada Nilai Saksama	260.0	(31.4)	228.7
Tambah: Baki Tunai	-	-	-
Tambah: Modal Kerja	139.6	(126.6)	12.9
Tambah: Modal Tidak Dipanggil	-	-	-
Bersamaan Nilai Aset Bersih	399.6	(158.0)	241.5
Nilai Aset Bersih	399.6	(158.0)	241.5
H. Modal Diagihkan	-	145.9	145.9
Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)	399.6	(12.1)	387.5
IRR Kasar Tahunan	7.5%		5.7%
IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)	6.6%		4.8%

* Termasuk pengagihan modal dilabur semula.

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

4.2 Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund

a. Nilai Aset Bersih (NAB) Dana pada 31 Disember 2018

	2017 RM juta	Perubahan dalam tahun RM juta	2018 RM juta
A. Modal Diperuntukkan	240.0	-	240.0
B. Modal Dipanggil	92.3	0.8	93.2
C. Modal Dilabur semula	-	-	-
D. Jumlah Modal Disediakan (B+C)	92.3	0.8	93.2
E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)	-	-	-
F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)	92.3	0.8	93.2
Tambah Peningkatan/(Pengurangan) ke atas Nilai Aset Bersih:			
Pendapatan Dividen	-	-	-
Kerugian Bersih Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	(8.3)	(2.6)	(10.9)
Kerugian Direalisasi daripada Pelupusan	(2.3)	-	(2.3)
Pendapatan/(Perbelanjaan) Faedah	-	-	-
Jumlah Kerugian Kasar Portfolio	(10.6)	(2.6)	(13.2)
Perbelanjaan Organisasi	(5.3)	(0.4)	(5.7)
Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad (C+H)*	-	-	-
Pengurangan bersih dalam Nilai Aset Bersih	(15.9)	(3.0)	(18.9)
G. Nilai Aset Bersih	76.4	(2.2)	74.2
Nilai Aset Bersih terdiri daripada:			
Pelaburan - pada kos	85.2	(0.3)	84.9
Kerugian Bersih Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	(8.3)	(2.6)	(11.0)
Pelaburan pada Nilai Saksama	76.9	(2.9)	73.9
Tambah: Baki Tunai	-	-	-
Tambah: Modal Kerja	(0.5)	0.7	0.3
Tambah: Modal Tidak Dipanggil	-	-	-
Bersamaan Nilai Aset Bersih	76.4	(2.2)	74.2
Nilai Aset Bersih	76.4	(2.2)	74.2
H. Modal Diagihkan	-	-	-
Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)	76.4	(2.2)	74.2
IRR Kasar Tahunan[#]	N/M		N/M
IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)[#]	N/M		N/M

[#] IRR Kasar dan IRR Bersih untuk Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund tidak dibentangkan kerana dana tersebut masih berada di peringkat awal pelaburan

* Termasuk pengagihan modal dilabur semula

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

SYARIKAT PORTFOLIO DI BAWAH PROGRAM PENYUMBERAN LUAR

 MCAT BOX OFFICE SDN BHD (MBO) Butiran Transaksi OFM: Navis Capital Partners Sektor: Peruncitan & Percutian Tarikh Pemerolehan: Mac 2012	 SEG INTERNATIONAL BERHAD (SEGI) Butiran Transaksi OFM: Navis Capital Partners Sektor: Pendidikan Tarikh Pemerolehan: Mac 2012	 STRATEQ SDN BHD Butiran Transaksi OFM: Navis Capital Partners Sektor: Perkhidmatan Tarikh Pemerolehan: Mac 2013	 BRICKFIELDS ASIA COLLEGE Butiran Transaksi OFM: Navis Capital Partners Sektor: Pendidikan Tarikh Pemerolehan: November 2013
 BIG SDN BHD (F&B) Butiran Transaksi OFM: Navis Capital Partners Sektor: Makanan & Minuman Tarikh Pemerolehan: Disember 2014	 STX PRECISION CORPORATION SDN BHD Butiran Transaksi OFM: CMS Opus Private Equity Sektor: Perkhidmatan Tarikh Pemerolehan: Disember 2013	 CONSOBIZ VENTURES SDN BHD Butiran Transaksi OFM: RM Capital Partners Sektor: Barangan Pengguna Laris (FMCG) Tarikh Pemerolehan: Februari 2014	 EXCELVITE SDN BHD Butiran Transaksi OFM: TAEI Capital Partners Sektor: Pembuatan Tarikh Pemerolehan: April 2015
 ROMSTAR SDN BHD Butiran Transaksi OFM: RM Capital Partners Sektor: Pembuatan Tarikh Pemerolehan: Januari 2016	 PACKERMAN SDN BHD Butiran Transaksi OFM: RM Capital Partners Sektor: Pembuatan Tarikh Pemerolehan: Julai 2016	 MBG HOLDINGS SDN BHD Butiran Transaksi OFM: COPE Private Equity Sektor: Peruncitan - Makanan & Minuman Tarikh Pemerolehan: Ogos 2016	 TANAMERA GROUP SDN BHD Butiran Transaksi OFM: RM Capital Partners Sektor: Barangan Pengguna Laris (FMCG) Tarikh Pemerolehan: April 2017
 MY SUTERA HOLDINGS SDN BHD Butiran Transaksi OFM: COPE Private Equity Sektor: Pembuatan Tarikh Pemerolehan: April 2017			

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

D) PRESTASI OBJEKTIF SOSIAL

a. Nilai Ekuiti Bumiputera dan Nilai Ekonomi Keseluruhan

Jumlah bagi Syarikat Portfolio	BUMIPUTERA				KESELURUHAN SYARIKAT			
	Sebelum Kemasukan Ekuinas	Pada 31 Dis	Peningkatan Nilai Bumiputera	Gandaan bagi Modal Dilabur	Sebelum Kemasukan Ekuinas	Pada 31 Dis	Peningkatan Nilai Bumiputera	Gandaan bagi Modal Dilabur
2018	2,367.6	4,940.6	4,976.8	1.5x	5,501.1	4,771.6	6,647.3	2.0x
2017	2,283.7	5,306.8	4,369.1	1.5x	5,223.0	7,723.4	6,265.1	2.2x

b. Syarikat Portfolio - Pengurusan dan Kakitangan

	Bilangan Kakitangan Bumiputera	Jumlah Keseluruhan Kakitangan	% Bumiputera daripada Jumlah Keseluruhan Kakitangan	Peningkatan % Bumiputera selepas Kemasukan Ekuinas
2018				
Pengurusan	241	592	40.7%	24.9%
Kakitangan	10,120	17,325	58.4%	17.3%
2017				
Pengurusan	215	512	42.0%	25.0%
Kakitangan	9,424	15,672	60.1%	25.1%

E) EKUITI NASIONAL BERHAD - SYARIKAT PENGURUSAN DANA

Ekuiti Nasional Berhad (Syarikat Pengurusan Dana)	2018 RM juta	2017 RM juta
Jumlah Dana di bawah Pengurusan (FuM)	3,140.0	4,140.0
Jumlah Perbelanjaan Operasi (OPEX)	43.8	43.9
Nisbah OPEX kepada FuM	1.4%	1.1%
Keuntungan Selepas Cukai (PAT)	7.3	18.1

A grayscale photograph of a young woman with her hair in a ponytail, wearing a school uniform, standing in a library. She is looking at a book on a shelf. The word 'BERSEMANGAT' is overlaid in large green capital letters. A thin green line points from the word towards the student.

BERSEMANGAT

Kami bersemangat dalam menjalankan tugas kami untuk mencapai lebih daripada yang diharapkan

Seorang pelajar dari Sekolah Kebangsaan Bukit Lanjan (Asli), sebuah sekolah angkat Ekuinas di bawah Program Perkembangan Pendidikan ILTIZAM sejak 2016.

LAPORAN
PRESTASI PELABURAN

D) PRESTASI OBJEKTIF SOSIAL

a. Nilai Ekuiti Bumiputera dan Nilai Ekonomi Keseluruhan

Jumlah bagi Syarikat Portfolio	BUMIPUTERA				KESELURUHAN SYARIKAT			
	Sebelum	Peningkatan	Gandaan		Sebelum	Peningkatan	Gandaan	
	Kemasukan				Kemasukan			
	Ekuinas	Pada	Nilai	bagi Modal	Ekuinas	Pada	Nilai	bagi Modal
		31 Dis	Bumiputera	Dilabur		31 Dis	Bumiputera	Dilabur
2018	2,367.6	4,341.6	1,891.6	1.3x	2,011.1	7,711.6	6,647.3	2.0x
2017	2,283.7	5,306.8	4,369.1	1.5x	5,223.0	7,723.4	6,265.1	2.2x

b. Portfolio Companies - Management and Employees

	Bilangan Kakitangan	Jumlah Keseluruhan Kakitangan	% Bumiputera daripada Jumlah Keseluruhan Kakitangan	Peningkatan % Bumiputera selepas Kemasukan Ekuinas
2018				
Pengurusan	241	992	40.7%	24.9%
Kakitangan	1,111	17,325	58.4%	17.3%
2017				
Pengurusan	215	512	42.0%	25.0%
Kakitangan	9,424	15,672	60.1%	25.1%

E) EKUITI NASIONAL BERHAD - SYARIKAT PENGURUSAN DANA

Ekuiti Nasional Berhad (Syarikat Pengurusan Dana)	2018 RM juta	2017 RM juta
Jumlah Dana di bawah Pengurusan (FuM)	3,140.0	4,140.0
Jumlah Perbelanjaan Operasi (OPEX)	43.8	43.9
Nisbah OPEX kepada FuM	1.4%	1.1%
Keuntungan Selepas Cukai (PAT)	7.3	18.1



Seorang pelajar dari Sekolah Kebangsaan Bukit Lanjan (Asli), sebuah sekolah angkat Ekuinas di bawah Program Perkembangan Pendidikan ILTIZAM sejak 2016.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

PENGENALAN

Oleh kerana Ekuinas bukan sebuah entiti tersenarai, syarikat tidak perlu mematuhi syarat-syarat pendedahan tadbir urus korporat yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia Securities (Bursa Malaysia) atau Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia. Walau bagaimanapun, sebagai syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan, Ekuinas memberikan komitmen penuh untuk bersifat telus dalam menyediakan laporan berkualiti untuk Laporan Tahunan Syarikat.

Oleh yang demikian, pendedahan di dalam seksyen ini telah disediakan berdasarkan amalan tadbir urus korporat terbaik yang digariskan oleh Bursa Malaysia, Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2017 serta Dasar Pendedahan Ekuinas. Pendedahan meliputi Penyata Tadbir Urus Korporat, Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman serta Laporan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko. Penyata-penyata ini diharap dapat menyediakan maklumat penting yang bermakna berkenaan amalan tadbir urus Ekuinas kepada semua pihak berkepentingan.

Sehubungan itu, kami ingin menekankan bahawa semua ahli Lembaga Pengarah Ekuinas telah dilantik oleh Kerajaan Malaysia, dan secara tidak langsung adalah pemegang saham muktamad Syarikat. Walau bagaimanapun, untuk tujuan laporan ini, kami telah mengklasifikasikan pengarah yang tidak berkhidmat dengan Kerajaan (dan tidak berada di dalam perkhidmatan Kerajaan selama dua tahun) sebagai Pengarah Bebas, iaitu bebas dari pihak Pengurusan dan bebas daripada sebarang perniagaan atau hubungan lain yang boleh mempengaruhi sebarang keputusan perniagaan. Pengarah yang bukan di dalam lingkungan takrifan ini dianggap sebagai Pengarah Bukan Bebas.

RANGKA KERJA TADBIR URUS KORPORAT EKUINAS

Sebagai syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan, Lembaga Pengarah dan Pengurusan Ekuinas komited untuk mencapai standard tertinggi dalam tadbir urus korporat dan dengan itu, telah melaksanakan Rangka Kerja Tadbir Urus Korporat Ekuinas di peringkat Syarikat di samping menggalakkan amalan tadbir urus yang mantap dalam Rangka Kerja ini di semua syarikat portfolio kami.

Satu rangka kerja tadbir urus korporat yang pragmatik telah dibangunkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan diguna pakai oleh Ekuinas berdasarkan prinsip-prinsip berikut:

i

Menggalakkan ketelusan, kebertanggungjawaban dan tindakan responsif

ii

Mengukuhkan penciptaan nilai jangka masa panjang dan mengimbangi antara risiko dan pulangan

iii

Menggalakkan inovasi dan keusahawanan di dalam Syarikat melalui kecekapan pemerhatian rangka kerja pengurusan risiko

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

RANGKA KERJA TADBIR URUS KORPORAT EKUINAS

PENYATA TADBIR URUS YANG BAIK

Lembaga Pengarah dan Jawatan
Peranan dan Tanggungjawab Pengarah
Pengurusan Pihak Berkepentingan
Kebertanggungjawaban dan Audit

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Sistem dan Kawalan Dalaman
Rangka Kerja Audit Dalaman
Rangka Kerja Pengurusan Risiko
Rangka Kerja Audit Luaran

KOD ETIKA

Kod Etika Pengarah	Kod Etika Kakitangan	Kod Perilaku Penyelia Perkhidmatan
Dasar Penipuan dan <i>Whistleblowing</i>		
Dasar Anti Rasuah dan Ahli Korupsi (ABC)		
Pendedahan dan Urusniaga Sekuriti		

Ekuinas mengiktiraf peranan penting semua ahli Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusannya dalam merumus dan menentukan hala tuju serta operasi Ekuinas. Ekuinas diterajui dan diurus oleh ahli Lembaga Pengarah yang berpengalaman luas dan berkemahiran tinggi dari pelbagai latar belakang meliputi sektor Kerajaan dan sektor swasta, dan mereka ini amat penting dalam menentukan hala tuju strategik keseluruhan Ekuinas.

Sepanjang tahun kewangan ini, Lembaga Pengarah terus memastikan standard tadbir urus yang tertinggi diamalkan demi melindungi dan meningkatkan nilai pihak-pihak berkepentingan.

Sebagai sebahagian daripada amalan terbaik dalam tadbir urus korporat, Lembaga Pengarah telah meluluskan Piagam Tadbir Urus yang menggariskan prinsip-prinsip tadbir urus penting untuk diguna pakai oleh Lembaga Pengarah dan Syarikat. Piagam ini merangkumi, antara lain, perkara-perkara berikut:

- Tugas dan Tanggungjawab Lembaga Pengarah;
- Komposisi Lembaga Pengarah;
- Jawatankuasa Lembaga Pengarah;
- Mesyuarat dan Sokongan Lembaga Pengarah;
- Pengasingan Kuasa;
- Kod Perilaku;
- Perwakilan Kuasa;
- Pengurusan dan Komunikasi dengan Pihak-pihak Berkepentingan; dan
- Proses Audit dan Kawalan Dalaman.

Piagam Tadbir Urus yang diguna pakai menetapkan nilai-nilai utama, prinsip dan etos Ekuinas. Dalam hal ini, Piagam Tadbir Urus berfungsi bukan sahaja sebagai peringatan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, tetapi juga sebagai satu pernyataan umum hasrat dan jangkaan tentang bagaimana Lembaga Pengarah akan melaksanakan tugas mereka.

Penyata ini menghuraikan bagaimana Ekuinas mengguna pakai prinsip-prinsip dan syor-syor utama amalan yang baik sejajar dengan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2017 (Kod) dan Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia (MMLR).

TANGGUNGJAWAB DAN HAD BIDANG KUASA AHLI LEMBAGA PENGARAH

Ekuinas telah menubuhkan Had Bidang Kuasa yang memperuntukkan kuasa membuat keputusan sepenuhnya kepada Lembaga berkenaan perkara-perkara tertentu seperti:

- Pemerolehan dan pelupusan pelaburan;
- Pelan tahunan, bajet dan strategi Syarikat;
- Dasar-dasar utama, prosedur dan perwakilan kuasa syarikat; dan
- Perubahan kepada Pengurusan Kanan dan Eksekutif.

Selain daripada urusan yang memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah secara khusus, Lembaga Pengarah meluluskan sebahagian besar transaksi yang melebihi had nilai ambang tertentu, namun mewakilkan kuasa untuk transaksi di bawah had-had tersebut kepada pihak Pengurusan untuk mengoptimalkan keccekapan operasi.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

KOMPOSISI DAN KESEIMBANGAN LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah adalah seramai enam (6) ahli yang terdiri daripada seorang (1) Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif, seorang (1) Pengarah Eksekutif sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), tiga (3) Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan seorang (1) Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif. Tiga (3) Pengarah Bebas telah melebihi tempoh kumulatif selama sembilan (9) tahun dan dikekalkan sebagai Pengarah Bebas oleh Syarikat.

Struktur semasa Lembaga Pengarah dan integriti setiap individu Pengarah memastikan bahawa tiada seorang individu atau kumpulan yang menguasai proses membuat keputusan. Dua pertiga daripada ahli Lembaga Pengarah adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, melebihi keperluan satu pertiga seperti yang dinyatakan dalam Kod dan MMLR. Ini mencerminkan komitmen Lembaga Pengarah untuk mengekalkan perwakilan Pengarah Bebas yang kukuh dalam Lembaga Pengarah juga untuk memastikan objektiviti dalam semua isu yang dibincangkan.

Lembaga Pengarah diterajui oleh ahli-ahli yang aktif dan berpengalaman, dengan latar belakang profesional yang berbeza meliputi pengalaman industri dan komersial, perakaunan dan kewangan, perniagaan dan pengurusan, serta kawal selia dan perkhidmatan awam. Gabungan kemahiran dan pengalaman ini menambah nilai dalam usaha memantapkan hala tuju strategik dan prestasi Ekuinas dalam mengorak langkah menjadi firma ekuiti persendirian terkemuka.

Pelantikan dan Pemilihan Semula Lembaga Pengarah

Saiz dan komposisi Lembaga Pengarah disemak dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran (NRC), demi memastikan saiz tersebut adalah kondusif untuk tujuan perbincangan dan proses membuat keputusan yang berkesan serta memastikan bahawa Lembaga Pengarah mempunyai bilangan pengarah bebas yang sewajarnya. Jawatankuasa tersebut juga berusaha untuk mengekalkan keseimbangan kepakaran, kemahiran dan keupayaan yang berkesan di kalangan para Pengarah, termasuk mengelakkan potensi konflik kepentingan.

NRC menentukan dan menyemak profil yang dikehendaki oleh ahli-ahli Lembaga Pengarah dan membuat saranan kepada Lembaga Pengarah mengenai pelantikan, pencalonan semula dan persaraan Pengarah, dengan pengesahan daripada Yayasan Ekuiti Nasional.

Apabila Pengarah sedia ada memilih untuk bersara atau Pengarah baru perlu dilantik, Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran akan mengkaji semula kepakaran, kemahiran dan ciri-ciri ahli dan komposisi Lembaga Pengarah. Jawatankuasa tersebut akan mengenalpasti keperluan Ekuinas dan menyediakan senarai pendek calon yang mempunyai profil bersesuaian untuk dicalonkan atau dicalonkan semula. Sekiranya perlu, Jawatankuasa juga boleh memohon nasihat daripada perunding luar bidang sumber manusia.

Keahlian NRC terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif dan 2017 secara majoritinya adalah Pengarah Bebas. Maklumat terperinci mengenai skop dan fungsi NRC boleh didapati di halaman 79 di dalam Penyata Tadbir Urus Korporat.

JAWATANKUASA-JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawabnya dengan cekap dari segi pemantauan pengurusan syarikat secara bebas, beberapa jawatankuasa lembaga pengarah (Jawatankuasa Lembaga Pengarah) telah ditubuhkan, seperti berikut:

- Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko;
- Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran;
- Jawatankuasa Pelaburan; dan
- Jawatankuasa CSR.

Fungsi dan Bidang Tugas (TOR) bertulis bagi semua Jawatankuasa Lembaga Pengarah ditakrifkan dengan jelas dan di mana berkenaan, mematuhi saranan Kod. Kuasa dan bidang tugas akan disemak secara berkala untuk memastikan kandungannya kekal relevan dan dikemaskini.

Saranan dan keputusan yang dibuat oleh setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah dicatat dan direkodkan di dalam minit mesyuarat. Ringkasan laporan dan pertimbangan setiap Jawatankuasa ini seterusnya dimasukkan ke dalam minit mesyuarat Lembaga Pengarah. Huraian ringkas setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan TOR utamanya adalah seperti berikut:

a. Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC)

Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko dianggotai oleh tiga Pengarah Bebas Bukan Eksekutif iaitu:

Pengerusi:

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda

Ahli:

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan

Tan Sri Dr Rahamat Bivi Yusoff

Butiran lanjut berkenaan TOR dan ringkasan aktiviti Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko sepanjang tahun kewangan ini dibentangkan di halaman 92 - 96 Laporan Tahunan ini.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

b. Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran (NRC)

Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran (NRC) dianggotai oleh tiga Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, di mana kesemuanya bukan ahli kumpulan Pengurusan dan tiada sebarang hubungan perniagaan atau hubungan lain yang mampu menjejaskan pertimbangan bebas mereka. Ahli-ahlinya terdiri daripada:

Pengerusi:

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan

Ahli:

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda

Tan Sri Mohamed Azman Yahya

Sebanyak tiga (3) mesyuarat telah diadakan sepanjang tahun kewangan ini dan rekod kehadiran setiap ahli disediakan di dalam jadual di halaman 81.

Bidang Tugas

Tanggungjawab utama NRC, selaras dengan bidang tugasnya, adalah untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan fungsi-fungsi berikut:

a. Fungsi Utama

Berkenaan pencalonan, tugas-tugas jawatankuasa ini termasuklah:

- mencalon dan mencadangkan calon-calon untuk dilantik sebagai Pengarah Syarikat kepada Lembaga Pengarah;
- semasa membuat saranan, mempertimbangkan calon pengarah yang dicadangkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) atau oleh mana-mana eksekutif kanan atau pengarah atau pemegang saham;
- mencadangkan calon-calon pengarah untuk menganggotai Jawatankuasa Lembaga Pengarah kepada Lembaga Pengarah;
- membantu Lembaga Pengarah membuat penilaian tahunan berhubung kepelbagaian kemahiran, pengalaman dan ciri-ciri lain yang diperlukan, termasuk keupayaan utama yang harus dimiliki oleh Pengarah Bukan Eksekutif sebagai anggota Lembaga Pengarah; dan
- membantu Lembaga Pengarah melaksanakan program penilaian tahunan untuk menilai keberkesanan Lembaga Pengarah, jawatankuasa Lembaga Pengarah dan setiap pengarah, secara keseluruhan.

Berhubung dengan ganjaran, tanggungjawab NRC merangkumi perkara berikut:

- menentukan dan mengesyorkan rangka kerja atau dasar umum bagi pakej ganjaran CEO, dan mana-mana ahli Pengurusan lain yang perlu dipertimbangkan oleh Lembaga Pengarah;
- membangunkan prosedur rasmi dan telus untuk merangka dasar berkenaan jumlah pakej ganjaran individu bagi CEO dan ahli Pengurusan lain termasuk bonus, insentif dan opsyen saham;
- menyemak dan mengesyorkan sebarang penambahbaikan kepada dasar dan pakej ganjaran kumpulan Pengurusan serta isu-isu lain yang berkaitan dengan ganjaran Pengurusan kepada Lembaga Pengarah pada setiap tahun;
- menyemak sebarang perubahan ketara dalam struktur ganjaran kakitangan di seluruh Syarikat, dan jika dianggap wajar, membuat saranan kepada Lembaga Pengarah untuk menerima perubahan sedemikian; dan
- menyemak dan mengesyorkan penggunaan rangka kerja bagi skim insentif tahunan Syarikat kepada Lembaga Pengarah. Rangka kerja skim insentif tahunan ini merangkumi:
 - Kenaikan gaji berasaskan merit;
 - Bonus berasaskan merit; dan
 - Insentif pengekal dan ganjaran.

b. Bidang kuasa

Dalam melaksanakan tanggungjawabnya berkaitan dengan isu ganjaran:

- NRC diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mendapatkan sebarang maklumat yang diperlukan daripada mana-mana kakitangan Syarikat dalam melaksanakan tugasnya; dan
- NRC diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mendapatkan sebarang nasihat undang-undang atau profesional luar termasuk nasihat perunding bebas berhubung ganjaran, dan jika perlu, memastikan penasihat luar ini hadir semasa mesyuaratnya serta mendapatkan maklumat terkini dan boleh dipercayai berkenaan ganjaran yang ditawarkan di syarikat-syarikat lain, di mana segala perbelanjaan ditanggung oleh Syarikat.

NRC mempunyai kuasa penuh untuk mengarahkan supaya sebarang laporan atau tinjauan dibuat untuk membantu memenuhi kewajipannya sekiranya perlu.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

c. Mesyuarat

- Mesyuarat diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun atau apabila perlu.
- Notis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari untuk mengadakan mesyuarat NRC perlu diberikan kepada ahli-ahli NRC yang berada di Malaysia.
- Korum dicapai apabila mana-mana dua ahli hadir.
- Pengerusi mesyuarat mempunyai undi pemutus apabila bilangan undi adalah sama.
- Resolusi yang ditandatangani oleh semua ahli NRC disifatkan sebagai resolusi yang diluluskan semasa mesyuarat NRC bersidang, dan boleh merangkumi beberapa dokumen dalam bentuk yang serupa, yang mana setiap satunya ditandatangani oleh seorang atau lebih daripada seorang ahli NRC.

Ringkasan Aktiviti pada tahun 2018

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, NRC melaksanakan beberapa aktiviti utama seperti berikut:

- Menjalankan penilaian tahunan ke atas komposisi dan kebebasan Pengarah Bebas;
- Mengkaji dan mempertimbangkan pembaharuan pelantikan/kontrak Pengurusan Kanan Ekuinas;
- Mempertimbangkan dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah mengenai pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Ekuinas bagi tahun kewangan berakhir 2018, Pembayaran Bonus dan Kenaikan Gaji Berasaskan Merit bagi tahun 2018; dan
- Mengkaji Cadangan Rangka Kerja KPI bagi tahun kewangan berakhir 2019.

c. Jawatankuasa Pelaburan (IC)

Jawatankuasa Pelaburan dianggotai oleh ahli-ahli Pengurusan Kanan Syarikat dan dua (2) orang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Struktur ini merupakan struktur yang lazimnya dipraktikkan di sebahagian besar firma ekuiti persendirian bagi memastikan keputusan pelaburan dibuat tepat pada masanya dengan pengawasan yang mencukupi, komitmen yang teguh dan kebertanggungjawaban pihak kakitangan profesional.

Tanggungjawab dan fungsi utama Jawatankuasa Pelaburan termasuklah:-

- meluluskan cadangan bagi semua keputusan pelaburan dan pelupusan yang dibuat oleh Ekuinas;

- meluluskan semua keputusan berkaitan pengurusan pelaburan yang dibuat oleh Ekuinas; dan
- mengkaji kualiti dan kebolehpercayaan semua maklumat kewangan yang berkaitan dengan pelaburan.

d. Jawatankuasa CSR (CC)

Jawatankuasa CSR (CC), yang dipengerusikan oleh seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan terdiri daripada Pengurusan Kanan, telah ditubuhkan untuk mengkaji semula dan memantau program-program CSR Ekuinas serta memastikan Syarikat melaksanakan tadbir urus dan kawalan dalaman bagi aktiviti CSR pada standard tertinggi. Kumpulan Pengurusan dikehendaki memaklumkan aktiviti-aktiviti dan program-program CSR kepada Jawatankuasa CSR dan/atau Lembaga Pengarah apabila diarahkan.

Tanggungjawab dan fungsi utama CC termasuk:

- mengkaji dan meluluskan pelan tahunan CSR Ekuinas, termasuk peruntukan untuk pelbagai program dan inisiatif CSR, berdasarkan jumlah peruntukan bagi CSR Ekuinas yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah;
- memantau pelaksanaan aktiviti-aktiviti CSR; dan
- membincangkan sebarang isu serius berkaitan projek-projek CSR yang mempunyai implikasi kewangan atau reputasi kepada Ekuinas.

e. Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC), yang dipengerusikan oleh CEO dan terdiri daripada kumpulan Pengurusan Kanan, ditubuhkan untuk membantu ARMC dan Lembaga Pengarah menjalankan fungsi berkaitan isu-isu pengurusan risiko Ekuinas.

MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH

Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan sekurang-kurangnya sekali setiap suku tahun untuk menyemak dan meluluskan keputusan kewangan dan membincangkan laporan tentang prestasi, rancangan dan usul Syarikat yang dibuat oleh pihak Pengurusan. Mesyuarat Lembaga Pengarah juga diadakan pada penghujung tahun kewangan untuk mempertimbang dan meluluskan belanjawan Syarikat bagi tahun berikutnya. Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah akan diadakan apabila perlu bagi mempertimbangkan hal-hal yang memerlukan keputusan segera pihak Lembaga Pengarah.

Jadual bagi mesyuarat Lembaga Pengarah diserahkan kepada semua ahli sebelum permulaan setiap tahun kewangan untuk merancang dan mendapatkan komitmen masa dari semua Pengarah.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Kehadiran di Mesyuarat-Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Rekod kehadiran para Pengarah di Mesyuarat-mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

Nama Pengarah	Lembaga Pengarah	ARMC ¹	NRC ²	IC ³	CC ⁴
	Bilangan Mesyuarat Dihadiri				
Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda	6 dari 6	4 dari 4	3 dari 3	-	-
Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan	5 dari 6	3 dari 4	2 dari 3	-	-
Tan Sri Mohamed Azman Yahya	6 dari 6	-	3 dari 3	2 dari 2	-
Tan Sri Dr. Rahamat Bivi Yusoff	6 dari 6	3 dari 4	-	-	1 dari 1
Dato' Nik Azman Nik Abdul Majid ⁵	3 dari 4	-	-	-	-
Datuk Ali Abdul Kadir	6 dari 6	-	-	2 dari 2	-
Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir	6 dari 6	-	-	2 dari 2	-

Nota:

¹ ARMC – Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko

² NRC – Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran

³ IC – Jawatankuasa Pelaburan

⁴ CC – Jawatankuasa CSR

⁵ Meletak jawatan sebagai Pengarah Bukan Eksekutif berkuatkuasa 21 Oktober 2018. Kehadiran mencerminkan bilangan mesyuarat yang dijadualkan sewaktu Pengarah memegang jawatan.

MENGEKALKAN LEMBAGA PENGARAH YANG BEBAS, MANTAP DAN BERKESAN

Ketidaksandaran dan Imbangan Kuasa

Untuk memastikan keseimbangan kuasa, jawatan Pengerusi Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif tidak dipegang oleh individu yang sama. Pengasingan yang jelas bagi kedua-dua peranan ini menggalakkan perdebatan dan perbincangan yang konstruktif di peringkat Lembaga Pengarah. Penggabungan kedua-dua jawatan ini boleh menimbulkan sikap berat sebelah dan menjejaskan keupayaan dan kesanggupan para Pengarah Bebas untuk membuat pertimbangan mereka secara bebas. Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif tiada kaitan antara satu sama lain.

Pengerusi, yang bersifat bukan eksekutif, menerajui dan memudah cara tugas Lembaga Pengarah semasa bermesyuarat dan bertanggungjawab ke atas kepimpinan, kecekapan serta fungsi Lembaga Pengarah, di samping memastikan prinsip dan proses Lembaga Pengarah sentiasa terpelihara. CEO bertanggungjawab menyedia dan melaksanakan strategi, dasar serta pengendalian operasi Ekuinas bagi pihak Lembaga Pengarah.

Para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, yang merupakan individu-individu berkelayakan tinggi dan terbilang, saling berkongsi pengetahuan yang mendalam tentang bidang masing-masing. Mereka tidak turut serta di dalam operasi harian dan tidak terlibat di dalam sebarang urusan niaga perniagaan atau perhubungan lain dengan Ekuinas. Ini adalah untuk memastikan mereka mampu melakukan pertimbangan secara objektif dan bertindak demi kepentingan Ekuinas. Profil ahli-ahli Lembaga Pengarah adalah seperti yang dibentangkan di halaman 31 - 34 Laporan Tahunan ini.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Penilaian Tahunan Bebas untuk Pengarah Bebas

Lembaga Pengarah, melalui NRC, menjalankan penilaian bebas ke atas semua Pengarah Bebas sepanjang tahun kewangan. Kriteria penilaian bebas dipandu oleh definisi "pengarah bebas" yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia MMLR. Selain itu, semua Pengarah juga mengemukakan pengisytiharan pematuhan kepada Kod Etika Pengarah.

KOD PERILAKU

Ekuinas telah menerima pakai Kod Etika Pengarah untuk semua Pengarah Ekuinas yang berasaskan prinsip-prinsip keikhlasan, integriti, tanggungjawab dan tanggungjawab sosial korporat. Penggunaan Kod Etika Pengarah memformalkan nilai-nilai etika di seluruh Syarikat dan memastikan pematuhannya.

Lembaga Pengarah menyelia hal ehwal perniagaan Ekuinas dan memikul tanggungjawab bagi perkara-perkara berikut:

- bimbingan strategik kepada Ekuinas dengan menentukan objektif-objektif Ekuinas dan cara untuk mencapainya;
- meningkatkan nilai jangka panjang bagi pihak berkepentingan Ekuinas di samping memelihara dan melindungi nilai-nilai asas Ekuinas untuk kepentingan mereka;
- memantau secara efektif pengurusan Ekuinas termasuk sistem kawalan dan akauntabilitinya;
- meluluskan dan memantau kemajuan perbelanjaan modal yang besar, pengurusan modal dan pemerolehan/pelupusan pelaburan;
- memantau pematuhan semua obligasi undang-undang, cukai dan kawal selia;
- mengkaji semula dan mengesahkan sistem pengurusan risiko dan pematuhan dalaman serta kawalan, kod perilaku, pendedahan berterusan, pematuhan undang-undang dan dasar-dasar korporat penting yang lain;
- memantau prestasi pihak Pengurusan dan pelaksanaan strategi dan dasar, di samping memastikan ketersediaan sumber yang berkaitan;
- melulus dan memantau laporan kewangan dan lain-lain kepada pasaran, kakitangan dan pihak berkepentingan; dan
- melulus pelantikan, pelantikan semula atau penggantian juruaudit luaran.

GANJARAN PARA PENGARAH

Objektif dasar Syarikat berkenaan ganjaran Pengarah adalah untuk menarik dan mengekalkan Pengarah berkaliber tinggi yang diperlukan untuk menerajui Syarikat ke arah mencapai kejayaan. Bagi Pengarah

Eksekutif, unsur-unsur komponen ganjaran dirangka agar ganjaran berkait rapat dengan prestasi korporat dan juga individu. Bagi Pengarah Bukan Eksekutif pula, tahap imbuhan adalah berdasarkan pengalaman dan tahap tanggungjawab yang dipikul oleh Pengarah Bukan Eksekutif tersebut.

NRC mengesyorkan rangka kerja bagi pakej ganjaran untuk Pengarah Eksekutif kepada Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab muktamad meluluskan ganjaran Pengarah Eksekutif.

Butiran ganjaran Pengarah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, secara agregat, dikategorikan ke dalam komponen yang berkenaan, adalah seperti berikut:

Ganjaran	Jumlah Keseluruhan (RM)
Gaji / Bayaran termasuk Bonus	2,879,668
Ganjaran lain (contoh Elaun dan kelebihan lain)	690,693

Ganjaran yang dibayar kepada para pengarah sepanjang tahun dianalisis mengikut julat yang sesuai adalah seperti berikut:


Kadar Ganjaran (RM)	Pengarah Eksekutif	Pengarah Bukan Eksekutif
Bawah RM100,000		1
RM100,000 – RM200,000		5
Lebih RM1,000,000	1	

LATIHAN PENGARAH

Lembaga Pengarah mengakui kepentingan pendidikan yang berterusan untuk para Pengarah bagi memastikan mereka dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk melaksanakan fungsi dan menyelesaikan cabaran yang dihadapi. Program-program latihan, persidangan dan seminar yang dianggap memberi manfaat kepada para Pengarah dikenal pasti secara berterusan dan Syarikat memperuntukkan bajet yang khusus untuk latihan bagi menyokong pembangunan berterusan para Pengarah. Pengarah sentiasa dimaklumkan mengenai perniagaan Syarikat termasuk menerusi taklimat oleh Pengurusan Kanan dan perunding/pakar luar tentang isu-isu strategik berkaitan bidang atau industri tertentu.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Program latihan dan pembangunan yang dihadiri oleh Lembaga Pengarah, termasuk penglibatan mereka sebagai pembentang/penceramah dalam konvensyen di dalam dan luar negara mengenai topik yang relevan kepada peranan mereka semasa tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:



AKSES KEPADA MAKLUMAT DAN KHIDMAT NASIHAT BEBAS

Untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tugasannya, pihak Pengurusan menyediakan laporan pelaburan dan laporan kewangan menyeluruh secara berkala. Lazimnya, pihak Pengurusan berusaha untuk mengemukakan agenda mesyuarat bersama satu set kertas kerja Lembaga Pengarah yang mengandungi maklumat berkaitan kepada ahli Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya lima (5) hari sebelum mesyuarat diadakan. Ini adalah untuk memberi masa yang secukupnya kepada ahli Lembaga Pengarah untuk mengkaji, menimbang dan memahami dengan lebih dalam perkara-perkara yang akan dibincangkan sebelum mesyuarat diadakan. Justeru, perbincangan mesyuarat akan lebih tertumpu kepada soalan-soalan berkaitan perkara-perkara berbangkit.

Kertas Lembaga Pengarah disediakan dalam format yang distrukturkan dengan kemas, konsisten, ringkas dan tepat yang memberikan maklumat kuantitatif dan kualitatif, agar keputusan terbaik dapat dibuat. Kertas Lembaga Pengarah merangkumi antara lainnya:

- Minit-minit mesyuarat Lembaga Pengarah terdahulu;
- Kesemua Minit-minit mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah terdahulu;

- Laporan hal-hal yang berbangkit;
- Laporan berkenaan perkara-perkara yang memerlukan pertimbangan dan kelulusan Lembaga Pengarah;
- Laporan kewangan suku tahunan dan laporan prestasi pelaburan Syarikat; dan
- Perkara penting lain yang perlu dibincangkan dan diluluskan.

CEO, dan Ketua Pegawai Kewangan (CFO) hadir di pembentangan ini untuk menjawab sebarang pertanyaan daripada ahli Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah mempunyai akses bebas kepada CEO, Pengurusan Kanan, Setiausaha Syarikat, serta juruaudit dalaman dan luaran pada bila-bila masa dirasakan perlu. Lembaga Pengarah boleh memohon nasihat profesional bebas mengikut budi bicara, sekiranya perlu, bagi memastikan ketersediaan maklumat dan nasihat yang lengkap sebelum keputusan penting diambil.

Setiausaha Syarikat membantu Lembaga Pengarah menyediakan agenda mesyuarat serta mentadbir, menghadiri dan menyediakan minit-minit mesyuarat Lembaga Pengarah, serta memastikan aliran maklumat yang berkesan antara Lembaga Pengarah dengan jawatankuasanya. Pihak Pengurusan juga membantu Lembaga Pengarah melaksanakan amalan dan proses tadbir urus yang mantap dalam Syarikat.

INTEGRITI DALAM LAPORAN KEWANGAN

Lembaga Pengarah berhasrat untuk menyediakan dan membentangkan laporan penilaian prestasi kewangan syarikat yang seimbang dan bermakna dalam semua pendedahan yang dibuat kepada pihak berkepentingan. Lembaga Pengarah, dibantu oleh Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko, menyelia proses dan kualiti laporan kewangan, di samping mengkaji semula dan memantau integriti penyata kewangan Syarikat. Lembaga Pengarah juga mengkaji kesesuaian dan perubahan kepada dasar-dasar perakaunan Syarikat, serta memastikan penyata kewangan ini mematuhi keperluan dan peraturan perakaunan serta amalan-amalan tadbir urus korporat yang baik.

Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko juga bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan, dan ini adalah satu forum di mana juruaudit luar boleh menyatakan, antara lain, sebarang kebimbangan mengenai aspek pematuhan penyata kewangan. Semua piawaian perakaunan yang berkaitan telah diterima pakai, tertakluk kepada apa-apa penjelasan bagi perbezaan ketara yang dinyatakan dalam nota-nota kepada penyata kewangan.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

KEBEBASAN JURUAUDIT LUAR

Lembaga Pengarah, melalui Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko, telah mewujudkan hubungan rasmi dan telus dengan juruaudit dalaman dan luar Syarikat. Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko bersidang secara berkala dengan juruaudit luar dan dalaman untuk membincangkan dan mengkaji pelan audit, prestasi kewangan suku tahunan, penyata kewangan tahunan dan sebarang penemuan audit, serta membuat cadangan untuk kelulusan pihak Lembaga Pengarah. Pada tahun ini, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan, selaras dengan keperluan amalan terbaik.

Lembaga Pengarah menyedari potensi konflik kepentingan yang mungkin timbul jika juruaudit luar Syarikat terlibat dalam menyediakan perkhidmatan lain bukan audit kepada Syarikat. Untuk mengurangkan risiko ini, Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko melaksanakan penilaian prestasi, kebebasan dan fi juruaudit luar secara tahunan. Laporan Tahunan Syarikat juga menzahirkan fi yang diterima oleh juruaudit luar untuk kerja-kerja bukan audit.

Struktur pelaporan CGRM adalah seperti yang ditunjukkan di bawah:



PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah bertanggungjawab mengekalkan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang memberikan jaminan munasabah mengenai operasi yang cekap dan berkesan dengan mematuhi undang undang dan peraturan yang diguna pakai, serta prosedur dan garis panduan dalaman.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman yang memberikan gambaran tentang keseluruhan keadaan kawalan dalaman di dalam Syarikat, dibentangkan di halaman 86 - 91 dalam Laporan Tahunan ini.

Fungsi Audit Dalaman

Lembaga Pengarah memberi kuasa kepada Pengurusan untuk mencapai objektif perniagaan dalam had etika perniagaan dan standard tadbir urus yang baik. Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM), yang juga beroperasi sebagai fungsi audit dalaman, melapor secara terus kepada Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko, yang mana menunjukkan komitmen Syarikat dalam memastikan kewibawaan rangka kerja tadbir urus.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

HUBUNGAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Ekuinas berurusan dengan pelbagai pihak berkepentingan dalam memenuhi peranan dan objektifnya sebagai sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan. Syarikat mengakui kepentingan untuk mengekalkan ketelusan dan akauntabiliti bagi menjayakan dan memastikan hubungan yang produktif dengan pihak berkepentingan Syarikat. Oleh itu, Syarikat memberi penekanan mengenai kepentingan pengedaran maklumat dan ketelusan kepada orang awam dan pihak berkepentingan.

Interaksi dan Komunikasi dengan Pihak-pihak Berkepentingan

Syarikat mengamalkan dasar pengurusan dan komunikasi pihak berkepentingan yang komprehensif dan dasar ini sentiasa dikaji semula dari semasa ke semasa. Dasar tersebut menyediakan panduan bagaimana Syarikat berinteraksi dengan kumpulan pihak berkepentingan yang berbeza termasuk masyarakat awam, badan kerajaan dan pihak berkuasa, demi mematuhi keperluan pendedahan yang berterusan dan tepat pada masanya.

Selain daripada siaran akhbar dan pengumuman, Syarikat menggunakan laman web sebagai saluran komunikasi utama untuk menyebarkan maklumat kepada pihak-pihak berkepentingan dan orang awam. Syarikat komited untuk memastikan khalayak awam dapat mengakses maklumat tersebut dengan mudah melalui laman sesawangnya di **www.ekuinas.com.my**.

Sebarang pertanyaan mengenai Ekuinas boleh diajukan kepada:

Telefon : 03-7710 7171

Faks : 03-7710 7173

Perkara Umum

Unit Komunikasi

E-mel: info@ekuinas.com.my

Perkara Tadbir Urus Korporat

Unit Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko

E-mel: governance@ekuinas.com.my

Saluran Whistleblowing

Repot Whistleblowing

E-mel: whistleblowing@ekuinas.com.my

Penyata Tadbir Urus Korporat ini selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 12 Mac 2019.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah dengan sukacitanya membentangkan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman menurut perenggan 15.26(b) Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia (MMLR). Ini adalah untuk menggalakkan tadbir urus korporat dan amalan terbaik, meskipun MMLR tidak diaplikasikan terhadap Syarikat.

TANGGUNGJAWAB

Dalam menjalankan tugas yang diamanahkan, Lembaga Pengarah komited untuk mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh bagi memastikan kecukupan dan integriti memuaskan melalui proses kajian, pemantauan dan jaminan. Walau bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa sistem ini hanya boleh memberikan jaminan yang munasabah dan bukan jaminan mutlak terhadap kerugian ketara, penipuan, kenyataan yang tidak tepat dan pelanggaran undang-undang atau peraturan.

Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC) ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah di mana tanggungjawab utamanya adalah untuk pengurusan risiko dan pengawasan kawalan dalaman; tugas ini dibantu oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC), Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan Pengurusan Kanan dalam melaksanakan dasar-dasar dan prosedur ke atas risiko dan kawalan.

Lembaga Pengarah juga telah memastikan proses yang berterusan untuk mengenalpasti, menilai dan mengurus risiko penting yang dihadapi oleh Syarikat. Ini terkandung dalam Rangka Kerja Tadbir Urus Korporat yang merangkumi Rangka Kerja dan Dasar Pengurusan Risiko, Piagam Audit Dalaman dan Rangka Kerja Sistem dan Kawalan Dalaman.

Kecukupan Sistem Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman


CEO dan Ketua Pegawai Kewangan (CFO) Ekuinas telah memberi jaminan kepada Lembaga Pengarah bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Syarikat beroperasi dengan berkesan dalam tahun kajian dan sehingga semasa Penyata ini diluluskan.

SISTEM PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah telah meluluskan Dasar dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Syarikat yang menerangkan dengan jelas akauntibiliti dan kebertanggungjawaban untuk proses pengurusan risiko, termasuk mengenalpasti risiko dan cara mengurus risiko yang mampu menjejaskan matlamat strategik atau pelaksanaan Syarikat.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap pengurusan risiko, termasuk struktur tadbir urus atau penyeliaan Syarikat dan mengekalkan rangka kerja kawalan dalaman yang sesuai. Pihak Pengurusan pula bertanggungjawab mengurus risiko bagi pihak Lembaga Pengarah dan melaksanakan kajian semula risiko dengan lebih rapi bagi sebarang cadangan atau urusan strategik khusus serta memastikan isu-isu risiko dikenalpasti, dianalisis, ditetapkan keutamaannya dan diurus secara konsisten.

Struktur dan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman diringkaskan seperti berikut:



PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC)

Lembaga Pengarah, melalui ARMC, menyelia semua aktiviti pengurusan risiko dan kawalan dalaman di dalam Syarikat. Antara tanggungjawab utama ARMC adalah untuk memastikan Rangka Kerja Pengurusan Risiko dilaksanakan dengan baik, menilai pendedahan risiko dan mengkaji isu-isu kawalan dalaman yang dinyatakan oleh Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM), pihak Pengurusan, dan juruaudit luar; dan mengkaji semula fungsi dan pelan kerja CGRM. Jabatan CGRM yang berfungsi sebagai audit dalaman Syarikat melapor terus kepada ARMC.

Secara majoritinya, ARMC dianggotai oleh ahli Lembaga Pengarah Bebas Bukan Eksekutif yang diberikan akses penuh kepada juruaudit dalaman dan luar. Jawatankuasa bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan sekurang-kurangnya sekali setahun.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC)

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC) membantu Lembaga Pengarah menjalankan fungsi berkaitan isu-isu pengurusan risiko Ekuinas. Walaupun risiko yang dilaporkan tidak mewakili semua risiko perniagaan yang dihadapi oleh Ekuinas, objektif laporan risiko adalah untuk mengenalpasti risiko perniagaan yang penting untuk menggariskan langkah utama bagi mengurangkan risiko yang melibatkan Ekuinas sebagai organisasi dan juga syarikat portfolionya.

Semua risiko penting yang dikenalpasti kemudiannya dinilai dan ditarafkan untuk menentukan kesan dan kemungkinan ia berlaku berdasarkan Rangka Kerja Penarafan Risiko Syarikat berlandaskan Dasar Pengurusan Risiko Ekuinas yang telah diluluskan.

Dalam usaha mengurangkan risiko, inisiatif utama dikenalpasti melalui perbincangan dengan pihak Pengurusan. Ringkasan risiko berdasarkan keutamaan didokumenkan dalam laporan dan dibentangkan kepada RMC dan ARMC setiap suku tahun.

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab RMC:

- menyemak dan mengesyorkan dasar pengurusan risiko dan membuat laporan untuk diluluskan oleh ARMC dan Lembaga Pengarah;
- memantau pendedahan Syarikat dan syarikat portfolio kepada risiko serta menyarankan tindakan yang diperlukan;

- mengkaji prestasi keseluruhan, inisiatif yang dilaksanakan dan risiko perniagaan utama syarikat portfolio setiap suku tahun; dan
- mengkaji sebarang risiko dan pendedahan ketara yang wujud dan menilai inisiatif yang dikendalikan oleh pihak Pengurusan dan syarikat portfolio untuk mengurangkan risiko.

Selaras dengan tanggungjawab di atas, empat (4) mesyuarat RMC telah diadakan sepanjang tahun kewangan 2018. Laporan suku tahunan Pengurusan Risiko telah dibentangkan dan diluluskan oleh ARMC dan Lembaga Pengarah.

Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM)

Peranan CGRM adalah untuk membantu ARMC dan Pengurusan Syarikat untuk menjalankan tugas secara berkesan dengan melaksanakan kawalan dalaman yang kos efektif, menilai risiko, mencadangkan cara untuk mengurangkan risiko tersebut dan memastikan proses tadbir urus korporat yang betul. Sebagai peranan penting dalam proses ini, CGRM akan memberikan analisis, penilaian, nasihat dan maklumat yang bebas kepada ARMC berkenaan aktiviti yang dikaji.

Pelan dan KPI tahunan CGRM dikaji dan diluluskan oleh ARMC dan Lembaga Pengarah, dan keputusan audit dilaporkan secara berkala kepada pihak Pengurusan dan ARMC.

AKTIVITI PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Strategi Pengurangan Risiko

Rangka kerja pengurusan risiko Syarikat adalah panduan pragmatik mengenai mengenalpastian dan pengurusan risiko yang penting untuk mencapai objektif strategik. Keberkesanan rangka kerja pengurangan risiko sentiasa dikaji dan ditambah baik secara sistematik.

Syarikat telah mengenalpasti jenis-jenis risiko seperti berikut – strategik, kewangan, operasi dan pelaburan. Risiko tidak terhad hanya kepada empat jenis ini sahaja tetapi risiko pelaburan dianggap sebagai risiko perniagaan paling kritikal dalam Syarikat.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

RISIKO EKUINAS (SYARIKAT)			
STRATEGIK	PELABURAN LANGSUNG	PROGRAM PENYUMBERAN LUAR	OPERASI
• Persekitaran Luaran • Pembiayaan • Kawalan selia • Pihak Berkepentingan	• Aliran urusanniaga dan penilaian • Prestasi dan pengurusan pelaburan • Objektif bukan kewangan	• Pemilihan OFM • Prestasi OFM • Pengurusan OFM	• Sumber Manusia • Perbendaharaan • Pengurusan dan Pelaporan Kewangan • Pematuhan • Perkhidmatan Bersama
RISIKO SYARIKAT PORTFOLIO			
STRATEGIK DAN PASARAN	PERNIAGAAN DAN KEWANGAN	STRATEGI PENCIPTAAN NILAI	PELAKSANAAN
• Persekitaran Luaran • Industri • Kerajaan dan Kawal Selia	• Operasi perniagaan • Perbelanjaan modal dan pelaburan • Penggearing/Hutang	• Pengembangan Perniagaan • Penggabungan dan Pengambilalihan	• Sumber Manusia • Sistem dan Proses IT • Pengurusan dan Laporan Kewangan • Tadbir Urus dan Pematuhan

Risiko strategik diurus melalui usaha pemantauan faktor-faktor utama ekonomi, prospek industri, perkembangan kawal selia serta perjumpaan dan pengemaskinian secara berkala dengan pihak Kerajaan.

Bagi mengurus risiko kewangan, dasar perbendaharaan dan had kuasa kewangan Syarikat didokumenkan, disemak secara berkala dan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah. Dasar yang diluluskan menetapkan had-had bagi pengurusan kecairan, risiko pihak bertentangan dan pembiayaan Syarikat. Sebarang risiko kewangan yang ketara, seperti kecairan, penggearing, hutang bersih dan pendedahan kredit dikenalpasti, dinilai, ditangani dan dilaporkan kepada pihak Lembaga Pengarah secara berkala.

Risiko operasi sememangnya tidak dapat dihapuskan sepenuhnya dan kos untuk mengurangkan risiko sedemikian mungkin melampaui manfaat yang bakal diraih. Oleh yang demikian, Syarikat bertindak mengurus risiko operasi dengan mengguna pakai dasar dan prosedur operasi standard, had kuasa yang didokumenkan dan rangka kerja laporan berkala yang merangkumi laporan operasi dan kewangan.


Bagi mengurangkan risiko pelaburan pula, Syarikat memastikan bahawa keputusan pelaburan dibuat berpandukan garis panduan pelaburan yang terkandung di dalam Rangka Kerja Pelaburan Syarikat, demi memastikan urusanniaga yang dilaksanakan memenuhi kriteria pelaburan penting di mana sektor-sektor utama dikenalpasti berdasarkan pendekatan penapisan yang telus. Rangka kerja ini diterima pakai di dalam semua proses pelaburan dan urusanniaga pelaburan yang bakal dilaksanakan.

Rangka kerja Pelaburan Ekuinas meliputi pengurusan risiko dengan semakan risiko yang rapi terhadap semua cadangan atau urusanniaga strategik dan tertentu untuk memastikan risiko dikenal pasti, dianalisa, ditetapkan keutamaannya dan diurus secara konsisten. Semua pelaburan diteliti dengan rapi bagi memastikan pelaburan tersebut sejajar dengan tumpuan strategik Syarikat yang berupaya mencapai kadar pulangan yang sewajarnya dan mengambilkira semua faktor risiko lain yang berkaitan, seperti risiko industri dan risiko pelaksanaan. Di samping itu, Lembaga Pengarah juga telah menetapkan bahawa semua cadangan pelaburan yang diserahkan oleh pihak Pengurusan perlu disertakan dengan penilaian risiko yang menyeluruh dan cadangan strategi pengurangan risiko yang sesuai.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Laporan Pengurusan Risiko

Rangka Kerja Pengurusan Risiko menggariskan pendekatan Ekuinas terhadap pengurusan risiko, mengaitkannya dengan matlamat strategik dan organisasi dan menyepadukannya dengan proses perniagaan Syarikat. Laporan Pengurusan Risiko meliputi penilaian risiko dan keberkesanan kawalan sedia ada, serta keperluan untuk kawalan tambahan bagi mengurangkan risiko untuk Syarikat dan Syarikat Portfolio. Elemen utama proses ini adalah:



Proses Kawalan Dalaman Utama

Lembaga Pengarah komited sepenuhnya untuk mengekalkan struktur dan persekitaran kawalan yang teguh agar operasi Syarikat dapat dikendalikan dengan sebaiknya. Antara proses penting yang telah disediakan untuk menyemak kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman, adalah seperti berikut:


- Jawatankuasa Lembaga Pengarah**

Selain daripada Lembaga Pengarah, syarikat juga menggalakkan tadbir urus korporat dan ketelusan dengan mempunyai Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran dan Jawatankuasa Pelaburan. Jawatankuasa Lembaga Pengarah ini ditubuhkan dengan tujuan membantu Lembaga Pengarah memantau pengurusan Syarikat secara bebas dengan tanggungjawab dan kuasa yang diperuntukkan dengan jelas dalam bidang tugas masing-masing.

- Rangka Kerja Dasar dan Prosedur Operasi Standard (SOP)**

Prosedur bertulis mengenai proses-proses penting Syarikat didokumen, dilaksana dan dijelaskan oleh pihak Pengurusan kepada kakitangan Syarikat, selaras dengan Rangka Kerja Dasar dan SOP yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Dasar-dasar ini disokong oleh prosedur yang didokumenkan untuk mengurus risiko operasi. Dasar dan prosedur ini bertujuan untuk memastikan bahawa prinsip atau mekanisme kawalan dalaman menjadi sebahagian daripada operasi Syarikat. Rangka Kerja SOP untuk syarikat adalah seperti ilustrasi di halaman sebelah.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN



Nota: 1 & 2 Rangka Kerja Pelaburan telah dimuktamadkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah

PERKHIDMATAN BERSAMA	KEWANGAN & PERAKAUNAN Dasar Perakaunan dan/atau Prosedur Operasi Standard meliputi: - Aset Tetap - Tunai Runcit - Prosedur dan Dasar Pelaporan Kewangan - Belanjawan - Pembayaran & Tuntutan - Garis Panduan Nilai Saksama Portfolio Pelaburan	SUMBER MANUSIA Prosedur dan/atau Dasar Sumber Manusia meliputi: - Pengurusan Gaji - Latihan & Pembangunan - Pengambilan Pekerja & Perancangan Modal Insan - Pengurusan Prestasi & Pampasan - Pelan Pengkalan Jangka Panjang - Pengurusan Bakat - Hubungan Pekerja
	PERBENDAHARAAN Dasar dan Prosedur Operasi Standard Perbendaharaan	PERUNDANGAN Prosedur Operasi Standard Perundangan
	PEROLEHAN & PENTADBIRAN Dasar dan Prosedur Operasi Standard Perolehan	M.I.S. Dasar dan Prosedur Operasi Standard Teknologi Maklumat
	TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) Dasar dan Prosedur Operasi Standard CSR	KOMUNIKASI Dasar Dasar dan Prosedur Operasi Standard Komunikasi
	PENGURUSAN PIHAK BERKEPENTINGAN Dasar dan Prosedur Operasi Standard Pengurusan Pihak Berkepentingan	DISCLOSURE POLICY Rangka Kerja dan Dasar Pendedahan

Nota: ☒ Lengkap/Sempurna dan diluluskan untuk diterima pakai

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

• Kod Etika

Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan menjadi contoh kepimpinan terbaik bagi perilaku dan tadbir urus korporat yang berhemah. Kod Etika telah dipersetujui dan diguna pakai oleh semua Pengarah dan Kakitangan untuk memastikan standard perilaku tinggi yang sering dikaitkan dengan amalan perniagaan beretika. Semua Pengarah dan Kakitangan dikehendaki memahami Kod ini dan menandatangani borangakuan penerimaan.

• Kod Perilaku Penyedia Perkhidmatan

Syarikat percaya bahawa hubungan dengan penyedia perkhidmatan mestilah berdasarkan prinsip integriti, kejujuran dan kebertanggungjawaban serta menentang sekeras-kerasnya apa jua bentuk sogokan atau rasuah. Dengan matlamat ini, Kod Perilaku Penyedia Perkhidmatan ini perlu dipatuhi oleh semua pembekal, perunding, penasihat dan kontraktor utama yang berurusan dengan Ekuinas. Ekuinas boleh mengambil tindakan sewajarnya bagi sebarang ketidakpatuhan Kod ini termasuk, dan tidak terhad kepada penamatan perkhidmatan atau larangan mencadangkan apa jua perkhidmatan kepada Ekuinas untuk jangka masa yang ditetapkan.

• Had Kuasa Yang Didokumenkan

Pihak Pengurusan diberikan Had Kuasa yang diluluskan bagi mengendali operasi harian, membuat keputusan pelaburan, perolehan dan pelupusan aset sebagai kaedah kawalan untuk mengurangkan sebarang risiko penyalahgunaan kuasa.

• Buku Panduan Pencegahan Penipuan dan Dasar *Whistleblowing*

Untuk mengukuhkan budaya etika perniagaan dan tadbir urus yang baik di seluruh Syarikat, dasar *whistleblowing* telah diperkenalkan untuk menyediakan akses kepada kakitangan yang berniat baik melaporkan apa-apa salah laku yang disyaki. Dasar ini menangani komitmen Syarikat terhadap integriti dan etika dengan membantu untuk memupuk dan mengekalkan persekitaran di mana kakitangan boleh bertindak sewajarnya tanpa rasa takut kepada sebarang hukuman.

• Kawalan Pelaburan

Dalam kebanyakan kes pelaburan, pegawai kanan Ekuinas dilantik menganggotai jawatankuasa pengurusan eksekutif dan lembaga pengarah syarikat portfolio untuk terlibat secara aktif dalam hala tuju strategik, proses membuat keputusan utama dan bahagian-bahagian operasi utama.

Di samping menjalin hubungan baik dengan pengurusan syarikat portfolio, Ekuinas turut mengambil bahagian dalam inisiatif proses operasi untuk mencipta nilai dan menyokong tadbir urus dan amalan terbaik.

Semakan Penyata oleh Juruaudit Luar

Juruaudit luar telah menyemak Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman ini untuk dimuatkan ke dalam Laporan Tahunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.

Berdasarkan prosedur yang dilaksanakan, mereka telah melaporkan kepada Lembaga Pengarah bahawa tiada sebarang perkara yang pada pemerhatian mereka boleh menyebabkan mereka beranggapan bahawa Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman (SORMIC) yang bertujuan untuk dimuatkan ke dalam laporan tahunan tidak disediakan, dalam semua aspek material, mengikut pendedahan yang digariskan oleh perenggan 41 dan 42 Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman: Garis Panduan untuk Pengarah Terbitan Tersenarai, dan tidak ada maklumat dalam SORMIC yang tidak tepat.

Semakan jaminan terhad ini dilaksanakan selaras dengan Panduan Amalan Disyorkan (RPG) 5 (Pindaan 2015) yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia. RPG 5 (Pindaan 2015) tidak memerlukan juruaudit luar untuk menyatakan pendapat sama ada SORMIC merangkumi semua risiko dan kawalan, atau memberi pandangan mengenai kecukupan dan keberkesanan system pengurusan risiko dan kawalan dalaman Syarikat, termasuk penilaian dan pandangan oleh Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan.

KESIMPULAN

Bagi tahun kewangan yang dikaji, berdasarkan siasatan, maklumat dan jaminan yang disediakan, Lembaga Pengarah berpendapat bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman di dalam Syarikat adalah kukuh dan mencukupi untuk melindungi kepentingan pihak berkepentingannya. Tumpuan ke atas langkah-langkah untuk melindungi dan mempertingkatkan nilai pihak berkepentingan dan kemampuan perniagaan akan terus dilaksanakan. Penyata ini disediakan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 12 Mac 2019.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN RISIKO

Lembaga Pengarah Ekuinas dengan sukacitanya membentangkan laporan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018.

KOMPOSISI DAN KEHADIRAN JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN RISIKO

ARMC telah ditubuhkan pada tahun 2010 sejajar dengan Kod dan MMLR. Ahli-ahli jawatankuasa dilantik dari kalangan ahli Lembaga Pengarah Syarikat dan memenuhi keperluan berikut:

Dianggotai tidak kurang daripada tiga (3) orang ahli	Majoriti adalah pengarah bebas	Semua ahli adalah pengarah bukan eksekutif	Sekurang-kurangnya seorang adalah ahli persatuan perakaunan	Pengarah gantian tidak boleh dilantik sebagai ahli ARMC
--	--------------------------------	--	---	---

Komposisi ARMC dan rekod kehadiran ahli-ahli adalah seperti berikut:

Nama Pengarah	Status Jawatan Pengarah	Kehadiran Mesyuarat	%
Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda (Pengerusi Jawatankuasa)	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	4 dari 4	100
Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	3 dari 4	75
Tan Sri Dr Rahamat Bivi Yusoff	Bukan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	3 dari 4	75

Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko

ARMC bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun, atau lebih kerap jika perlu.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Ketua Pegawai Kewangan (CFO), Ketua Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM) dan wakil-wakil juruaudit luar turut menghadiri mesyuarat apabila diperlukan. ARMC juga mengendalikan mesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak pengurusan semasa mesyuarat ARMC pada 15 Mac 2018 dan 2 Oktober 2018.

Pengerusi ARMC membuat laporan mengenai setiap mesyuarat yang diadakan kepada pihak Lembaga Pengarah dan minit-minit mesyuarat didokumenkan dan diedarkan kepada setiap ahli ARMC.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN RISIKO

Bidang Tugas

Dalam melaksanakan tugas dan menyempurnakan tanggungjawabnya, ARMC memenuhi keperluan Bidang Tugas seperti berikut:

Komposisi Ahli

Komposisi Ahli Jawatankuasa hendaklah dilantik dari kalangan Pengarah-pengarah dan memenuhi keperluan berikut:

- ARMC hendaklah dianggotai oleh tidak kurang daripada tiga (3) orang ahli;
- majoriti ahlinya hendaklah terdiri daripada Pengarah bebas dan semua ahli adalah pengarah bukan eksekutif; dan
- sekurang-kurangnya seorang ahli ARMC:
 - adalah ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA); atau
 - jika beliau bukan ahli MIA, beliau hendaklah memiliki sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman bekerja dan:
 - beliau telah lulus peperiksaan seperti yang termaktub di dalam Bahagian I Jadual Pertama Akta Akauntan 1967; atau
 - beliau adalah ahli salah sebuah persatuan akauntan seperti yang termaktub dalam Bahagian II Jadual Pertama, Akta Akauntan 1967.
 - Pengerusi mestilah seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Pengarah gantian tidak boleh dilantik sebagai ahli ARMC;
 - Sekiranya berlaku kekosongan di dalam ARMC dan menyebabkan ketidakpatuhan terhadap keperluan yang dinyatakan di atas, Syarikat hendaklah mengisi kekosongan tersebut dalam tempoh tiga (3) bulan; dan
 - Setiausaha Syarikat hendaklah bertindak sebagai Setiausaha ARMC.

Skop

- ARMC diberi kuasa untuk menyiasat sebarang aktiviti Syarikat dan anak-anak syarikatnya, dan semua kakitangan diarahkan agar bekerjasama seperti mana yang diarahkan oleh ahli-ahli Jawatankuasa;
- ARMC diberi kuasa untuk melantik mana-mana individu yang mempunyai kebolehan khusus apabila perlu untuk membantu Jawatankuasa ini menjalankan tanggungjawabnya;
- ARMC membantu Lembaga Pengarah memenuhi tanggungjawab fidusiarinya, khususnya berkaitan dengan etika perniagaan, dasar dan kawalan pengurusan kewangan;
- ARMC hendaklah memastikan komunikasi langsung diwujudkan antara Lembaga Pengarah, Juruaudit Luar, Juruaudit Dalaman dan pihak Pengurusan melalui mesyuarat yang telah dijadualkan;
- ARMC akan terus menitikberatkan fungsi audit dengan meningkatkan objektiviti dan kebebasan Juruaudit Luar dan Dalaman dan menyediakan forum perbincangan yang berasingan daripada pihak Pengurusan;
- ARMC boleh mempelawa mana-mana individu untuk menghadiri mesyuarat bagi membantu Jawatankuasa membuat keputusan dan ia juga boleh bermesyuarat sesama sendiri sahaja apabila perlu; dan
- dakwaan serius terhadap mana-mana kakitangan Syarikat yang membabitkan implikasi kewangan hendaklah dirujuk kepada ARMC agar penyiasatan dapat dijalankan.

Bidang Kuasa

ARMC mempunyai kuasa yang diamanahkan oleh Lembaga Pengarah seperti berikut:

- kuasa untuk menyiasat sebarang perkara dalam lingkungan bidang tugasnya;
- akses kepada sebarang sumber yang diperlukan untuk melaksanakan tugasnya;
- akses penuh, bebas dan tidak terbatas kepada sebarang maklumat, rekod, harta dan kakitangan Syarikat serta sebarang anak syarikat lain (jika ada) atau syarikat seinduk;

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN RISIKO

- saluran komunikasi langsung dengan juruaudit luar dan mereka yang melaksanakan fungsi atau aktiviti audit dalaman (jika ada);
- boleh mendapatkan nasihat profesional bebas atau nasihat lain; dan
- boleh mengadakan mesyuarat dengan juruaudit luar dan juruaudit dalaman bersama-sama dengan ahli-ahli Lembaga Pengarah bebas dan bukan eksekutif yang lain, tanpa kehadiran mana-mana Pengarah Eksekutif, sekurang-kurangnya sekali setahun atau sekiranya perlu.

Mesyuarat

- ARMC akan bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun untuk membincangkan sebarang perkara yang dibangkitkan oleh Juruaudit semasa menjalankan tugas mereka. Korum mesyuarat ARMC ialah dua (2) orang ahli;
- Sekurang-kurangnya sekali setahun, keseluruhan Lembaga Pengarah hendaklah bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran mana-mana ahli Lembaga Pengarah eksekutif/Ketua Pegawai Eksekutif atau Pengurusan Kanan;
- Setiausaha bertanggungjawab menyelaras butir-butir pentadbiran termasuk memanggil mesyuarat, mengundi dan mengambil minit mesyuarat;
- Selain daripada ahli-ahli ARMC, CFO dan Ketua CGRM dijemput menghadiri setiap mesyuarat. Ketua syarikat/jabatan dan kumpulan pengurusan masing-masing akan hadir apabila laporan audit mengenai syarikat/jabatan mereka dibentangkan untuk perbincangan. Juruaudit luar akan diminta hadir apabila perlu;
- Pengerusi akan mengadakan mesyuarat ARMC, di atas permintaan juruaudit luar, untuk mempertimbangkan sebarang perkara yang dipercayai harus dibawa kepada perhatian pengarah atau pemegang saham; dan
- Juruaudit luar berhak hadir dan bersuara di sebarang mesyuarat ARMC dan hendaklah hadir di mesyuarat ARMC apabila dikehendaki berbuat demikian oleh Jawatankuasa tersebut.

Tugas dan Tanggungjawab

Tugas dan tanggungjawab ARMC ke atas kumpulan-kumpulan berikut adalah seperti di bawah:

a. Lembaga Pengarah

- Mendapatkan jawapan yang memuaskan daripada pihak Pengurusan mengenai laporan yang sediakan oleh juruaudit dalaman dan juruaudit luar untuk dilaporkan kepada Lembaga Pengarah:
 - Mengetahui penemuan penting dan kesan laporan audit tentang operasi;
 - Pertimbangan dan keputusan yang dibuat di peringkat ARMC dengan menumpukan isu dan resolusi penting yang telah diselesaikan oleh ARMC, secara berkala; dan
 - Ringkasan mengenai kebimbangan dan kelemahan ketara dalam persekitaran kawalan yang diperhatikan sepanjang tahun dan langkah-langkah sesuai yang diambil untuk menangani isu-isu tersebut.
- Menyelia fungsi jabatan CGRM dan melaporkan kepada Lembaga Pengarah tentang perubahan ketara dalam perniagaan dan persekitaran luar yang mempengaruhi risiko-risiko utama;
- Mengkaji segala urusan berkaitan pematuhan yang disediakan oleh Pengurusan berkaitan keperluan kawal selia atau keperluan pelaporan luar lain, berhubung operasi Syarikat;
- Semakan laporan audit anak syarikat dan sebarang syarikat berkaitan turut terangkum di bawah bidang kuasa ARMC. Oleh yang demikian, semua fungsi yang dinyatakan di atas juga hendaklah dilaksanakan oleh ARMC dan diselaraskan dengan Lembaga Pengarah anak syarikat dan syarikat berkaitan; dan
- Mempertimbangkan perkara-perkara lain seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN RISIKO

b. Juruaudit Luar

- Mempertimbang pelantikan juruaudit luar, bayaran dan sebarang persoalan mengenai perletakan jawatan atau pemecatan;
- Berbincang dengan juruaudit luar mengenai bidang kuasa dan skop audit sebelum audit dimulakan, dan memastikan penyelarasan sekiranya ia melibatkan lebih daripada satu firma audit;
- Berbincang dengan juruaudit luar tentang laporan audit dan penilaian mereka terhadap sistem kawalan dalaman; dan
- Menyemak penyata kewangan suku tahunan dan tahunan Syarikat, dengan memberi tumpuan khusus terhadap:
 - sebarang perubahan dalam dasar dan amalan perakaunan;
 - pelarasan ketara yang berbangkit daripada audit;
 - andaian usaha berterusan; dan
 - pematuhan kepada piawaian perakaunan dan keperluan perundangan lain.

c. Juruaudit Dalaman

- Membincangkan masalah dan kebimbangan yang berbangkit daripada audit luaran, dan perkara-perkara lain yang ingin dibincangkan oleh juruaudit;
- Menyelia fungsi audit dalaman dengan:
 - Mengkaji semula kecukupan skop, fungsi, sumber fungsi audit dalaman dan memastikan ia mempunyai kuasa yang diperlukan untuk melaksanakan tugasnya;
 - Menyemak semula program dan proses audit dalaman, hasil program dan hasil proses audit dalaman atau siasatan yang dijalankan dan memastikan tindakan sewajarnya diambil susulan daripada saranan fungsi audit dalaman;
 - Menyemak sebarang penilaian yang dibuat ke atas prestasi ahli-ahli fungsi audit dalaman;
 - Menetapkan dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah tentang bidang kuasa fungsi audit dalaman;
 - Meluluskan pelantikan atau pelucutan jawatan ahli pengurusan kanan fungsi audit dalaman;
 - Mengemaskini maklumat terkini tentang peletakan jawatan ahli kakitangan audit dalaman dan memberi peluang kepada kakitangan yang meletak jawatan untuk memberikan sebab-sebab peletakan jawatan;
 - Memastikan audit dalaman sentiasa mempunyai sumber yang mencukupi dan cekap;
 - Memantau dengan teliti sebarang percanggahan ketara antara audit dalaman dengan pihak Pengurusan, tidak kira sama ada percanggahan ini telah diselesaikan atau tidak; dan
 - Mempertimbangkan isu-isu penting yang diperolehi daripada siasatan dalaman dan tindakan pihak Pengurusan.

d. Transaksi Pihak Berkaitan

- Mempertimbangkan sebarang transaksi pihak berkaitan yang mungkin berbangkit dalam Syarikat termasuk sebarang transaksi, prosedur atau perilaku yang membangkitkan persoalan tentang integriti Pengurusan.

Aktiviti-Aktiviti

Sejajar dengan bidang tugas ARMC, aktiviti berikut telah dilaksanakan sepanjang tahun kewangan ini:

- Menyemak dan meluluskan pelan audit jabatan CGRM dan juruaudit luar, termasuk skop kerja masing-masing yang disediakan oleh jabatan CGRM dan juruaudit luar bagi tahun kewangan tersebut;
- Menyemak laporan Syarikat yang disediakan oleh CGRM dan juruaudit luar dan mempertimbangkan isu-isu dan pelan tindakan;
- Menyemak laporan suku tahunan dan laporan tahunan Syarikat, sebelum diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan kelulusan;
- Menyemak cadangan dasar dan prosedur penting untuk diguna pakai oleh Syarikat, sebelum diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan kelulusan;

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN RISIKO

- Menyemak laporan Pengurusan Risiko yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko setiap suku tahun untuk pertimbangan dan kelulusan;
- Mesyuarat bersama juruaudit luar tanpa kehadiran pihak pengurusan;
- Menyemak prestasi, kebebasan dan fi juruaudit luar;
- Menyemak laporan mengenai ARMC, Penyata Tadbir Urus Korporat dan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman, sebelum dimuatkan di dalam Laporan Tahunan Syarikat;
- Menyemak dan mempertimbangkan laporan audit, isu dan saranan daripada juruaudit dalaman dan luar berdasarkan audit yang dikendalikan sepanjang tahun ini;
- Menyemak kecukupan sumber dan kecekapan kakitangan dalam lingkungan fungsi audit dalaman untuk melaksanakan pelan ini serta hasil kerja mereka; dan
- Menyemak dan mempertimbangkan semakan khas dan semakan *ad-hoc* yang dijalankan oleh CGRM atas permintaan khas pihak Pengurusan/ ARMC.

Fungsi Audit Dalaman

Syarikat mempunyai fungsi audit dalaman yang dijalankan oleh Jabatan CGRM. Jabatan CGRM melaporkan kepada ARMC dan secara administratif kepada CEO. Fungsi audit dalaman mempunyai tiga (3) kakitangan yang terdiri daripada Pengarah CGRM dan dua (2) juruaudit dalaman. Pengarah CGRM, Noramly Bachok adalah ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan Ahli Institut Juruaudit Dalaman Malaysia (IIAM).

Jabatan CGRM telah menerima pakai Piagam Tadbir Urus Korporat yang memperuntukkan kebebasannya dalam menilai dan melaporkan kecukupan, integriti dan keberkesanan sistem kawalan dalam secara keseluruhan, pengurusan risiko dan tadbir urus korporat dalam Syarikat menggunakan pendekatan yang sistematik dan berdisiplin. Inisiatif penambahbaikan peninjauan dan kawalan yang dijalankan oleh CGRM ditakrifkan dalam pelan audit tahunan yang dikaji semula dan diluluskan oleh ARMC sepanjang tahun kewangan.

Sepanjang tahun ini, sebagaimana dinyatakan dalam pelan audit dalaman yang diluluskan, CGRM telah menyemak dan membantu mendokumen dan memformalkan dasar dan prosedur Syarikat, serta memudahcara semakan risiko dan dokumentasi pelaporan risiko Ekuinas kepada RMC dan ARMC. CGRM turut berbincang dengan pengurusan Syarikat-syarikat Portfolio untuk menggalakkan pelaksanaan tadbir urus dan amalan-amalan terbaik.

CGRM juga terlibat dalam melaksanakan proses ketekunan wajar yang meliputi tadbir urus dan risiko pelaburan dalam usaha perolehan pelaburan baru. Sebagai sebahagian daripada proses penilaian pelaburan, isu-isu utama akan dibangkitkan kepada pihak Pengurusan dan Lembaga Pengarah dalam usaha memastikan semua risiko pelaburan utama dikurangkan secara teliti.

Semua fungsi audit dalaman sepanjang tahun ini telah dikendalikan oleh Jabatan CGRM selaras dengan Rangka Kerja Amalan Profesional (IPPF) oleh Institut Juruaudit Dalaman (IIA) dan rangka kerja Jawatankuasa *Sponsoring Organizations of the Treadway Commission* (COSO) yang merangkumi pemastian kakitangan juruaudit dalaman bebas daripada sebarang hubungan atau konflik kepentingan yang boleh mengganggu objektiviti dan kebebasan mereka. Tiada satu pun bidang fungsi audit dalaman yang ditugaskan kepada sumber luar.

Laporan ini disediakan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah yang bertarikh 12 Mac 2019.

DASAR PENDEDAHAN

Sebagai sebuah firma ekuiti persendirian yang dimandatkan untuk mengurus dan melabur dana awam, Ekuinas merupakan entiti awam yang beroperasi di dalam persekitaran yang dikawal selia dengan ketat. Justeru itu, kami menitikberatkan ketelusan di dalam perhubungan dengan semua pihak berkepentingan termasuk Kerajaan, syarikat-syarikat penerima pelaburan, pihak media dan seluruh rakyat Malaysia. Untuk mencapai matlamat ini, Syarikat telah mewujudkan rangka kerja pendedahan yang mesra-pasaran, telus dan dibentuk mengikut penanda aras amalan terbaik global.

Garis panduan pendedahan Ekuinas dirumus berdasarkan beberapa garis panduan industri, antara lainnya seperti garis panduan Walker Guidelines Monitoring Group 2007, sebuah kumpulan pemantauan ekuiti persendirian yang menggalakkan ketelusan dan pendedahan, dan Garis Panduan Laporan European Private Equity & Venture Capital Association (EVCA) 2006. Rangka kerja pendedahan Ekuinas telah dihasilkan berikutan kajian menyeluruh mengenai pendedahan yang disediakan oleh firma-firma ekuiti persendirian, dana negara berdaulat atau *sovereign wealth funds* dan dana lindung nilai terkemuka di seluruh dunia.

Pendedahan dibuat pada tahap berbeza-beza, daripada sekadar menyediakan maklumat minimum seperti nombor telefon untuk dihubungi dan maklumat asas syarikat di laman web rasmi, sehingga maklumat mengenai strategi dan matlamat syarikat, perolehan dan pelupusan, serta prestasi portfolio. Namun begitu, Ekuinas memilih organisasi seperti 3i plc yang berpangkalan di United Kingdom dan Tabung Pencen Kerajaan Norway, sebagai penanda aras, memandangkan organisasi ini menyediakan pendedahan sepenuhnya mengenai semua pegangan dan pemilikan portfolio, latar belakang kumpulan pengurusan, profil syarikat portfolio terpilih, serta laporan tahunan dan penyata kewangan teraudit.


Ekuinas komited untuk menyediakan pendedahan maklumat korporat yang saksama dan komprehensif, sejajar dengan amalan terbaik firma ekuiti persendirian global. Kami berhasrat mematuhi semua undang-undang dan peraturan demi memastikan komunikasi yang sewajarnya disebarkan kepada pihak awam menurut keperluan undang-undang dan kawal selia yang berkuat kuasa.

Dasar pendedahan kami merangkumi prinsip utama berikut:

- Dibentuk mengikut penanda aras amalan industri ekuiti persendirian dan dana negara berdaulat yang terkemuka;
- Maklumat penting harus didedahkan dengan saksama dan menyeluruh kepada pihak awam melalui laporan tahunan dan disebarkan dengan meluas melalui media massa;
- Bersikap responsif terhadap permohonan maklumat daripada pihak berkepentingan utama; dan pada masa yang sama turut mematuhi peraturan serta garis panduan dasar pendedahan ini; dan
- Sekiranya kami tidak dapat mendedahkan sebarang maklumat atas permintaan rakan pelabur bersama atau sekiranya pendedahan tersebut dapat menjejaskan pelan peningkatan nilai syarikat, kami akan memberikan penjelasan yang sewajarnya.

DASAR PENDEDAHAN

RANGKA KERJA PENDEDAHAN EKUINAS





FOKUS

Kami sentiasa fokus dalam
usaha untuk mencapai
objektif kami

*Ekuinas melabur dalam Flexi Versa Group Sdn Bhd, sebuah pengeluar produk komponen
dan siap guna terkemuka di Asia Tenggara pada 2018.*

DASAR PENDEDAHAN

RANGKA KERJA PENDEDAHAN EKUINAS





Ekuinas melabur dalam Flexi Versa Group Sdn Bhd, sebuah pengeluar produk komponen dan siap guna terkemuka di Asia Tenggara pada 2018.

ILTIZAM BERSAMA EKUINAS

EKUINAS MERUPAKAN WARGA KORPORAT YANG BERTANGGUNGJAWAB DAN KAMI BERUSAHA UNTUK MEMBERIKAN IMPAK YANG POSITIF SEBAGAI FIRMA EKUITI PERSENDIRIAN DENGAN MANDAT BUMIPUTERA BAGI MEMASTIKAN KAMI DAPAT MERANGSANG KEMAJUAN SOSIAL DAN PADA MASA YANG SAMA MEMBOLEHKAN INDIVIDU, KELUARGA DAN KOMUNITI UNTUK BERKEMBANG MAJU. EKUINAS MAMPU MELAKSANAKAN INI DENGAN ILTIZAM, YANG MENYUMBANG KEPADA MASYARAKAT DENGAN MEWUJUDKAN NILAI YANG LESTARI UNTUK KESEJAHTERAAN MASYARAKAT BUMIPUTERA.

ILTIZAM terdiri daripada tiga tunggak utama: Keusahawanan, Pendidikan dan Komuniti. Inisiatif objektif ILTIZAM ini selari dengan matlamat Ekuinas untuk menggalakkan penciptaan kekayaan serta penyertaan ekonomi Bumiputera yang saksama dan mampan.

● TUNGGAH DAN PROGRAM ILTIZAM ●



Pada 2018 dan tahun-tahun sebelumnya, setiap ringgit yang dibelanjakan oleh ILTIZAM dan semua keputusan inisiatif, nyata atau tidak nyata, diambil kira dan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah Ekuinas. Ini bagi memastikan semua perkara di bawah skop ILTIZAM, mematuhi piawaian tertinggi profesionalisme, akauntabiliti dan ketelusan.

Sejumlah RM7.7 juta telah dilaburkan dalam semua program kami di seluruh tiga tunggak ILTIZAM sepanjang tahun ini dan telah memberi kesan kepada kira-kira 9,000 penerima manfaat. Jumlah sumbangan yang telah diperuntukkan oleh ILTIZAM sepanjang lima tahun lalu adalah sebanyak RM37.2 juta.

ILTIZAM memupuk budaya menolong mereka yang memerlukan, kerana kami percaya bantuan yang disediakan boleh membantu mengubah perniagaan dan kehidupan mereka. Untuk merangka dan menggalakkan budaya ini, petunjuk prestasi utama (KPI) telah dilaksanakan untuk semua kakitangan Ekuinas pada 2018.

KPI ini menggalakkan semua kakitangan Ekuinas secara sukarela meluangkan sekurang-kurangnya sehari dalam satu atau dua program ILTIZAM. Kakitangan boleh menyumbang dalam inisiatif ILTIZAM atau memulakan program sendiri yang memerlukan penyertaan kakitangan Ekuinas yang lain. Dalam tahun pertama pelaksanaan ini, semua kakitangan Ekuinas telah memenuhi KPI masing-masing.

Sepanjang tahun ini, aktiviti yang disertai oleh kakitangan kami termasuk membungkus dan mengedarkan makanan kepada golongan gelandangan dan miskin, mengedarkan makanan dan duit raya pada bulan Ramadan. Ada juga kakitangan yang menjadi hakim untuk cabaran perniagaan yang juga sebahagian daripada Program Pembangunan Profesional ILTIZAM yang menyaksikan sukarelawan berkongsi pengetahuan mengenai perniagaan dan pelaburan bersama bakat-bakat muda masa hadapan.

ILTIZAM UNTUK KEUSAHAWANAN



Usahawan mikro, kecil dan sederhana diiktiraf sebagai tulang belakang kepada ekonomi dan dilihat sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara ini. Program **Mentor Usahawan ILTIZAM (EMP)** bertujuan untuk membantu perniagaan mikro dan kecil Bumiputera di seluruh negara dan menyokong sasaran kerajaan untuk melihat sumbangan PKS sebanyak 41% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2020.

Bagi menggalakkan usahawan di luar lingkungan aktiviti pelaburan teras, Ekuinas menerusi ILTIZAM, telah bertindak sebagai mentor kepada pemilik perniagaan kecil Bumiputera, iaitu mereka yang tidak termasuk dalam kriteria pelaburan kami kerana perniagaan mereka yang begitu kecil dari segi saiz.

Kami mahu membantu usahawan-usahawan ini untuk mengukuhkan perniagaan mereka dengan melabur dalam sistem, bahan-bahan pemasaran dan lain-lain keperluan perniagaan yang mereka diperlukan.

Pada 2018, bantuan daripada ILTIZAM EMP telah dilanjutkan kepada Raw Denim House, pembuat jeans vintaj Bumiputera dari Besut, Terengganu. Raw Denim House membuat sendiri seluar jeans dari kain denim yang diimport dari Jepun, Thailand, China, Dubai, Amerika Syarikat, Zimbabwe, Itali dan Turki.

Pembuatan jeans merupakan perniagaan yang tersendiri di Malaysia dan Raw Denim House memiliki ramai pelanggan setia dan pasaran yang semakin meningkat dan mengemari keaslian dan komitmen syarikat berkenaan dalam mengeluarkan jeans vintaj. Untuk memelihara kaedah membuat jeans tradisional, pengasas Raw Denim House menggunakan butang dua hala dibuat khas, jahitan rantai dan mesin yang dikeluarkan pada tahun 1940an dan 1950an.



Selepas mengenalpasti cabaran perniagaan yang dihadapi oleh Raw Denim House, ILTIZAM telah memulakan inisiatif untuk mengukuhkan kefahaman mengenai kewangan syarikat dan meningkatkan penampilan dan kebolehpasaran jeans buatan mereka. Ini dilakukan dengan menambah baik penyediaan penyata kewangan dan membina laman web e-dagang interaktif untuk seluar jeans khas untuk syarikat. Lain-lain inisiatif termasuk pelaksanaan projek ujian pasaran untuk membina kesedaran jenama dan meningkatkan keupayaan Raw Denim House ke pasaran, menambah baik proses perniagaan mereka dan membangunkan sistem kewangan syarikat. Matlamat kami adalah supaya inisiatif ini akan menambah baik operasi dalaman serta kebolehpasaran jenama dan produk Raw Denim House.

Usaha baharu yang dibuat oleh ILTIZAM untuk usahawan pada 2018 termasuk kerjasama dengan Youth Trust Foundation (MyHarapan) dan Pusat Inovasi Global dan Kreativiti Malaysia (MaGIC) yang bertujuan mewujudkan peluang pembiayaan mikro untuk komuniti B40 di seluruh negara.

Dikenali sebagai “PUSH Program” (Pemangkin Usahawan Sosial Hebat), inisiatif ini bertujuan untuk membangunkan usahawan dinamik, berdaya tahan dan terangkum, selain menjana

serta meningkatkan pendapatan masyarakat kurang berkemampuan menerusi program perantis.

Sebanyak empat perniagaan Bumiputera yang berasaskan impak dari PUSH Program telah dipilih oleh ILTIZAM. Sasarannya untuk keempat-empat perniagaan ini adalah untuk menyediakan peluang perniagaan francais mikro kepada sekurang-kurangnya 39 usahawan mikro daripada komuniti B40.

Peluang perniagaan francais mikro yang dipilih adalah seperti berikut:

- Stall Lipat, yang menyediakan gerai perniagaan makanan tersuai untuk peniaga makanan tepi jalan yang mudah alih dan berpatutan;
- MyFizro, perniagaan yang bermatlamat untuk memperkenalkan semula aiskrim batang, iaitu aiskrim tradisional Malaysia;
- Gading Emas Venture, syarikat yang menyediakan rundingan dan kit permulaan untuk mereka yang berminat dalam penternakan udang kara dan udang biasa; dan
- Walter Barber, entiti perniagaan yang menawarkan perkhidmatan tukang gunting rambut sepenuh masa.

ILTIZAM UNTUK PENDIDIKAN



ILTIZAM telah lama mengiktiraf pentingnya pendidikan dalam masyarakat yang progresif dan terangkum. Kami percaya bahawa pendidikan merupakan kunci masa depan untuk Malaysia memecahkan kitaran kemiskinan dan amat perlu bagi memenuhi keperluan berdikari dari segi ekonomi.

Keperluan untuk pendidikan dan peluang pembelajaran sepanjang hayat juga semakin penting bagi Malaysia untuk berjaya dalam ekonomi digital yang pesat berkembang dan Revolusi Perindustrian Keempat, yang lazimnya dikenali sebagai Industri 4.0.

Untuk menyumbang ke arah peningkatan modal insan negara ini, tunggak pendidikan ILTIZAM mendokong inisiatif seperti berikut:

- Program Perkembangan Pendidikan
 - Bantuan yang diberikan kepada Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (Yayasan Peneraju)
 - Dana Pendidikan ILTIZAM
 - Program Latihan dan Pembangunan Marin Minyak & Gas
 - Program Sokongan Sekolah
 - Program Kembali-ke-Sekolah
- Program Pembangunan Profesional



PROGRAM PERKEMBANGAN PENDIDIKAN ILTIZAM

ILTIZAM telah menyokong Yayasan Peneraju secara berterusan dalam mencapai mandat untuk meningkatkan kualiti bakat tenaga mahir Bumiputera. Tahun lalu, ILTIZAM telah menyediakan bantuan kewangan sebanyak RM600,000 kepada Yayasan Peneraju untuk membolehkan 28 pelajar Bumiputera meneruskan pendidikan tinggi di institusi-institusi pendidikan Ekuinas. Sehingga akhir tahun lalu, ILTIZAM telah menyumbang sebanyak RM2.0 juta kepada Yayasan Peneraju sepanjang tempoh lima tahun.

Dana Pendidikan ILTIZAM turut menyokong secara langsung pelajar Bumiputera yang memerlukan di institusi-institusi pendidikan Ekuinas iaitu Kolej Cosmopoint, Kuala Lumpur Metropolitan University College dan UNITAR International University.

Pelajar yang terlibat sering berdepan kesukaran untuk meneruskan pengajian mereka kerana datang dari keluarga yang menghadapi masalah kewangan tetapi mereka masih memiliki keinginan yang mendalam untuk terus belajar walaupun dalam keadaan sukar.

Memandangkan sokongan yang sangat terhad untuk para pelajar ini, kami berbesar hati kerana berpeluang membantu mereka. Ini kerana seperti yang kita tahu jika mereka diberi peluang untuk menamatkan pengajian dan mendapat pekerjaan, kesannya kepada kehidupan keluarga mereka tidak terukur. Kami berasa gembira melaporkan bahawa sejumlah RM2.6 juta telah diagihkan kepada 1,616 pelajar bagi membolehkan mereka meneruskan pendidikan tinggi masing-masing.

Dilancarkan pada 2016, Program Latihan dan Pembangunan Marin Minyak & Gas bertujuan untuk membangunkan pegawai-pegawai kanan Bumiputera untuk mengendalikan kapal minyak dan gas. Industri minyak dan gas memerlukan semua kapal untuk beroperasi dengan matriks anak kapal yang terdiri daripada pekerja tempatan dengan pangkat dan jawatan yang berbeza.

ILTIZAM UNTUK PENDIDIKAN

Sebahagian besar daripada mereka yang memegang jawatan kanan di atas kapal adalah terdiri daripada tenaga mahir asing yang bekerja di Malaysia. Jelas sekali, peningkatan bakat tenaga kerja maritim lebih dari kalangan pegawai kanan rakyat tempatan akan menyokong pertumbuhan dan daya tahan industri minyak dan gas negara ini.

Pada 2018, ILTIZAM telah melabur sebanyak RM600,000 untuk menaja 26 calon yang bekerja di Icon Offshore Berhad dan Orkim Sdn Bhd untuk meneruskan program pegawai kanan di Akademi Laut Malaysia (ALAM). Program ini telah berjaya membiayai seramai 58 calon Bumiputera, lapan daripadanya telah menamatkan program bagi pegawai kanan dan selebihnya iaitu seramai 50 orang masih menjalani latihan.

ILTIZAM juga turut menambah baik peluang pendidikan untuk masyarakat khususnya kanak-kanak kurang berkemampuan. Inisiatif ini dijalankan menerusi Program Sokongan Sekolah dan Program Kembali-ke-Sekolah. Program Sokongan Sekolah ini telah membantu Sekolah Kebangsaan Bukit Lanjan (SKBL) dan Sekolah Kebangsaan Tun Abdul Razak (SKTAR). Program di kedua-dua sekolah ini melibatkan masyarakat Orang Asli.

ILTIZAM telah membantu SKBL sepanjang empat tahun. Pada 2018, kami meneruskan inisiatif menaja kelas tuisyen Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia, Matematik dan Sains untuk pelajar-pelajar daripada Darjah Empat hingga Enam. Kami juga membantu guru-guru di sekolah ini untuk menghadiri latihan dengan program kepimpinan sekolah bersama Yayasan PINTAR (Promoting Intelligence, Nurturing Talent and Advocating Responsibility) di bawah Khazanah Nasional Bhd. Dalam tahun tersebut, kami telah menaja majlis berbuka puasa pada bulan Ramadan untuk 180 pelajar sekolah SKBL dan keluarga mereka.

Pada tahun 2018, kami turut melibatkan diri dengan sebuah sekolah baharu iaitu SKTAR, Kuala Kubu Bharu, Selangor yang mempunyai 187 pelajar masyarakat Orang Asli dalam daerah berkenaan. ILTIZAM menaja khemah perhimpunan untuk sekolah berkenaan membawa pelajar untuk lawatan ke Institusi

Pendidikan Guru Kampung Tengku Ampuan Afzan di Kuala Lipis, Pahang. Lawatan ke institut ini dimulakan oleh guru-guru SKTAR bagi membina kesedaran tentang kerjaya sebagai pendidik di kalangan pelajar.

ILTIZAM turut menganjurkan lawatan sambil belajar untuk pelajar-pelajar dari SKTAR dan SKBL. Lawatan ini dikenali sebagai 'Program Santai Minda 2018', termasuk lawatan ke Muzium Negara, Galeri Kuala Lumpur dan Pusat Sains Negara dengan matlamat untuk memberi mereka peluang belajar di luar kelas dan pendedahan mengenai penemuan dan inovasi baharu.

Sejumlah 2,237 pelajar dari 55 buah sekolah di 13 negeri telah manfaat daripada program Kembali-ke-Sekolah ILTIZAM pada 2018

Satu lagi inisiatif tahunan adalah program Kembali-ke-Sekolah ILTIZAM yang menyediakan keluarga dengan bantuan yang diperlukan bagi membolehkan anak-anak mereka terus bersekolah. Pada masa yang sama, bantuan ini mengurangkan bebanan ibu bapa untuk menyediakan keperluan sekolah anak-anak seperti pakaian seragam, stokin dan kasut. Penerima manfaat lazimnya terdiri daripada pelajar daripada isi rumah di bawah klasifikasi B40 yang tinggal di luar bandar.

Sejumlah 2,237 pelajar dari 55 buah sekolah di 13 negeri telah menikmati manfaat daripada program ini pada 2018. Inisiatif ini berjaya dilaksanakan dengan kerjasama rakan kongsi kami – agensi kerajaan, Kementerian Pendidikan, pejabat sekolah daerah dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).



ILTIZAM UNTUK PENDIDIKAN



PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL ILTIZAM

ILTIZAM amat yakin dengan membina keupayaan dan kemahiran siswazah Bumiputera yang dikendalikan menerusi program khas latihan siswazah selama setahun dengan penempatan sebanyak 75 untuk ditawarkan. Sumbangan kami dalam bidang ini dibuat menerusi Program Pembangunan Profesional (PDP) ILTIZAM, inisiatif asas Ekuinas dalam bidang pendidikan sejak 2012.

Dalam program ini, kami menyediakan pengalaman kerja sebenar kepada siswazah Bumiputera dari keluarga berpendapatan rendah, di syarikat-syarikat portfolio kami dan

syarikat rakan kongsi. Kami juga menyediakan mereka dengan pembangunan kepimpinan peribadi, peningkatan Bahasa Inggeris dan Komunikasi, selain penguasaan dan kemahiran teknikal yang diperlukan untuk meningkatkan kelayakan mereka untuk memasuki bidang pekerjaan.

Sepanjang program ini, mereka memperoleh pendapatan selain mendapat kemahiran asas yang diperlukan untuk menghadapi alam pekerjaan korporat. Siswazah berkenaan turut diberi akses kepada sesi bimbingan dan permentoran yang bertujuan untuk membentuk tingkah laku dan minda profesional. Semua aktiviti yang dikendalikan dalam 12 bulan ini direka untuk membina kejayaan kerjaya mereka untuk tempoh jangka masa panjang.

Pada 2018, seramai 70 pelatih menamatkan program dan 75 pelatih baru telah diterima menyertai program PDP ILTIZAM. Pelatih-pelatih baru ini dipilih daripada 7,000 permohonan di seluruh negara dan ditempatkan di syarikat Ekuinas, syarikat portfolio kami dan syarikat rakan kongsi.

Satu petunjuk kejayaan dalam program ini adalah bilangan pelatih yang telah mendapat pekerjaan tetap selepas menamatkan pengajian dari PDP ILTIZAM. Sejak penubuhan program ini pada 2012, lebih daripada 90% daripada pelatih telah berjaya mendapat pekerjaan tetap peringkat siswazah dan ramai daripada kalangan mereka kini berkhidmat di agensi kerajaan, syarikat senarai awam, bank dan institusi pendidikan, selain syarikat-syarikat portfolio Ekuinas.



ILTIZAM UNTUK KOMUNITI



Program Komuniti Lestari merupakan tunggak ketiga Rangka Kerja ILTIZAM. Inisiatif komuniti kami bertujuan untuk membuktikan piawaian tanggungjawab sosial yang tinggi dengan meneruskan usaha meningkatkan kualiti kehidupan di kalangan Bumiputera khususnya golongan kurang berkemampuan dan kurang bernasib baik di seluruh negara serta memperkasakan pengamal-pengamal seni dan budaya dalam usaha memelihara warisan Malaysia.

Pada 2018, ILTIZAM meneruskan kerjasama dengan Batik Boutique, iaitu sebuah perusahaan sosial yang pernah menerima anugerah. Di sini, kami menyumbang kepada pusat Batik Boutique yang baharu yang dibuka awal tahun lalu. Pusat ini dilengkapi dengan mesin menjahit yang baharu dan pengubahsuaian. Pusat ini berfungsi sebagai bengkel dan pusat latihan untuk wanita golongan kurang berkemampuan yang tinggal di sekitar flat Program Perumahan Rakyat (PPR) di Kota Damansara. Mereka diberi peluang bekerja sebagai tukang jahit dan menjalani pelbagai latihan seperti menjahit, mencorak batik dan pembungkusan.

Kemahiran yang diperlukan dari Batik Boutique ini membolehkan mereka memperoleh pendapatan yang baik dan meningkatkan kebolehpasaran mereka. Hasilnya, pengeluaran hasil karya Batik Boutique telah menyaksikan peningkatan yang besar di pusat berkenaan.

Seperti di tahun-tahun sebelumnya, ILTIZAM telah mendermakan makanan dan bahan kegunaan harian kepada golongan kurang berkemampuan pada bulan Ramadan. Sumbangan ini melibatkan sejumlah RM160,000 dan memanfaatkan seramai 5,200 orang. Mereka termasuk kanak-kanak



di Rumah Kasih Pertiwi, keluarga miskin bandar di PPR Bukit Bangsar dan PPR Kota Damansara serta pelajar miskin dari Universiti Antarabangsa UNITAR International University, Kuala Lumpur Metropolitan University College dan Kolej Cosmopoint.

ILTIZAM turut bekerjasama dengan Institut Onn Ja'afar (IOJ), pertubuhan bukan kerajaan yang menyediakan perubatan, pendidikan, makanan dan barangan bantuan kepada golongan miskin dan terpinggir.

Dalam program ini, ILTIZAM bekerjasama dengan IOJ dalam program Jom Bekpes, inisiatif penyediaan sarapan untuk kanak-kanak miskin dan gelandangan di Chow Kit, Kuala Lumpur.

Selain membuat sumbangan sebanyak RM30,000 bagi perbelanjaan sarapan pagi, kakitangan Ekuinas turut sukarela menyumbang masa mereka untuk membungkus dan mengagih makanan dalam 13 sesi Jom Bekpes antara Julai hingga November 2018.

ILTIZAM turut memulakan kerjasama lain dengan MyHarapan kepada *Social Project Challenge 2018* untuk menggalakkan golongan belia menangani isu sosial yang dihadapi negara menggunakan model

Pada 2018, ILTIZAM terus bekerjasama dengan sebuah perusahaan sosial yang pernah menerima anugerah, Batik Boutique. Di sini, kami menyumbang kepada pusat Batik Boutique yang baharu dan dibuka awal tahun lalu. Pusat ini dilengkapi dengan mesin menjahit yang baharu dan pengubahsuaian



ILTIZAM UNTUK KOMUNITI



perniagaan usahawan sosial. ILTIZAM telah menyumbang RM30,000 untuk mengendalikan program ini. Warga kerja Ekuinas telah menyumbang kepakaran mereka untuk menjadi mentor kepada pelajar yang dibahagikan kepada 10 kumpulan yang telah dipilih untuk menyertai boot kem tiga hari untuk memperbaiki idea mereka.

ILTIZAM juga telah membuat sumbangan kewangan kepada Badan Amal Kebajikan Al-Miezan, Persatuan Orang-orang Cacat Anggota Malaysia, Hidayah Centre Foundation, Tabung Thalassaemia Malaysia, Program Tilawah Al-Quran dan Festival Kuantan Kreatif pada 2018.

Untuk menyokong seni dan budaya negara, ILTIZAM telah menaja Jerayawara Pekan Bangsawan Warisan Budaya 2018, jelajah yang merai dan mempromosikan Teater Bangsawan yang merupakan sebahagian daripada warisan budaya Melayu.

Jerayawara Pekan Bangsawan Warisan Budaya 2018, anjuran bersama Pat Ibrahim Project Entertainment dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, berlangsung di sembilan lokasi di seluruh negara. Setiap lokasi



dianjurkan simposium mengenai pemeliharaan Teater Bangsawan dan bengkel selama empat hari mengenai produksi muzikal yang mempersembahkan Bangsawan Dendam Laksamana, sebuah persembahan teater muzikal berdasarkan kepada sejarah Sultan Mahmud Mangkat Dijulang.

Kami ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada warga kerja Ekuinas, rakan kongsi ILTIZAM, sukarelawan dan penerima manfaat. Usaha yang dicapai oleh ILTIZAM dan semua perubahan positif ini tidak akan dicapai tanpa kerjasama yang diberikan.

Kami di ILTIZAM berharap segala usaha ini bagi tahun yang ditinjau telah memberi impak yang besar kepada penerima manfaat dan telah memberi inspirasi serta mendorong mereka untuk mencapai potensi sepenuhnya. Kami berharap dapat terus membantu perniagaan mikro dan kecil Bumiputera serta pelbagai golongan masyarakat di seluruh negara.

RENDAH DIRI

Kami berpegang teguh
kepada asal usul kami

Ekuinas menyokong organisasi bukan kerajaan, PUSAKA dalam usahanya untuk memelihara seni pembuatan Rebana Ubi pada 2014.

ILTIZAM UNTUK KOMUNITI



RENDAH DIRI

perniagaan usahawan sosial. ILTIZAM telah menyumbang RM30,000 untuk mengendalikan program ini. Warga kerja Ekuinas telah menyumbang kepakaran mereka untuk menjadi mentor kepada pelajar yang dibahagikan kepada 10 kumpulan yang telah dipilih untuk menyertai boot kem tiga-hari untuk memperbaiki idea mereka.

ILTIZAM juga telah membuat sumbangan kewangan kepada Badan Amal Kebajikan Al-Miezan, Persatuan Orang-orang Cacat Anggota Malaysia, Hidayah Centre Foundation, Tabung Thalassaemia Malaysia, Program Tilawah Al-Quran dan Festival Kuantan Kreatif pada 2018.

Untuk menyokong seni dan budaya negara, ILTIZAM telah menaja Jerayawara Pekan Bangsawan Warisan Budaya 2018, jelajah yang merai dan mempromosikan Teater Bangsawan yang merupakan sebahagian daripada warisan budaya Melayu.

Jerayawara Pekan Bangsawan Warisan Budaya 2018, anjuran bersama Pat Ibrahim Project Entertainment dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, berlangsung di sembilan lokasi di seluruh negara. Setiap lokasi dianjurkan simposium mengenai

Kami berdepan dengan keberhasilan kami



pemeliharaan Teater Bangsawan dan bengkel selama empat hari mengenai produksi muzikal yang mempersembahkan Bangsawan Dendam Laksamana, sebuah persembahan teater muzikal berdasarkan kepada sejarah Sultan Mahmud Mangkat Dijulang.

Kami ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada warga kerja Ekuinas, rakan kongsi ILTIZAM, sukarelawan dan penerima manfaat. Usaha yang dicapai oleh ILTIZAM dan semua perubahan positif ini tidak akan dicapai tanpa kerjasama yang diberikan.

Kami di ILTIZAM berharap segala usaha ini bagi tahun yang ditinjau telah memberi impak yang besar kepada penerima manfaat dan telah memberi inspirasi serta mendorong mereka untuk mencapai potensi sepenuhnya. Kami berharap dapat terus membantu perniagaan mikro dan kecil Bumiputera serta pelbagai golongan masyarakat di seluruh negara.



Ekuinas menyokong organisasi bukan kerajaan, PUSAKA dalam usahanya untuk memelihara seni pembuatan Rebana Ubi pada 2014.

EKUINAS DIRECT (TRANCHE II) FUND

PADA 31 DISEMBER 2018

TINJAUAN DANA

Nama Dana	Ekuinas Direct (Tranche II) Fund
Tahun Permulaan Dana	2012
Status	Dilaburkan sepenuhnya
Modal Terikat	RM1.0 bilion
Tempoh	5 Tahun + 2 Tahun + 1.5 Tahun
Tempoh Pelaburan	3 hingga 5 Tahun
Bentuk & Struktur Rasmi	Satu pengurus dana dan satu pelabur. Dana: Ekuinas Direct (Tranche II) Fund Pengurus Dana: Ekuiti Nasional Berhad Domisil Dana: Malaysia
Tumpuan Geografi	Malaysia
Tumpuan Geografi	<i>Buy-Out</i> dan Dana Modal Pertumbuhan
Tumpuan Industri	- Pendidikan - Minyak & Gas - Barangan Pengguna Laris (FMCG) - Peruncitan & Percutian - Penjagaan Kesihatan - Perkhidmatan

EKUINAS DIRECT (TRANCHE II) FUND

PADA 31 DISEMBER 2018

NILAI ASET BERSIH (NAB) DANA PADA 31 DISEMBER 2018

	2017 RM juta	Perubahan dalam tahun RM juta	2018 RM juta
A. Modal Diperuntukkan	1,000.0	-	1,000.0
B. Modal Dipanggil	1,051.5	13.5	1,065.1
C. Modal Dilabur Semula	4.8	-	4.8
D. Jumlah Modal Disediakan (B+C)	1,056.3	13.5	1,069.9
E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)	95.0	(10.0)	85.0
F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)	1,151.3	3.5	1,154.9
Tambah peningkatan/(pengurangan) ke atas Nilai Aset Bersih:			
Pendapatan Dividen	12.4	4.9	17.3
Keuntungan/(Kerugian) Bersih yang Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	346.9	(69.2)	277.7
Keuntungan Direalisasi dari Aktiviti Pelupusan	27.6	160.6	188.2
Keuntungan Faedah Bersih	4.8	2.1	6.9
Jumlah Pulangan Kasar Portfolio	391.7	98.4	490.1
Perbelanjaan Organisasi	(154.6)	(40.6)	(195.2)
Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad (C+H)*	(102.6)	(449.8)	(552.4)
Keuntungan/(Pengurangan bersih) dalam Nilai Aset Bersih	134.6	(392.0)	(257.5)
G. Nilai Aset Bersih	1,285.9	(388.5)	897.4
Nilai Aset Bersih terdiri daripada:			
Pelaburan - pada kos	831.7	(151.1)	680.6
Keuntungan/(Kerugian) Bersih yang Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	346.9	(69.2)	277.7
Pelaburan pada Nilai Saksama	1,178.6	(220.3)	958.3
Tambah: Baki Tunai	20.2	(3.2)	17.0
Tambah: Baki Kerja	88.4	(166.3)	(77.9)
Tambah: Modal Tidak Dipanggil	(1.3)	1.3	-
Bersamaan Nilai Aset Bersih	1,285.9	(388.5)	897.4
Nilai Aset Bersih	1,285.9	(388.5)	897.4
H. Modal Diagihkan	97.8	449.8	547.6
Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)	1,383.7	61.3	1,445.0
IRR Kasar Tahunan	14.6%		14.0%
IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)	10.2%		9.8%
Pembahagian Keuntungan (RM juta)	57.8		72.3
H/B Pengagihan tunai berbanding modal dipanggil	0.1		0.5
G/B Nilai aset bersih berbanding modal dipanggil	1.2		0.8
(G+H)/B Jumlah nilai berbanding modal dipanggil	1.3		1.4
B/A Modal dipanggil berbanding modal terikat	1.1		1.1

* Termasuk pengagihan modal yang dilabur semula

EKUINAS DIRECT (TRANCHE II) FUND

PADA 31 DISEMBER 2018

PRESTASI PELABURAN

(a) Ringkasan Terealisasi pada 31 Disember 2018

Syarikat	Tarikh Mula Pelaburan	Kepentingan %	Kos pelaburan [#] RM juta	Nilai Saksama [#] RM juta	Jumlah terealisasi RM juta
Icon Offshore Berhad	19 November 2012	9.6	201.1	924.8	302.1
PrimaBaguz Sdn Bhd	27 November 2013	100.0	40.0		
Asia Pacific Institute of Information Technology Lanka Pvt Ltd	20 Disember 2013	45.9	20.3		
Revenue Valley Group	27 Jun 2014	-	10.0		
Coolblog Sdn Bhd	24 Julai 2014	60.0	45.8		
Orkim Sdn Bhd	18 Disember 2014	95.5	309.8		
Jumlah			627.0		

IRR Kasar 14.0% setahun

IRR Bersih 9.8% setahun

IRR Bersih diperolehi selepas fi pengurusan dan perbelanjaan operasi lain.

[#] Kos pelaburan mewakili jumlah bersih pembiayaan

(b) Ringkasan Terealisasi pada 31 Disember 2018

Syarikat	Tarikh Pelupusan	Kepentingan %	Kos Pelaburan RM juta	Jumlah Realisasi RM juta
Terealisasi Sepenuhnya				
Burger King Singapore	18 Ogos 2015	100.0	47.2	23.9
Burger King Malaysia	18 Ogos 2015	20.9	52.6	25.1
Lyndarahim Ventures Sdn Bhd	28 Mac 2016	-	5.0	6.0
Tenby Educare Sdn Bhd	17 Januari 2018	70.0	70.0	168.4
Tranglo Sdn Bhd	11 Oktober 2018	60.0	52.8	114.9
Separa Terealisasi				
Icon Offshore Berhad	25 Jun 2014	7.8	76.6	154.0

EKUINAS DIRECT (TRANCHE III) FUND

PADA 31 DISEMBER 2018

TINJAUAN DANA

Nama Dana	Ekuinas Direct (Tranche III) Fund
Tahun Permulaan Dana	2014
Status	Sedang dilaburkan
Modal Terikat	RM1.5 bilion
Tempoh	5 Tahun + 2 Tahun
Tempoh Pelaburan	3 hingga 5 Tahun
Bentuk & Struktur Rasmi	Satu pengurus dana dan satu pelabur. Dana: Ekuinas Direct (Tranche III) Fund Pengurus Dana: Ekuiti Nasional Berhad Domisil Dana: Malaysia
Tumpuan Geografi	Malaysia
Tumpuan Pelaburan	<i>Buy-Out</i> dan Dana Modal Pertumbuhan
Tumpuan Industri	- Pendidikan - Minyak & Gas - Barangan Pengguna Laris (FMCG) - Peruncitan & Percutian - Penjagaan Kesihatan - Perkhidmatan

EKUINAS DIRECT (TRANCHE III) FUND

PADA 31 DISEMBER 2018

NILAI ASET BERSIH (NAB) DANA PADA 31 DISEMBER 2018

	2017 RM juta	Perubahan dalam tahun RM juta	2018 RM juta
A. Modal Diperuntukkan	1,500.0	-	1,500.0
B. Modal Dipanggil	384.9	603.8	988.7
C. Modal Dilabur Semula	-	10.8	10.8
D. Jumlah Modal Disediakan (B+C)	384.9	614.6	999.5
E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)	127.5	77.5	205.0
F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)	512.4	692.1	1,204.5
Jumlah peningkatan/(pengurangan) ke atas Nilai Aset Bersih:			
Pendapatan Dividen	28.1	22.6	50.7
Keuntungan/(Kerugian) Bersih Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	83.8	(55.3)	28.5
(Kerugian)/Keuntungan Direalisasi dari Aktiviti Pelupusan	(57.7)	36.7	(21.0)
Perbelanjaan Faedah Bersih	(0.4)	(4.3)	(4.7)
Jumlah Pulangan Kasar Portfolio	53.9	(0.3)	53.5
Perbelanjaan Organisasi	(127.4)	(54.3)	(181.6)
Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad (C+H)*	-	(127.0)	(127.0)
Pengurangan bersih dalam Nilai Aset Bersih	(73.5)	(181.6)	(255.1)
G. Nilai Aset Bersih	438.9	510.5	949.4
Nilai Aset Bersih terdiri daripada:			
Pelaburan - pada kos	852.3	157.8	1,010.1
Keuntungan/(Kerugian) Bersih Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	83.8	(55.3)	28.5
Pelaburan pada Nilai Saksama	936.1	102.5	1,038.6
Tambah: Baki Tunai	4.5	2.8	7.3
Tambah: Baki Kerja	(501.7)	440.2	(61.5)
Tambah: Modal Tidak Dipanggil	-	(35.0)	(35.0)
Bersamaan Nilai Aset Bersih	438.9	510.5	949.4
Nilai Aset Bersih	438.9	510.5	949.4
H. Modal Diagihkan	-	116.3	116.3
Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)	438.9	626.8	1,065.7
IRR Kasar Tahunan	10.7%		4.5%
IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)*	N/M		N/M
Pembahagian Keuntungan (RM juta)	-		-
H/B Pengagihan tunai berbanding modal dipanggil	-		0.1
G/B Nilai aset bersih berbanding modal dipanggil	1.1		1.0
(G+H)/B Jumlah nilai berbanding modal dipanggil	1.1		1.1
B/A Modal dipanggil berbanding modal terikat	0.3		0.7

* Termasuk pengagihan modal yang dilabur semula

* Tidak dikemukakan kerana modal masih dilaburkan

EKUINAS DIRECT (TRANCHE III) FUND

PADA 31 DISEMBER 2018

PRESTASI PELABURAN

(a) Ringkasan Portfolio pada 31 Disember 2018

Syarikat	Tarikh Mula Pelaburan	Kepentingan %	Kos Pelaburan [#] RM juta	Nilai Saksama [#] RM juta	Pulangan Kasar Portfolio RM juta
PMCare Sdn Bhd*	29 Disember 2015	60.0	21.0	747.6	74.5
MediExpress (Malaysia) Sdn Bhd*	29 Disember 2015	60.0	58.8		
Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd	22 Julai 2016	35.0	67.3		
ILMU Education Group	15 Disember 2015	-	16.7		
Icon Offshore Berhad	5 Disember 2017	-	20.0		
Davex (Malaysia) Sdn Bhd	12 Disember 2017	100.0	76.5		
Cosmopoint Group	27 Disember 2017	90.0	54.7		
UNITAR International University	27 Disember 2017	90.0	109.2		
Revenue Valley Group	27 Disember 2017	85.8	132.4		
Icon Offshore Berhad	27 Disember 2017	32.7	100.1		
Flexi Versa Group Sdn Bhd	16 April 2018	70.0	52.5		
Jumlah			709.1		

IRR Kasar 4.5% tahunan

IRR Bersih N/M**

IRR Bersih diperolehi selepas fi pengurusan dan perbelanjaan operasi lain.

[#] Kos pelaburan mewakili jumlah bersih pembiayaan^{*} Pelupusan PMCare Sdn Bhd dan MediExpress (Malaysia) Sdn Bhd selesai pada awal 2019^{**} Tidak dikemukakan kerana modal masih dilaburkan

(b) Ringkasan Terealisasi pada 31 Disember 2018

Syarikat	Tarikh Pelupusan	Kepentingan %	Kos Pelaburan RM juta	Jumlah Realisasi RM juta
Terealisasi Sepenuhnya				
ILMU Education Group	29 Disember 2017	-	95.8	40.2
ILMU Education Group	17 Januari 2018	-	37.5	72.2

EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE I) FUND

PADA 31 DISEMBER 2018

TINJAUAN DANA

Nama Dana	Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund
Tahun Permulaan Dana	2011
Status	Dilaburkan sepenuhnya
Modal Terikat	RM400.0 juta
Tempoh	6 Tahun + 1 Tahun + 1 Tahun
Tempoh Pelaburan	3 hingga 6 Tahun
Bentuk & Struktur Rasmi	Satu pengurus dana dan pelbagai pelabur. Disumber luar kepada dana dan pengurus berikut: 1) Dana: Navis Malaysia Growth Opportunities Fund I, L.P. Pengurus Dana: Navis MGO I GP Ltd Domisil Dana: Cayman Islands 2) Dana: CIMB National Equity Fund Ltd. P. Pengurus Dana: CIMB General Partner Ltd Domisil Dana: Labuan 3) Dana: TAP Harimau Fund L.P. Pengurus Dana: TAP (Malaysia) Ltd Domisil Dana: Labuan
Tumpuan Geografi	Malaysia
Tumpuan Pelaburan	Dana Modal Pertumbuhan Minoriti
Tumpuan Industri	Am kecuali senarai pelaburan negatif Ekuinas

EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE I) FUND

PADA 31 DISEMBER 2018

NILAI ASET BERSIH (NAB) DANA PADA 31 DISEMBER 2018

	2017 RM juta	Perubahan dalam tahun RM juta	2018 RM juta
A. Modal Diperuntukkan	400.0	-	400.0
B. Modal Dipanggil	307.0	0.7	307.7
C. Modal Dilabur Semula	26.0	-	26.0
D. Jumlah Modal Dilaburkan (B+C)	333.0	0.7	333.7
E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)	-	-	-
F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)	333.0	0.7	333.7
Tambah Peningkatan/(Pengurangan) ke atas Nilai Aset Bersih:			
Keuntungan/(Kerugian) Bersih Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	113.5	(30.0)	83.6
Keuntungan/(Kerugian) Direalisasi dari Aktiviti Pelupusan	(1.8)	11.7	9.9
Pendapatan Faedah/(Perbelanjaan)	-	-	-
Jumlah Pulangan Kasar Portfolio	111.7	(18.3)	93.5
Perbelanjaan Organisasi	(19.1)	5.5	(13.7)
Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad (C+H)*	(26.0)	(145.9)	(171.9)
Peningkatan/(Pengurangan) Bersih dalam Nilai Aset Bersih	66.6	(158.7)	(92.2)
G. Nilai Aset Bersih	399.6	(158.0)	241.5
Nilai Aset Bersih terdiri daripada:			
Pelaburan - pada kos	146.5	(1.4)	145.1
Keuntungan/(Kerugian) Bersih Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	113.5	(30.0)	83.6
Pelaburan pada Nilai Saksama	260.0	(31.4)	228.7
Tambah: Baki Tunai	-	-	-
Tambah: Baki Kerja	139.6	(126.6)	12.9
Tambah: Modal Tidak Dipanggil	-	-	-
Bersamaan Nilai Aset Bersih	399.6	(158.0)	241.5
Nilai Aset Bersih	399.6	(158.0)	241.5
H. Modal Diagihkan	-	145.9	145.9
Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)	399.6	(12.1)	387.5
IRR Kasar Tahunan	7.5%		5.7%
IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)	6.6%		4.8%
Pembahagian Keuntungan (RM juta)	6.2		-
H/B Pengagihan tunai berbanding modal dipanggil	-		0.5
G/B Nilai aset bersih berbanding modal dipanggil	1.3		0.8
(G+H)/B Jumlah nilai berbanding modal dipanggil	1.3		1.3
B/A Modal dipanggil berbanding modal dipanggil	0.8		0.8

* Termasuk pengagihan modal yang dilabur semula

(TRANCHE I) FUND

PADA 31 DESEMBER 2018

Ringkasan Portfolio pada 31 Desember 2018

Syarikat	Komitmen Ekuinas RM juta	Komitment Modal Persendirian RM juta	Jumlah Saiz Pelaburan RM juta	Modal Dilabur oleh Ekuinas RM juta	Pelaburan dari pihak lain RM juta	Nilai Aset Bersih RM juta
Navis Malaysia Growth Opportunities Fund I, L.P.						
CIMB National Equity Fund Ltd. P.						
TAP Harimau Fund L.P	400.0	151.9	551.9	145.1	80.1	241.5

IRR Kasar 5.7% tahunan

IRR Bersih 4.8% tahunan

EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE II) FUND

PADA 31 DISEMBER 2018

TINJAUAN DANA

Nama Dana	Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund
Tahun Permulaan Dana	2013
Status	Dilaburkan sepenuhnya
Modal Terikat	RM240.0 juta
Tempoh	7 Tahun + 1 Tahun
Tempoh Pelaburan	3 hingga 7 Tahun
Bentuk & Struktur Rasmi	Satu pengurus dana dan pelbagai pelabur. Disumber luar kepada dana dan pengurus berikut: 1) Dana: RMCP One Sdn Bhd Pengurus Dana: RMCP Cayman Ltd. Domisil Dana: Malaysia 2) Dana: COPE Opportunities 3 Sdn Bhd Pengurus Dana: CMS Opus Private Equity Sdn Bhd Domisil Dana: Malaysia 3) Dana: Tael Tijari (OFM) L.P. Pengurus Dana: TAEL Tijari Partners Ltd. Domisil Dana: Cayman Islands
Tumpuan Geografi	Malaysia
Tumpuan Pelaburan	Dana Modal Pertumbuhan Minoriti
Tumpuan Industri	Am kecuali senarai pelaburan negatif Ekuinas

EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE II) FUND

PADA 31 DISEMBER 2018

NILAI ASET BERSIH (NAB) DANA PADA 31 DISEMBER 2018

	2017 RM juta	Perubahan dalam tahun RM juta	2018 RM juta
A. Modal Diperuntukkan	240.0	-	240.0
B. Modal Dipanggil	92.3	0.8	93.2
C. Modal Dilabur Semula	-	-	-
D. Jumlah Modal Disediakan (B+C)	92.3	0.8	93.2
E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)	-	-	-
F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)	92.3	0.8	93.2
Tambah peningkatan/(pengurangan) ke atas Nilai Aset Bersih:			
Kerugian Bersih Belum Direalisasi atas Nilai Aset Pelaburan	(8.3)	(2.6)	(10.9)
Kerugian Direalisasi dari Aktiviti Pelaburan	(2.3)	-	(2.3)
Jumlah Kerugian Kasar Portfolio	(10.6)	(2.6)	(13.2)
Perbelanjaan Organisasi	(5.3)	(0.4)	(5.7)
Pengurangan Bersih Belum Direalisasi atas Nilai Aset Pelaburan	(15.9)	(3.0)	(18.9)
G. Nilai Aset Bersih	76.4	(2.2)	74.2
Nilai Aset Bersih terdiri daripada:			
Pelaburan - pada kos	85.2	(0.3)	84.9
Kerugian Bersih Belum Direalisasi Atas Nilai Saksama Pelaburan	(8.3)	(2.6)	(11.0)
Pelaburan pada Nilai Saksama	76.9	(2.9)	73.9
Tambah: Baki Tunai	-	-	-
Tambah: Baki Kerja	(0.5)	0.7	0.3
Tambah: Modal Tidak Dipanggil	-	-	-
Bersamaan Nilai Aset Bersih	76.4	(2.2)	74.2
Nilai Aset Bersih	76.4	(2.2)	74.2
H. Modal Diagihkan	-	-	-
Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)	76.4	(2.2)	74.2
IRR Kasar Tahunan[#]	N/M		N/M
IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)[#]	N/M		N/M
Pembahagian Keuntungan (RM juta)	0.5		0.5
H/B Pengagihan tunai berbanding modal dipanggil	-		-
G/B Nilai aset bersih berbanding modal dipanggil	0.8		0.8
(G+H)/B Jumlah nilai berbanding modal dipanggil	0.8		0.8
B/A Modal dipanggil berbanding modal dipanggil	0.4		0.4

* Termasuk pengagihan modal yang dilabur semula

IRR Kasar dan IRR Bersih untuk Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund tidak dibentangkan kerana dana tersebut masih berada di peringkat awal pelaburan

EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE II) FUND

PADA 31 DISEMBER 2018

PRESTASI PELABURAN

Ringkasan Portfolio pada 31 Disember 2018

Syarikat	Komitmen Ekuinas RM juta	Komitmen Modal Persendirian RM juta	Jumlah Saiz Pelaburan RM juta	Modal Dilabur oleh Ekuinas RM juta	Pelaburan dari pihak lain RM juta	Nilai Aset Bersih RM juta
RMCP One Sdn Bhd						
COPE Opportunities 3 Sdn Bhd						
Tael Tijari (OFM) L.P.	180.0*	110.1	290.1	84.9	47.2	74.2
					IRR Kasar	N/M [#]
					IRR Bersih	N/M [#]

* Tuas Capital Partners Malaysia Growth I L.P. telah ditamatkan pada 2015

[#] Prestasi kewangan bagi Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund tidak dibentangkan kerana dana tersebut masih berada di peringkat awal pelaburan

NOTA LAPORAN PORTFOLIO

1. NOTA LAPORAN PORTFOLIO

Juruaudit luar, PwC, ditugaskan oleh Ekuinas untuk melaksanakan prosedur-prosedur tertentu bagi memuktamadkan Laporan Portfolio di halaman 108 - 120 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, dan telah menyemak maklumat yang terkandung dalam Nilai Aset Bersih Dana dan Prestasi Pelaburan setakat 31 Disember 2018 yang dimuatkan dalam laporan ini untuk menyokong data sumber yang berkenaan dan telah membuat semula pengiraan, di mana perlu.

GLOSARI

Dana kepada Kumpulan Wang

Instrumen kewangan yang melabur dalam beberapa kerjasama ekuiti persendirian. Program Penyumberan Luar Ekuinas adalah Dana kepada Kumpulan Wang di mana Ekuinas mengumpulkan modal dengan pengurus dana ekuiti persendirian pihak ketiga yang telah dilantik untuk melabur bagi pihaknya.

Fi Pengurusan

Fi pengurusan ketika tempoh pelaburan adalah dikira sebagai peratusan fi yang dikenakan ke atas komitmen yang dibuat oleh rakan terhad kepada dana. Penentu utama beban kerja Rakan Am adalah mencari potensi pelaburan dan ini dipacu oleh saiz jumlah komitmen kepada dana dan bukan amaun sebenar yang dilaburkan pada tahap tertentu dalam jangka hayat dana.

Kadar Pulangan Dalaman (IRR) Bersih %

Kadar Pulangan Dalaman Bersih diterima oleh Rakan Terhad selepas ditolak fi dan carry. Kadar pulangan dalaman adalah berdasarkan aliran tunai direalisasi dan penilaian faedah berbaki dalam perkongsian. IRR adalah angka anggaran, kerana ia bergantung bukan sahaja kepada aliran tunai tetapi juga penilaian aset yang tidak direalisasi.

Kerjasama Awam-Swasta

Persetujuan/perjanjian kontraktual di antara badan-badan awam, pihak berkuasa tempatan atau kerajaan pusat dengan syarikat-syarikat swasta untuk menghasilkan projek umum, sosial atau infrastruktur ekonomi.

Komitmen

Jumlah modal tertentu yang dijanjikan untuk dana ekuiti persendirian. Jumlah komitmen kepada dana ekuiti persendirian adalah bersamaan dengan jumlah saiz dana.

Modal Pertumbuhan

Modal pertumbuhan merujuk kepada dana yang digunakan untuk menggalakkan pertumbuhan syarikat atau digunakan untuk mengembangkan perniagaan.

Modal Teroka

Modal teroka adalah sejenis pelaburan ekuiti persendirian yang memberi modal kepada perniagaan baru dan sedang berkembang. Dana teroka ini melabur dalam syarikat-syarikat permulaan dan perniagaan kecil yang mempunyai potensi untuk berkembang dalam jangka masa panjang.

Pasaran Baharu Muncul

Dana yang melabur dalam ekuiti atau memberi pinjaman kepada pasaran baharu muncul yang selalunya mempunyai pertumbuhan yang tinggi dan mudah berubah.

Pelaburan Bersama

Pelaburan bersama ialah pelaburan minoriti yang dibuat bersama-sama pelabur ekuiti persendirian yang lain. Ianya pasif dan merupakan satu pelaburan tiada kepentingan kerana syarikat ekuiti persendirian yang terlibat biasanya menjalankan fungsi kawalan dan pemantauan.

Pelaburan Bolt-on

(juga dikenali sebagai Pelaburan Tambahan)

Pelaburan yang dilaksanakan melalui syarikat portfolio sedia ada, kebiasaannya perniagaan dalam industri yang sama, dan memberikan nilai strategik.

Pelaburan Buy-out

(juga dikenali sebagai MBO-LBO-MBI-BIMBO)

Pelaburan buy-out membolehkan pengurusan operasi sedia ada dan pelabur untuk memperoleh atau membeli pegangan saham ketara dalam syarikat yang diuruskan. Syarikat ekuiti persendirian biasanya mendapatkan kepentingan majoriti dalam ekuiti syarikat yang didasarkan apabila buy-out berlaku.

Pelaburan Komited

Amaun modal yang telah dikhususkan untuk pelaburan dalam syarikat portfolio.

Pelaburan Persendirian di dalam Ekuiti Persendirian

Pelaburan oleh dana ekuiti persendirian di dalam syarikat dagangan awam.

Pelupusan

Pengurangan aset atau penjualan perniagaan sedia ada oleh firma.

Rakan Am (*General Partner*)

Rakan Am bertanggungjawab menguruskan portfolio dan keuntungan dana ekuiti persendirian dan/serta memperoleh fi pengurusan.

Rakan Terhad (*Limited Partner*)

Institusi atau pelabur individu/sofistikated yang menyumbang modal kepada dana ekuiti persendirian. Dalam kes Ekuinas, Rakan Terhadnya ialah Yayasan Ekuiti Nasional/Kerajaan Malaysia.

Rizab Tunai (*Dry Powder*)

Jumlah rizab tunai atau aset cair yang ada untuk digunakan dalam pelaburan.

Sektor Tumpuan

Dana yang dilaburkan khusus dalam perniagaan yang beroperasi dalam industri atau sektor tertentu dalam ekonomi.

Strategi “Beli dan Bina”

Strategi yang menyokong pertumbuhan organik portfolio syarikat melalui perolehan tambahan.

Surutan (*Drawdown*)

Perbuatan memindahkan modal yang telah dikhususkan kepada dana untuk membuat pelaburan.

Syarikat Portfolio/Syarikat Penerima Pelaburan

Syarikat portfolio atau syarikat penerima pelaburan ialah syarikat atau entiti di mana dana ekuiti persendirian melabur. Kesemua syarikat ini disokong oleh syarikat ekuiti persendirian dan diletakkan di bawah portfolio pelaburan.

Berdasarkan definisi di www.preqin.com dan kegunaan dalaman yang diterima pakai di Ekuinas.

Ekuiti Nasional Berhad (868265 U)

Aras 16, Menara Surian,
No 1 Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara,
47810 Petaling Jaya, Selangor.

Tel: +603 7710 7171 Faks: +603 7710 7173

www.ekuinass.com.my